

Jilid II
Bil. 2



Hari Selasa
8hb April, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 169]

USUL-USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Sen Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 214]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat (Ruangan 258)

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SOON LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- „ DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „, TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis)
- TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „, TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „, TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „, DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „, TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „, TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „, TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „, DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR (Dilantik).
- „, TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „, DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „, DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „, TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „, TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „, DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „, RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

Yang Berhormat TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B. S.T. J., DATUK KAYA Pati (Dilantik).
- TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 8hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

FAKTOR PENCEN KEPADA PESARA

1. Jeneral Tan Sri Datuk Haji Abdul Hamid bin Bidin minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) sama ada Faktor Pencen yang telah diluluskan oleh Tribunal Perkhidmatan Awam terhadap pesara-pesara di bawah Skim Pencen Suffian meliputi juga pesara-pesara dari Angkatan Tentera yang telah dibayar pencen berdasarkan Skim Tan Sri Sheikh Abdullah dan Skim Pencen sebelumnya, dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan supaya pesara-pesara daripada Angkatan Tentera tidak akan ketinggalan daripada mendapat faedah yang sama sebagaimana keputusan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam kepada pesara-pesara awam.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Raul): Tuan Yang di-Pertua, keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam mengenai pesara-pesara awam baru-baru ini sebenarnya tidak meliputi pesara-pesara lain daripada pesara-pesara Skim Pencen Suffian yang menerima pencen mengikut faktor 1/800. Walaupun demikian, memandangkan bahawa ada juga pesara-pesara yang lain seperti pesara-pesara daripada Angkatan Tentera yang telah bersara di Bawah keadaan yang sama, maka Kerajaan telahpun bersetuju untuk memajukan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu kepada mereka yang berkenaan. Oleh yang demikian, pesara-pesara Angkatan Tentera

yang berpangkat rendah yang telah bersara di bawah faktor 1/720 dan pegawai-pegawai yang bersara di bawah faktor 1/800 akan juga menikmati pemulihan faktor pencen 1/600 seperti pesara-pesara Skim Pencen Suffian. Tindakan untuk membayar tunggakan kepada pesara-pesara Angkatan Tentera yang berkenaan itu sedang diuruskan oleh Kementerian Pertahanan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan adanya sungutan dari pesara Angkatan Tentera dan juga Polis kita dalam masalah persaraan ini, adakah Kerajaan bercadang hendak mewujudkan satu suruhanjaya sahaja berhubung dengan skim persaraan termasuk Angkatan Tentera dan Polis, maka dengan ini kita akan dapat mengurangkan tenaga suruhanjaya dan dapat melicinkan dan menyegerakan pembayaran kepada mereka. Adakah tujuan ini akan dibuat?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Raul: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Mengenai dengan Suruhanjaya, apa yang ada pada hari ini Kerajaan memang sudah puas hati dengan sistem yang ada pada hari ini. Kalau mengenai dengan pencen ini, seperti yang saya katakan tadi semua pesara-pesara akan diberi faktor pencen yang sama.

TUNJUK PERASAAN DI ALOR SETAR

2. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengelakkan kejadian tunjuk perasaan seperti yang telah terjadi di Alor Star daripada berlaku lagi di masa hadapan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis

adalah bertanggungjawab bagi ketenteraman awam dan juga keselamatan negara dan pihak Polis juga sentiasa mengawasi dan mengesan sebarang petanda ataupun bibit-bibit yang boleh akhirnya mencetuskan apa-apa rusuhan ataupun demonstrasi. Langkah yang diambil ialah bertindak agar rusuhan-rusuhan atau demonstrasi yang dirancangan itu tidak berlaku.

Pihak Polis juga adalah mempunyai kuasa bagi mengambil tindakan untuk mengelak atau mencegah ianya daripada berlaku, juga mengawal dan bertindak ke atas orang-orang yang bertanggungjawab merancang dan menyertai demonstrasi-demonstrasi itu.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut kenyataan yang telah diumumkan melalui semua mass media yang menimbulkan rusuhan ini adalah satu pertubuhan yang dinamakan P.A.S. Adakah Kementerian berkenaan bercita-cita untuk menghapus ataupun memadamkan pertubuhan ini di seluruh negara?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah P.A.S. itu?

Puan Rahmah binti Othman: Pertubuhan Angkatan Sabilullah.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang P.A.S. ataupun Pertubuhan Angkatan Sabilullah ini terlibat di dalam demonstrasi yang telahpun terjadi di Alor Setar itu dan sekarang ini pihak Polis sedang menjalankan siasatan lanjut dan langkah-langkah sedang dan akan diambil untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan yang berkenaan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada kegiatan-kegiatan yang telah disebutkan tadi berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat sehingga pada hari ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, daripada kegiatan yang dilakukan oleh P.A.S. yang saya faham sebagaimana yang telahpun dinyatakan dalam kenyataan-kenyataan yang lalu sebanyak 15 orang yang terlibat dalam demonstrasi itu telahpun ditangkap dan

mereka ini telahpun disoal-siasat dan beberapa orang telahpun ditahan di bawah undang-undang yang tertentu iaitu Undang-undang Keselamatan Dalam Negeri dan sebahagian daripadanya disekat dan selain daripada itu dibebaskan dan selanjutnya pihak Polis sedang menjalankan langkah-langkah ataupun operasi untuk mengikis lagi saki baki pemimpin-pemimpin yang harus terlibat dengan pertubuhan tersebut ataupun dengan demonstrasi yang telah berlaku itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam tunjuk perasaan yang ada di Alor Setar, Yang Berhormat telah memberi jawapan kepada Dewan ini, saya ingin tahu adakah Kementerian ini telah mengetahui lebih awal bahawa Parti PAS telah diserap oleh P.A.S. (Pasukan Angkatan Sabilullah) ini atau setelah Kerajaan dapat tahu bilamana pegawai-pegawainya mengumumkan baru-baru ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis memang mengetahui segala aktiviti ataupun gerakan-gerakan bawah tanah ataupun haram yang menjalankan kegiatan-kegiatan dan juga pihak Polis memang tahu tentang rancangan-rancangan yang telah diambil untuk mengadakan satu tunjuk perasaan atau demonstrasi dan langkah-langkah telahpun diambil untuk mencegahnya. Walau bagaimanapun, oleh sebab tindakan-tindakan itu adalah secara sederhana yang tidak positif pada masa itu, maka dengan itu demonstrasi itu telah dapat diadakan juga. Dan sebagaimana yang telahpun diketahui sepanjang demonstrasi pihak Polis juga mengambil langkah yang sederhana, tidak mengambil tindakan-tindakan yang boleh membangkitkan keadaan yang lebih serius sehinggalah menjadi sedikit sebanyak rusuhan di mana terpaksa diambil langkah untuk menyuraikan demonstrasi-demonstrasi yang tersebut.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan. Oleh kerana telah diumumkan bahawa Pasukan Angkatan Sabilullah ini adalah ranting ataupun cawangan sebahagian daripada satu parti politik di negara ini, adakah Menteri yang berkenaan akan membuat penyiasatan kepada persatuan ini di

seluruh Malaysia, penyiataan melihatkan bahawa ranting P.A.S. ini tidak melarat-larat di seluruh Malaysia.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Sila ulang.

Puan Rahmah binti Othman: Oleh kerana telah dinyatakan bahawa Pasukan Angkatan Sabilullah ini adalah lahirnya daripada satu parti politik iaitu Parti Islam Se Malaysia, adakah Menteri bercita-cita ataupun mengambil tindakan untuk membuat penyiataan kepada semua cawangan PAS di seluruh Malaysia ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah terangkan tadi siasatan sedang dibuat di atas perkara tersebut ini dan saya rasa Pertubuhan Angkatan Sabilullah bukanlah ranting Parti PAS atau Parti Islam Setanah Melayu tetapi adalah difahamkan pertubuhan ini adalah dialatkan oleh Parti yang tersebut itu.

Tuan S. I. Rajah: Saya hendak tahu dari Menteri, sama ada betul atau tidak orang ramai yang berdemonstrasi itu mengikut doctrine Ayatullah Khomeini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh jadi juga.

HOSPITAL BESAR ALOR SETAR

3. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kesihatan menyatakan bila rumah Sakit Alor Setar yang baru akan siap.

Tlmhalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak ada cadangan membina Hospital Besar baru di Alor Setar tetapi tindakan telah dan sedang diambil untuk membangun semula hospital yang ada sekarang berperingkat-peringkat.

GETAH—LANGKAH MENAMBAH PENGELUARAN

4. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perusahaan Utama bahawa memandangkan peningkatan keperluan dunia terhadap getah,

nyatakan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kementerian beliau untuk membuka lebih banyak tanah bagi penanaman getah dan memberi galakan menanam benih yang banyak mengeluarkan hasil dan yang bermutu tinggi.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memanglah sedar akan meningkatnya keperluan dunia terhadap getah. Oleh yang demikian Kementerian saya sekarang sedang merangkakan satu dasar yang lebih dikenali dengan nama Dasar Pengeluaran Dinamik bagi perusahaan getah. Dalam hal ini perundingan telah dan sedang diadakan di antara Kementerian saya dengan Kementerian-kementerian, agensi-agensi yang berkaitan dengan tujuan satu Kertas dapat disediakan untuk dibentangkan kepada Jumaah Menteri yang akan menggariskan langkah-langkah untuk menambahkan lagi pengeluaran getah negara di masa hadapan.

Pembukaan tanah-tanah yang baru merupakan sebagai salah satu langkah positif yang dicadangkan dalam strategi Dasar Pengeluaran Dinamik. Langkah-langkah di dalam Dasar Pengeluaran Dinamik mengambil kira kehendak dan situasi serta ramalan kedudukan getah dunia serta peranan Malaysia untuk menambahkan getahnya supaya kedudukan Malaysia kekal sebagai pengeluar getah utama di dunia.

Adalah dijangka dengan perlaksanaannya kelak Dasar Pengeluaran Dinamik maka pengeluaran getah asli negara dapat dipertimbangkan lagi memandangkan kepada jangka keperluan dunia terhadap getah yang akan meningkat di masa hadapan.

Mengenai usaha menggalakkan supaya menanam benih-benih yang banyak mengeluarkan hasil yang bermutu tinggi pihak Institut Penyelidikan Getah Malaysia telah dan sedang membuat kajian ke arah itu. Untuk memperolehi daya pengeluaran yang tinggi, Institut tersebut menggalakkan amalan beberapa jenis benih dan clone-clone yang bermutu bagi estet dan pekebun kecil.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat Institut tersebut telah berjaya memperkenalkan clone yang boleh mengeluarkan susu getah di antara 2,000 hingga lebih 3,000

kilogram getah setahun. Penggunaan clone-clone yang memberi penghasilan yang tinggi ini dapat diperluaskan menerusi bantuan tanaman semula yang mencukupi. Dengan kerjasama RISDA, getah-getah tua dengan benih dan clone-clone yang lama dapat digantikan dengan benih-benih dan clone-clone baru yang bermutu tinggi.

Selain daripada itu pekebun-pekebun juga digalakkan supaya menambahkan bilangan pokok getah mereka bagi sehecta tanah untuk mendapatkan hasil yang lebih.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana demand atau kehendak dunia begitu banyak terhadap getah oleh kerana disebabkan minyak petrol telah naik dan harga getah pun makin lama makin mahal, dengan sebab itu competition dengan getah tiruan tiada lagi. Maka dengan sebab itu kenapakah Kerajaan kita pula hendak mengadakan ceiling price terhadap getah. Jangkanya kita tidak berkehendakkan ceiling price, makin dia naik makin bagus untuk Malaysia. Adakah ura-ura hendak mengenakan ceiling price. Oleh kerana dengar cakap Amerika, cakap Inggeris, jadi kita berkehendakkan ceiling price ini.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Perjanjian Getah Antarabangsa kita telah bersetuju diadakan floor price dan ceiling price, floor price untuk mendapat harga getah yang sesuai yang mana harga getah di pasaran dunia tidak akan diturun dari paras ini. Negara-negara pengeluar dan juga pengguna telah bersetuju untuk mengadakan ceiling price. Tetapi pada masa ini perjanjian ini tidak ada buffer stock dan oleh sebab itu harga getah boleh ditetapkan oleh pengeluaran dan permintaan getah asli di pasaran dunia. Oleh sebab itu ceiling price tidak boleh mendorong harga getah di pasaran dunia.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Betul atau tidak ada seorang orang putih yang pernah bekerja di negara kita dahulu telah menjadi Setiausaha kepada Instituit Penyelidikan Getah Dunia di England? Bolehkah atau tidak kita ganti orang putih itu dengan orang Malaysia?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya belum tahu instituit ini apa?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah, beri notis.

Tuan Kamarui Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah harga bumbung tadi, dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sama ada harga itu disyorkan oleh pihak pengeluar ataupun daripada pihak pengguna?

Bato' Paul Leong Khee Seong: Ceiling price ini dipersetujui oleh pihak negara-negara pengeluar dan juga negara-negara pengguna getah asli di dalam Majlis Getah Antarabangsa.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Masalah yang saya timbulkan begini, Tuan Yang di-Pertua. Perjanjian itu pun telah diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan di situ telah ditetapkan harga bumbung, kalau tidak salah saya. Jadi, soalan saya tanya tadi sama ada angka yang disebutkan itu, saya pun sudah lupa berapa, adakah disyorkan oleh pihak pengeluar ataupun disyorkan oleh pihak pengguna. Tentulah ada timbang balas semasa perundingan di Geneva itu.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan di sini bahawa pihak pengeluar dan pengguna getah asli suka mendapat satu paras harga getah yang stabil. Untuk penstabilan harga ini kita mesti mendapat ceiling price dan juga floor price.

Tuan Yang di-Pertua: Ini yang disyorkan?

Dato' Paul Leong Khee Seong: Ya, oleh kedua-dua pihak, bukan sahaja pihak pengguna getah asli tetapi pihak pengeluar getah asli.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ini pengeluaran getah tetapi ada juga pengeluar minyak dan pengguna minyak. Pengguna minyak tahu hari ini minyak dikehendaki oleh dunia kerana keperluan segala-galanya. Dengan sebab itu minyak tidak ada ceiling price dan tidak ada pula bottom price. Jadi masanya telah sampai dengan sebab itu tidakkah boleh kita sebagai pengeluar getah asli dunia, seperti Malaysia, Indonesia, Nigeria, Thailand sedikit sebanyak, empat

buah negeri ini sahaja menentukan harganya? Kalau tidak adanya getah asli, getah tiruan boleh digunakan untuk buat setengah-setengah barang sahaja. Macam roda kapal-terbang berkehendakkan synthetic rubber misalnya. Yang lain tidak boleh. Pada hari ini card ada di tangan kita dan tidakkah kita boleh menggunakan card ini bagi faedah negara kita supaya boleh menaikkan harga getah? Tidak payah diadakan bottom price, tidak apa sebab kita tahu harga minyak tidak akan turun. Bolehkah atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini jauh sedikit daripada pertanyaan asal.

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PAHANG—PERKHIDMATAN

5. Datuk Phua Cheng Leong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang enggan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai selepas pukul 3.00 petang; jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pahang enggan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai selepas pukul 3.00 petang seperti yang dinyatakan di dalam soalan Ahli Yang Berhormat. Kounter-kounter di Pejabat Pengangkutan Jalan adalah dibuka untuk perkhidmatan dari jam 8.00 pagi hingga 4.15 petang kecuali berhenti rehat pada waktu makan tengahari. Bagaimanapun untuk tujuan membuat bayaran, kounter-kounter tersebut ditutup pada jam 3.30 petang untuk membolehkan kakitangan yang berkenaan membuat kiraan hasil yang telah dipungut dengan tujuan hendak menyimpankan pungutan tersebut di bank-bank. Ini adalah amalan kounter-kounter hasil di pejabat-pejabat Kerajaan

ASEAN—KEAHLIAN VIETNAM

6. Tuan K. Kumaran minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Vietnam telah menunjukkan minat untuk menjadi ahli ASEAN bagi menjamin aman dan damai di rantau ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Vietnam menganuti ideologi dan sistem politik yang berbeza daripada negara-negara ASEAN, kita tidak pula menjangka dan Vietnam sendiri tidak pula ada menyuarakan hasrat untuk menganggotai ASEAN. ASEAN berpendapat bahawa sebab utama keadaan ketidakstabilan yang bergolak di rantau ini buat masa ini adalah berpunca dari campurtangan Vietnam terhadap negara Kampuchea disertai dengan keengganan Vietnam untuk mengundurkan tenteranya dari situ. Walaupun Vietnam tidak bersetuju dengan pandangan ASEAN ini, ia masih berpegang kepada prinsip bahawa ia mahu hidup dalam suasana keamanan dan muhibbah dengan negara-negara jiran terutamanya ASEAN dan telahpun menerima baik usaha-usaha Malaysia untuk mengadakan dialog dengannya bagi kepentingan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memandang soalan ini dengan pandangan yang berat kerana kita tahu pendirian Vietnam terhadap bukan ASEAN tetapi negeri kita.

Mengikut kenyataan Timbalan Menteri berkenaan dengan ini Vietnam pada amnya menghormati pendirian negeri-negeri ASEAN. Tetapi saya amat terkejut dengan jawapan yang sedemikian. Kalau sebenarnya Vietnam mengakui menghormati akan pendirian ASEAN—yang seluruh dunia tahu ialah bebas, berkecuali, tidak hendak campurtangan dalam negeri orang, tidak hendak merosakkan negeri orang dan jangan rosak negeri kita—mengapa Vietnam terus menjajah di Kampuchea sana dan seluruh dunia tidak dapat nafikan, hendak memperkembangkan ideologi dia?

Jadi pada pendapat saya ideologi Vietnam tidak terhad di Kampuchea sahaja, mungkin suatu hari terus ke ASEAN, khususnya ke negeri kita ini. Sebab itu saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri Luar Negeri apakah kesan daripada perundingan diplomat-diplomat kita berterus terang, semeja berunding dengan Vietnam pada masa lalu? Vietnam ini sebenarnya betulkah atau tidak akan menyerang katakanlah khususnya Malaysia, ataupun ini adalah cara-cara

diplomatik "saya hormat Malaysia, jangan takut, tidak apa-apa" begitu sajakah atau bagaimana?

Dafo' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pun pandang berat apa yang berlaku di Vietnam ini. Saya tidak ada menyebut bahawa pihak Vietnam menghormati pandangan ASEAN, cuma saya sebutkan tadi, kalau boleh saya ulangkan di sini. Pihak Vietnam bersedia untuk bekerjasama dan berunding dengan pihak ASEAN untuk bertukar-tukar pendapat dan pandangan atas perkara-perkara dan keadaan-keadaan yang berlaku di rantau ini. Tentang hubungan usaha untuk kita berdepan-depan ini senantiasa dijalankan urupamanya inilah menjadi punca utama kenapa Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri Malaysia sendiri mengadakan perhubungan untuk berdepan-depan dengan pihak Vietnam terutamanya pemimpin-pemimpin Vietnam untuk menyelami apakah sebenar pandangan dan cita-cita pihak Vietnam terhadap rantau ini. Untuk kita hendak membuat sesuatu pengesahan apakah sebenarnya, ini tidak dapatlah. Sebenarnya sebagai satu keadaan muktamat pendirian Vietnam terhadap sama ada Malaysia ataupun rantau ini, ini tidaklah dapat dilakukan dengan semudahnya sepertimana kita hendak harapkan itu.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula badan ASEAN ditubuhkan, negara Vietnam memandang badan ini seperti satu alat kepada Amerika Syarikat dan selepas kemenangan peperangan di kawasan Indo-China Vietnam telah mengiktiraf kepada negara-negara ASEAN serta memberi sokongan dan telah memberitahu bahawa negara itu akan bekerjasama dengan negara-negara ASEAN. Tetapi kelmarin saya dengar dalam Berita TV, Kerajaan Vietnam tidak ingin mengadakan perundingan-perundingan secara multi-lateral dengan negara-negara ASEAN tetapi negara itu cuma ingin mengadakan perundingan secara bilateral sahaja. Jadi, di sini kita nampak Kerajaan Vietnam takut dan syak hati dengan negara-negara ASEAN. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri memberi pendapat beliau sedikit.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang serupa akan saya jawab bila sampai kepada soalan No. 14 hari ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahav/a perkembangan kita dengan Vietnam adalah baik iaitu kita berdepan dengannya dalam membincangkan sesuatu masalah. Tadi Yang Berhormat telah mengatakan bahawa ketika ini Vietnam ada mempunyai idealogi dan politik yang berasingan. Sekiranya sampai suatu ketika dengan baik lobi kita dan ASEAN, Vietnam akan mengubah sikapnya menarik keluar tenteranya daripada Kampuchea dan mahu menghormati atas konsep kita, adakah ketika itu ASEAN atau Malaysia dapat menerima Vietnam ini masuk dalam keluarga kita.

Data' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini hypothetical sangat.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Ya, tentang hubungan baik itu dari segi pertalian hubungan tetapi tidak bermakna daripada segi konsep dan ideologi yang terdapat agak bertentangan seperti yang saya sebutkan tadi. Dan tentang apa kemungkinan yang akan berlaku nanti kita tunggulah keadaan yang akan berlaku dan kita akan membuat keputusan apabila kita menyeberangi keadaan itu nanti.

KURSUS PERHUBUNGAN AWAM

7. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan semua kakitangan Kerajaan mengikuti kursus Perhubungan Awam sepertimana yang telah dijalankan oleh kakitangan Perkhidmatan Pos untuk mencapai tujuan Perkhidmatan Cemerlang yang telah dilancarkan dahulu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat itu, perhubungan awam adalah satu aspek yang diutamakan atau

ditekankan dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak INTAN bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan. Selain daripada itu perhubungan awam adalah satu bidang yang juga diberi keutamaan dalam mana-mana kursus atau latihan yang diadakan dari masa ke semasa di bawah anjuran Latihan Dalam Jabatan. Kursus-kursus Perhubungan Awam adalah sebahagian sahaja daripada keseluruhan rancangan untuk mencapai perkhidmatan yang cemerlang dalam perkhidmatan awam. Dalam keadaan seperti yang saya nyatakan tadi, tidaklah dianggap perlu lagi untuk membuat arahan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

PEMILIKAN TANAH

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan peratus jumlah tanah yang dimiliki di seluruh Semenanjung Malaysia oleh:

- (a) orang-orang bukan Warganegara Malaysia;
- (b) Warganegara Malaysia bukan Bumi-putra; dan
- (c) Bumuiputra,

dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan undang-undang menyekat orang-orang bukan Warganegara Malaysia memiliki tanah di negara ini.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi Junid): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rekod-rekod pendaftaran tanah tersimpan di Pejabat-pejabat Tanah di seluruh negara maka amatlah sukar untuk mendapatkan butir-butir seperti yang diminta oleh Yang Berhormat itu di dalam masa yang singkat, lebih-lebih lagi mengenai pemilikan tanah oleh bukan rakyat Malaysia kerana sistem pendaftaran hakmilik yang dipusakai tidak-pun menunjukkan taraf kerakyatan seseorang pemilik itu. Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang ini sedang berusaha mewujudkan sistem simpanan rekod tanah secara Komputer di bawah projek NIDAS (land data bank) yang telahpun dimulakan di Pulau Pinang dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia.

Sistem ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain di negara ini dan sebarang kekurangan yang terdapat pada sistem sekarang sedang dihapuskan.

Sistem ini mungkin mengambil masa selama 3 tahun untuk diwujudkan dengan sempurna dan menyeluruh.

Bagi menjawab seterusnya pihak Kerajaan tidak bercadang hendak mengadakan undang-undang untuk menyekat orang-orang yang bukan warganegara daripada memiliki tanah di negara ini. Tanah-tanah Kerajaan Negeri adalah dikuasai dan dikawal oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri tidak lagi mengeluarkan kepada yang bukan warganegara, melainkan secara pajakan tanah untuk kilang-kilang.

Dalam mengeluarkan tanah-tanah baru kepada warganegara Malaysia, Kerajaan Negeri mengeluarkan sekatan syarat iaitu tanah-tanah yang dikurniakan kepada warganegara tidak boleh ditukar milik dengan apa-apa jalan sekalipun melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa Kerajaan Negeri.

PEMERIKSAAN KE ATAS PEJABAT KERAJAAN

9. Br Choo Khooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan melaksanakan satu sistem "pemeriksaan mengejut" ke atas pejabat-pejabat Kerajaan untuk menentukan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa rajin.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat itu, di bawah gerakan Perkhidmatan Cemerlang yang dianjurkan oleh Kerajaan, beberapa Pasukan Pelawat yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari beberapa agensi pusat telahpun ditubuhkan dengan tujuan melawat pejabat-pejabat Kerajaan untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh pejabat-pejabat dan juga untuk mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh orang awam apabila mereka mengadakan urusan dengan pejabat-pejabat Kerajaan. Semenjak penghujung tahun lepas pasukan-pasukan Pelawat ini telahpun menjalankan pemeriksaan mereka di beberapa jabatan dengan tumpuan khususnya kepada pejabat-pejabat yang ada hubungan rapat dengan

orang awam untuk mengkaji keadaan-keadaan seperti di atas dan juga untuk memastikan pegawai-pegawai Kerajaan sentiasa menjalankan tugas dengan rajin. Cara-cara pasukan-pasukan ini mengadakan lawatan mereka termasuklah pemeriksaan mengejut. Lawatan ini adalah berlainan daripada lawatan-lawatan yang sentiasa dibuat oleh Ketua-ketua Jabatan yang kerap diadakan yang juga bertujuan untuk memastikan Jabatan-jabatan Kerajaan berjalan dengan licin dan sempurna.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa pemeriksaan mengejut ini telah dilakukan oleh ketua sebuah Kerajaan Negeri umpama Menteri Besar atau Ketua Kerajaan Negeri, tetapi bila mana pemeriksaan mengejut dijalankan, pegawai-pegawai daripada Kerajaan Pusat membuat bantuan tidak puas hati atas lawatan ini kerana menurut pendapatnya bahawa mereka pegawai daripada Persekutuan tidak berhak Kerajaan Negeri ini mencampuri urusan itu, dan kalau berlaku ini, apa usaha yang sedang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dalam masalah ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak sedar adanya perkara ini berlaku tetapi seperti saya katakan tadi bahawa pelawat-pelawat dari Jabatan-jabatan Kerajaan iaitu yang telah menubuhkan pasukan pelawat ini, melawat bukan sahaja di peringkat negeri tetapi juga di peringkat daerah.

Mengenai kalau ada lawatan yang dibuat oleh misalnya Menteri Besar, saya tidak nampak tidak bersesuaian. Maka itu saya katakan tadi kita tidak sedar dan jikalau ada perkara itu dimintalah kerjasama Yang Berhormat itu memberi laporan kepada kami.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri memang baik dan memang elok apa yang dilakukan oleh pegawai ini dan apa yang diajar di INTAN dan sebagainya tetapi tahu atau tidak ini adalah komplek daripada orang-orang kampung yang datang ke pejabat-pejabat Kerajaan yang layanannya tidak bersopan, kadang-kadang orang

kampung ini terpaksa menanti berjam-jam, pegawainya minum kopi di dalam biliknya, berborak dan sebagainya. Kalau ada begini tidak payah Menteri Besar datang melawat, orang-orang besar datang melawat, Perdana Menteri datang melawat, orang kampung dapat tahu sahaja begitu, beri laporan begini. Boleh atau tidak Kementerian yang bertanggungjawab mengambil tindakan diperiksah orang itu nanti, beri sebab-sebabnya. Boleh atau tidak bertindak terhadap pegawai itu?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat itu terlalu umum, maka susahlah bagi kita mengambil tindakan kalau terlalu umum tetapi kalau ada kes-kes yang tertentu dengan bukti-bukti yang nyata, insya Allah Kerajaan akan mengambil tindakan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut Yang Berhormat Menteri menyebut itu terlalu umum, padahalnya terlalu terang. Apa yang saya katakan terang ialah sikap sebahagian pegawai-pegawai, bukan semua, ada banyak pegawai-pegawai kita yang berbudi bahasa tetapi tidak dinafikan ada pegawai-pegawai kita yang kasar, terutama di kampung-kampung terhadap orang-orang tua dan orang yang nampaknya berpakaian buruk, itu satu penghinaan.

Saya sendiri mengalami, Tuhan jadi saksi dalam Dewan yang mulia ini, bukan cakap pembongok dan saya sendiri pun kena baru bercakap tadi, saya hendak bercakap kepada seorang Menteri. Ini terang-terang, Tuan Yang di-Pertua, Setiausahanya tengking saya, seolah-olah siapa yang bercakap ini. Saya tidak hendak sebutlah saya Senator, yang sebenarnya saya seorang hamba Allah yang kecil dan kerdil. Saya sebut nama saya Ibrahim Abdullah hendak bercakap dengan Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn tegas, pemimpin kita mengatakan boleh Senator ini bercakap dengan mana Menteri pun, lagipun Menteri bukan Tuhan, manusia biasa sahaja, apa pula tidak boleh bercakap. Jadi saya hendak bercakap, dia marah saya, dia tanya, siapa awak? Saya begitu terkejut. Inilah pegawai-pegawai dalam tanahair kita. Apa yang dicakapkan itu tadi memang betul.

Saya hendak bertanya dalam tindakan disiplin Kerajaan terutama dalam kita hendak membina, membaiki pentadbiran negara yang saya sebutkan dahulu dan sekarang kita berterima kasih kerana Kerajaan bertindak dengan tegas, patutlah ini dijadikan satu peraturan. Pegawai-pegawai yang melawati peraturan dan adap yang macam ini, patut dikenakan satu tindakan yang wajar, jangan lagi jawab, siapa cagak, siapa saksi, selalu Menteri bercakap begitu. Kalau sesiapa yang bertanya, kalau sudah berlaku esok, baru kita buat. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri sebut, kalau berlaku peperangan nanti, barulah kita ambil tindakan. Jadi maafkanlah saya hendak menyebutkan ini, Tuan Yang di-Pertua, adakan satu tindakan yang sewajar sebagaimana negeri-negeri yang maju, terutama Jepun ataupun negeri jiran yang dekat, siapa pegawai-pegawai yang tidak mengikut disiplin, bagi surat kecil kepadanya, kalau hendak keluarpun, boleh keluar.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat itu tentu faham apa yang saya maksudkan terlalu umum ialah kerana kita tidak ada menerima pengaduan. Tentulah kita tidak boleh mengambil tindakan kalau dikatakan pegawai Kerajaan cuai, pegawai Kerajaan yang mana? Demi untuk keadilan, kita mesti mahu tahu siapa nama pegawai itu dan bukti-bukti itu ditunjukkan. Jadi saya rasa ini yang perlu. Kalau ada berlaku, sekali lagi saya ulangkan, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan yang wajar mengenai dengan pegawai-pegawai yang berkenaan. Dengan itu Kerajaan telah mengadakan satu Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri khas untuk membuat pengaduan mengenai dengan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas tidak betul dan dalam kegiatan-kegiatan Biro ini termasuklah juga Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri yang boleh membuat pengaduan terus kepada Jabatan Perdana Menteri dan kalau diterangkan namanya, pegawainya, jamnya dan tarikhnya, kita akan siasat untuk tindakan. Saya rasa kalau kita bertindak liar tanpa bukti yang banyak, saya rasa ini kurang adil juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan kita.

STUDIO F.M. STEREO

10. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk membina studio F.M. Stereo di kawasan selatan dan utara untuk pendengar-pendengar di kawasan-kawasan tersebut memandangkan buat masa ini perkhidmatan tersebut hanya dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya sahaja.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, dalam peringkat pembangunan negara sekarang ini, Kerajaan tidak bercadang membina studio-studio F.M. di kawasan selatan dan utara kerana ada perkara yang lain lagi dalam bidang penyiaran yang perlu diutamakan. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan sedang mengkaji kemungkinan siaran F.M. Mono untuk mengatasi kesesakan di ruangan siaran di rantau ini.

WANITA TERLIBAT DENGAN DADAH

11. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kaum wanita yang terlibat dengan kes-kes memilik dan mengedar dadah dan dari jumlah itu berapa orangkah yang telah dihukum penjara.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin **Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kaum wanita yang telahpun ditangkap dan terlibat dengan dadah adalah seperti berikut:

Tahun	Memiliki dadah	Mengedar dadah
1978	.191 orang	16 orang
1979	.145 "	8 "

Dari jumlah-jumlah ini seramai 61 orang wanita telahpun dihukum penjara kerana memiliki dadah dan 67 orang pula dihukum penjara kerana mengedar dadah dalam tahun 1978 dan juga tahun 1979.

Pada hari kelmarin Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman gantung kepada seorang wanita pengedar dadah.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah atau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka di antara kaum yang terlibat.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

PASUKAN KHAS AHLI-AHLI PARLIMEN MENGENAI ADUAN

12. Puan Ralimah bini Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercita-cita menubuhkan satu pasukan khas yang terdiri dari Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negara Malaysia dengan tujuan untuk melihat dengan sendirinya aduan-aduan orang ramai yang begitu banyak terutama di Jabatan-jabatan Kerajaan yang memberikan khidmat kepada orang ramai seperti Jabatan Pos, Talikom, RIMV, Hospital dan Jabatan-jabatan lain.

Datuk Pengiran Ottoman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercita-cita hendak menubuhkan suatu Pasukan Khas yang terdiri dari Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Negara Malaysia untuk melihat dengan sendirinya aduan-aduan orang ramai terhadap beberapa Jabatan-jabatan Kerajaan. Aduan-aduan orang ramai terhadap Jabatan-jabatan Kerajaan adalah dikendalikan oleh Biro Pengaduan Awam di Jabatan Perdana Menteri. Biro ini telah ditubuhkan bagi merapatkan hubungan antara Kerajaan dengan orang ramai dan juga sebagai salah satu saluran untuk orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan Perkhidmatan Kerajaan atau mengenai satu-satu tindakan Pentadbiran yang dirasakan tidak adil. Buat masa ini Kerajaan adalah berpuashati dengan hasil tugas-tugas yang dijalankan oleh Biro ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1974 hingga 1979 Biro itu telah menyiasat sebanyak 13,257 aduan dan menyelesaikan 10,993 daripadanya. Sebanyak 4,015 aduan pula melibatkan perkara-perkara yang tidak jatuh di bawah kekuasaan Biro untuk mengambil tindakan. Aduan-aduan ini telah dikemukakan oleh Biro kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk tindakan. Biro ini telah menerima surat

penghargaan daripada pengadu-pengadu yang sangat berpuashati pertolongan dan khidmat yang telah diberikan.

Di samping Biro Pengaduan Awam, terdapat juga Biro Siasatan Negara, Jabatan Odit Negara dan Public Accounts Committee yang juga terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen termasuk Ahli-ahli daripada parti Pembangkang yang boleh memainkan peranan masing-masing bagi membanteras perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Melalui Biro Pengaduan Awam Kerajaan telah mengedarkan surat kepada semua Ahli-ahli Parlimen, melantik mereka sebagai Penerima Aduan. Edaran-edaran termasuk juga kepada Ahli-ahli Dewan Negeri, Pegawai-pegawai Daerah, Ketua-ketua Polis Daerah, Pegawai-pegawai Penerangan, Guru-guru Besar, Penghulu-penghulu/Penggawa-penggawa dan Komanden-komanden Garison. Oleh yang demikian, Kerajaan telahpun memberi peluang kepada ke semua Ahli-ahli Parlimen untuk melayan aduan-aduan daripada orang ramai dan mengambil tindakan-tindakan untuk mengemukakannya pada pihak berkuasa.

Oleh itu Kerajaan tidak bercita-cita untuk menubuhkan satu Pasukan Khas seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada pengaduan disiasat oleh Biro Pengaduan Awam dan selain daripada Ahli-ahli Parlimen cuma menerima dan mengirim balik aduan daripada si pengadu itu dan dihantar kepada pihak-pihak yang berkenaan, saya ingin tahu dapatkah Ahli-ahli Parlimen iaitu Senator dan Ahli Dewan Rakyat sendiri menyiasat satu-satu hal tentang satu-satu perkara yang dikemukakan kepada mereka.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, jika keperluan itu timbul bolehlah ditimbang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan jumlah banyaknya pengaduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam dan berapa Biro Pengaduan Awam yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan pengaduan orang ramai. Jawatankuasa tidak

hendak diwujudkan, Adakah Kerajaan bercadang hendak mewujudkan satu badan atau jawatankuasa perunding berbincang bagi semua Kementerian, semua Ketua Jabatan dengan masyarakat. Dengan keadaan ini akan mengurangkan rasa tidak puas hati kepada rakyat dalam negeri ini. Adakah badan ini hendak ditubuhkan oleh Kerajaan.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, ini kita akan kaji,

BARANG-BARANG KURANG BERMUTU

13. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beberapa skandal telah berlaku mengenai pembelian barang-barang yang kurang bermutu untuk kegunaan berbagai Jabatan Kerajaan dan jika sedar nyatakan peraturan yang diamalkan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan untuk membeli barang-barang keperluan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar adanya skandal seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau laporan diberi kepada Kementerian yang berkenaan, sediakah Kerajaan menerima dan mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat. Saya hendak memberitahu umpamanya, sesuatu jabatan hendak membeli satu barang, Ketua Jabatan itu memberi satu ulasan yang sangat baik kepada pemborong, sekiranya pemborong ini dapat berjaya dalam tender ini Ketua Jabatan itu akan dapat wang bawah meja. Jadi keadaan ini pernah berlaku sebab itu kita dapat barang yang kurang bermutu dan hal ini kalau ada clapatkah Kementerian mengambil tindakan dan kami akan melaporkan kepada Kerajaan atas Ketua Jabatan-jabatan yang ada menerima wang bawah meja.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya didapati bahawa sesuatu mutu barang atau perkhidmatan itu tidak memuaskan, Kerajaan boleh bertindak terhadap pembekal itu mengikut syarat-syarat dalam perjanjian.

MENTERI LUAR VIETNAM/ MALAYSIA—DIALOG

14. Daruk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau akan melanjutkan perbincangan dalam masa lawatan Menteri Luar Negeri Vietnam, Tuan Nguyen Co Thach ke Malaysia mengenai sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Vietnam terhadap Deklarasi Kuala Lumpur dan sudahkah tarikh lawatan Menteri Luar Negeri Vietnam itu ditetapkan.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan meneruskan dialog dan menyambung perbincangan dengan Kerajaan Vietnam berhubung dengan perkara yang mendapat perhatian bersama kedua negara, terutama sekali mengenai pertikaian di Kampuchea seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia berminat penuh untuk menubuhkan kawasan aman dan stabil di Asia Tenggara sejajar dengan prinsip dan objektif ZOPFAN. Kita menyambut baik dan berhati-hati akan sokongan yang telah diberikan oleh Kerajaan Vietnam semasa lawatan Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri ke Hanoi Januari lalu untuk menggunakan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai ZOPFAN sebagai asas perbincangan untuk menubuhkan keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, kita sudah menyatakan dengan jelas bahawa keamanan dan kestabilan di Asia Tenggara tidak boleh dicapai sekiranya pertikaian di Kampuchea itu tidak diselesaikan dengan cara aman. Kita akan meneruskan cara ini dalam membincangkan masalah ini dengan Vietnam. Menteri Luar Negeri Vietnam, Encik Nguyen Co Thach dan isterinya telah menyatakan kesediaannya untuk membuat lawatan-lawatan ke Malaysia pada masa yang sesuai. Perkara ini sedang diuruskan melalui kedutaan besar masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ditanya soalan tambahan, ingin saya terangkan di sini bahawa apabila saya menjawab dan mengatakan perkara-perkara yang berkemungkinan iaitu yang bercorak jika berlaku dan apabila berlaku saya tidak jawab, ini saya mengikut Peraturan Mesyuarat sendiri.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Deklarasi Kuala Lumpur maknanya Kerajaan kita memikirkan iaitu oleh kerana Vietnam ini adalah sebuah negeri yang kecil juga oleh kerana satu gergasi di sebelah atas iaitu negeri China (Red China) yang pada masa dahulunya telah beberapa kali menawan Vietnam, menjadikan Vietnam ini takut, terpaksa bergantung dengan Russia. Vietnam takut dan hendak mencari kawan jadi bergantung kepada Russia, juga bagaimana campur tangan Komunis China di Kampuchea. Dengan sebab itu jangan dia mati terpaksa pergi campur tangan juga di Kampuchea. Jadi, boleh atau tidak oleh kerana Kerajaan ada berhubung rapat dengan Kerajaan China Merah, bukan China Putih, boleh atau tidak yakni

Tuan Yang di-Pertua: China, China sahajalah. Republik China.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Ya, Republik China, iaitu boleh atau tidak diberi jaminan selama-lamanya iaitu jangan Kerajaan Republik China menyerang Vietnam, kalau dapat itu dipersoalkan dan dicakapkan dengan Vietnam supaya Vietnam ini tidak melanggar Republik China ini pada hari yang akan datang, jadi terpeliharalah kawasan ASEAN dan Vietnam. Boleh atau tidak dibuat begitu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas pandangan yang diberinya itu, malah secara keseluruhan inilah tujuan kita di dalam perbincangan-perbincangan sama ada dengan pihak Vietnam ataupun Republik Rakyat China ataupun pihak negara Russia ataupun mana-mana negara supaya langkah-langkah yang sesuai diambil untuk mengurangkan sebarang tension ataupun keadaan ketegangan yang berada sekarang ini di Kampuchea dan seterusnya memulihkan balik keadaan yang terdapat di Kampuchea kepada keadaan yang aman dan stabil. Langkah seperti yang telah disyorkan oleh Yang Berhormat Senator tadi termasuklah salah satu daripada usaha dan cara yang hendak kita perbincangkan.

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL—KEMUDAHAN

15. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah Sekolah-sekolah Tamil di dalam dan di luar bandar yang tidak mempunyai bangunan dan kemudahan-kemudahan asas yang memuaskan; dan
- (b) jumlah wang yang diuntukkan bagi maksud ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Bato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran untuk menambah bilangan bilik darjah sejajar dengan keperluan dan mengganti mana-mana sekolah termasuklah Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang selalu merasakan buruk. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh kewangan yang terhad projek tersebut hanya dapat dilaksanakan secara beransur-ansur.

Langkah-langkah yang telah diambil atau akan diambil ialah:

- (i) Untuk menambahkan lebih peruntukan-peruntukan untuk projek-projek dan juga untuk bangunan-bangunan baru.
 - (ii) Satu rancangan juga akan diadakan supaya dapat mengadakan pusat sekolah yang mana dapat mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk sekolah-sekolah.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian saya telah meluluskan berbagai-bagai projek untuk memajukan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil yang menelan belanja sebanyak \$3,570,410.

INSTITUT TEKNOLOJI MARA— KEMASUKAN PELAJAR BUKAN BUMIPUTRA

16. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa memandangkan perimbangan yang memuaskan bagi bumiputra dalam pelajaran kolej dan

universiti, sama ada Institut Teknologi MARA akan dibuka kepada bukan bumiputra supaya dengan percampuran antara pelajar-pelajar berbilang kaum kita, semangat muhibbah dan tolak ansur antara pelajar-pelajar kita akan dapat dilahir dan diperkuatkan.

Dato' Chan Slang Sun: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Pelajaran, saya suka menjawab soal ini iaitu pada keseluruhannya, Kerajaan Malaysia belum berpuas hati atas pencapaian kemasukan bumiputra di Institusi-institusi Pelajaran Tinggi di kedua-dua peringkat dalam dan luar negeri. Lebih-lebih lagi kalau dikira dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan perlunya dilatih bumiputra di dalam bidang iktisas dan pra-iktisas.

Apabila membincangkan peranan itu haruslah diuntukkan dua fakta yang penting yang merupakan sejarah asas penubuhan institusi ini. Fakta-fakta itu ialah:

- (i) Bahawa Institut Teknologi Mara (ITM) telah ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah badan khas Majlis Amanah Rakyat Bumiputra (MARA). Badan khas tersebut mempunyai tanggungjawab tertentu untuk meningkatkan penyertaan bumiputra dalam pembangunan ekonomi negara. Oleh hal yang demikian, Institut Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah naungan dan rancangan MARA memanglah khas dipertanggungjawabkan untuk melatih keturunan bumiputra untuk mencapai matlamat yang saya sebutkan di atas.
- (ii) Kursus-kursus yang diberi di Institut Teknologi MARA sendiri meliputi bidang pelajaran setinggi-tingginya di peringkat ijazah professional di dalam bidang-bidang terpilih dan terhad dan serendah-rendahnya di bidang sub-professional. Dengan lain-lain perkataan, Institut Teknologi MARA tidaklah boleh dianggap setaraf seolah-olah ianya merupakan Institusi-institusi Pelajaran Tinggi seperti Kolej-kolej atau Universiti-universiti biasa.

Memandangkan kepada fakta-fakta di atas, Kerajaan tidak bercadang membuka Institut Teknologi MARA ini kepada pelajar-pelajar bukan bumiputra. Peranan yang dimainkan

oleh Institut Teknologi MARA ialah semata-mata untuk mengisi kekosongan yang masih wujud di dalam bidang-bidang perniagaan, iktisas, sains dan teknologi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah apa-apa motif Yang Berhormat Timbalan Menteri bila menjawab soalan ini beliau telah menyatakan yang beliau menjawab bagi pihak Kementerian Pelajaran pada hal Kementerian Pelajaran dan Timbalan Menteri itu ialah Menteri Pelajaran juga. Jadi apakah motifnya tidak sama dengan soalan yang pertama tadi?

Dato' Gian Siang Sen: Motifnya itu untuk menyebarkan atau mengharumkan Kementerian Pelajaran (*Ketawa*).

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa perimbangan yang dicapai sekarang belum lagi memuaskan dan sebab itu tidak ada cadangan membuka institut itu kepada pelajar bukan bumiputra. Maksud soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk melahirkan semangat muhibbah, racial tolerance dan tolak ansur, Institut itu mesti dibuka kepada pelajar bukan bumiputra. Soalan saya adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang membuka Institut itu, katakan, 1%-5% untuk pelajar-pelajar bukan bumiputra?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya balik kepada pokok jawapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup,

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH KOS RENDAH

17. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

(a) bilangan lesen Pemaju Perumahan yang telah dikeluarkan dari Januari 1979 hingga 31hb Disember, 1979;

- (b) bilangan rumah yang telah dibina dan sedang dalam pembinaan oleh pemaju perumahan swasta dari Januari 1979 hingga 31hb Disember, 1979; dan
- (c) sama ada Kementrian beliau mengenakan syarat supaya membina rumah-rumah kos rendah dalam projek perumahan swasta; jika ya, nyatakan peratus yang dimestikan.

¹ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Jawapan kepada soalan-soalan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan lesen pemaju perumahan yang telah dikeluarkan dari Januari 1979 hingga Disember 1979 ialah sebanyak 480 lesen.
- (h) Jumlah unit-unit rumah yang telah diluluskan dalam tempoh yang sama ialah 66,206 unit.
- (c) Kementerian saya setakat ini tidak ada mengenakan apa-apa syarat untuk membina rumah-rumah harga rendah di dalam projek perumahan swasta oleh kerana syarat-syarat ini telah dikenakan oleh kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri apabila meluluskan permohonan-permohonan untuk rancangan perumahan daripada pemaju-pemaju swasta. Sebagai amalan biasa Kerajaan-kerajaan Negeri mengenakan sebanyak 30% daripada jumlah unit-unit rumah yang diluluskan hendaklah terdiri daripada rumah yang berharga rendah. Oleh yang demikian tidak perlulah Kementerian saya mengenakan syarat ini sekali lagi.

PENCEROBOHAN RUSSIA DI AFGHANISTAN—PENDIRIAN MALAYSIA

18. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) pendirian Malaysia dalam soal pencerobohan Soviet Union ke atas Afghanistan;
- (b) langkah masa depan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia dalam hubungannya dengan Soviet Union; dan

- (c) sama ada Malaysia akan turut serta memulaukan Sukan Olimpik di Moscow 1980 dan bergabung dengan Amerika Syarikat untuk menyediakan venue yang lain bagi menggantikan Moscow.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim:

- (a) Malaysia telah dengan tegasnya menyatakan kekesalan terhadap campurtangan tentera Russia di Afghanistan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, di Persidangan Negara-negara Islam dan yang paling akhir sekali di mesyuarat di antara ASEAN dan Pertubuhan Ekonomi Eropah (EEC) di Kuala Lumpur dan telah membuat seruan supaya semua tentera Soviet diundurkan dengan serta-merta dan tanpa syarat dari Afghanistan untuk membolehkan rakyat Afghanistan menentukan masa hadapan politik mereka sendiri tanpa campurtangan asing;
- (b) Berkenaan dengan perhubungan kita dengan Soviet Union, kita mengadakan perhubungan diplomatik yang biasa sahaja dan perhubungan ini dibuat setakat had minima sahaja; dan
- (c) Berkaitan dengan soal penyertaan Malaysia di Sukan Olimpik, penguuman telahpun dibuat yang Malaysia tidak akan mengambil bahagian di Sukan tersebut di Moscow selagi tentera Soviet tidak diundurkan dari Afghanistan. Walau bagaimanapun, sama ada Malaysia akan bertindak untuk menyediakan venue yang lain bagi menggantikan Moscow, kita akan berpandukan kepada pendirian yang diambil oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa.

PENIAGA-PENIAGA DI TAMAN GHAZALI SHAFIE

19. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Sasnah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki Taman Ghazali Shafie, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur yang sekarang ini merumitkan peniaga-peniaga oleh kerana projek membesarkan Lebuhraya Persekutuan..

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Pihak Dewan Bandaraya memang sedar atas kerumitan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di Taman Ghazali Shafie, Jalan Bangsar disebabkan projek membesarkan lebuhraya Persekutuan.

Dengan kerjasama jabatan-jabatan Kerajaan lain dan badan-badan berkanun terutama sekali Keretapi Tanah Melayu, Dewan Bandaraya sedang mengusahakan langkah-langkah positif untuk menempatkan peniaga-peniaga tersebut dalam suatu kompleks perniagaan yang pada masa ini sedang dirancangan. Projek ini apabila siap kelak akan menempatkan, bukan sahaja peniaga-peniaga dari Taman Ghazali Shafie bahkan peniaga-peniaga lain. Kompleks dijangka mempunyai berbagai jenis perniagaan dan kegunaan untuk menarik orang ramai. Perkara ini telah juga dirundingkan dengan wakil peniaga-peniaga berkenaan

SENJATAPI—SYARAT PEMBERIAN LESEN

20. Tuai Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan syarat-syarat kelayakan dan kegunaannya yang membolehkan lesen-lesen senjapati dikeluarkan bagi tiap-tiap penggunaannya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahaiddin Al-haj: Syarat-syarat seseorang itu boleh dipertimbangkan untuk diberi lesen senjapati ialah:

- (a) Seseorang itu mestilah berumur 18 tahun ke atas;
- (b) Berfikiran waras dan sehat tubuh badan;
- (c) Tiada catitan buruk dalam rekod Cawangan Jenayah dan juga Cawangan Khas;
- (d) Senjapati tersebut dapat disimpan dengan selamat;
- (e) Kegunaan/keperluan ia memiliki senjapati itu atas sebab-sebab:
 - (i) Menjaga keselamatan diri;
 - (ii) Menjaga keselamatan hartabenda seperti syarikat dan tanaman;
 - (iii) Untuk tugas-tugas RELA; dan
 - (iv) Sukan. :

Syarat-syarat di atas sebagai panduan kasar sahaja Walau bagaimanapun Kerajaan berhak mengawal perlesenan senjapati ini supaya pemilikannya tidak begitu meluas atas sebab-sebab keselamatan.

UNIT PERANCANG EKONOMI— PERANCANGAN

21. Dato' Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa rakyat tidak tahu tentang perancangan EPU di Jabatan Perdana Menteri bagi kepentingan perkembangan ekonomi Bumiputra di negara ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala perancangan yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) bagi kepentingan perkembangan ekonomi bumiputra setelah diluluskan oleh Kerajaan adalah diterbitkan di dalam dokumen-dokumen rancangan-rancangan pembangunan seperti Rancangan Malaysia Pertama, Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam dokumen-dokumen tersebut juga dinyatakan kedudukan dan perancangan agensi-agensi pusat termasuk Unit Perancang Ekonomi khususnya di dalam perkara "Jentera Pentadbiran, Perancangan dan Pelaksanaan" yang dimuatkan di dalam Bab (VI), Dokumen Rancangan Malaysia Pertama, Bab (VIII) dalam dokumen Rancangan Malaysia Kedua dan Bab (XIV) dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketiga. Ingin saya jelaskan pada Yang Berhormat itu iaitu biasanya rancangan-rancangan pembangunan kerajaan pada peringkat awal perancangannya bermula di peringkat daerah, dan kemudiannya dibawa ke peringkat negeri dan seterusnya dimajukan ke peringkat kebangsaan untuk ditimbang oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Saya percaya rakyat sedar tentang rancangan-rancangan itu bukan sahaja melalui dokumen-dokumen tersebut tetapi juga melalui penerangan-penerangan oleh Mass-media dan wakil-wakil rakyat serta agensi-agensi pelaksanaan terutamanya di peringkat negeri dan daerah.

LATIHAN GONZALES DUA

22. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada latihan Gonzales Dua yang dijalankan baru-baru ini merupakan latihan peperangan darat, laut dan udara; jika ya, nyatakan hasilnya terhadap menentang musuh sekiranya berlaku pencerobohan.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): GELADI Gonzales Dua yang dijalankan baru-baru ini hanya melibatkan tentera darat sahaja tidak termasuk pasukan tentera laut dan udara. Geladi tersebut diadakan untuk melatih unit-unit dalam Divisyen 3 di dalam cara peperangan konvensional. Geladi itu melatih pasukan dalam aspek-aspek mara, serang, pertahanan dan serang balas, di samping menghalusi sistem logistik satu Divisyen dalam keadaan negara kita ini.

Geladi ini bukannya ada kena mengena dengan keadaan di Tenggara Asia dan pergolakan di kawasan Timur Jauh sekarang ini. Inilah ulung kalinya ketumbukan separas satu Divisyen telah kita latih serentak dalam satu Geladi.

TULISAN DAN BACAAN JAWI

23. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) peratus sekolah-sekolah rendah dan menengah yang benar-benar mematuhi Surat Pekeliling yang dikeluarkan sejak tahun 1970 yang mewajibkan pengajaran tulisan dan bacaan Jawi kepada semua murid-murid Melayu dalam negeri ini; dan
- (b) tindakan yang telah diambil ke atas guru-guru yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan itu.

Data' Chan Slang Sun:

- (a) Setakat hari ini, Kementerian saya tidak menerima apa-apa laporan mengenai sekolah-sekolah yang tidak mematuhi Surat Pekeliling yang mewajibkan pengajaran tulisan dan bacaan Jawi kepada semua murid Melayu dalam negara ini.

Laporan-laporan dari Jemaah Nazir Sekolah tidak menunjukkan tanda-tanda terdapatnya sekolah-sekolah yang tidak mematuhi Surat Pekeliling tersebut.

Kementerian saya sentiasa mengambil berat serta memberi perhatian rapi mengenai pelajaran Jawi di sekolah-sekolah rendah dan menengah melalui Pelajaran Bahasa Malaysia dan Ugama.

- (b) Oleh kerana Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa laporan mengenai keingkaran mematuhi Surat Pekeliling yang mewajibkan pengajaran tulisan dan bacaan Jawi, soalan tindakan yang Yang Berhormat kemukakan tidaklah berbangkit. Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri, Jemaah Nazir Sekolah dan Pegawai-pegawai Bahasa di Kementerian saya sentiasa mengikuti perkembangan pelajaran Jawi di sekolah rendah dan menengah dari semasa ke semasa.

SUBSIDI KEPADA PETANI/NELAYAN

24. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Pertanian menyatakan amaun subsidi yang telah diberikan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan sejak tahun 1978 hingga sekarang dengan menyatakan:

- (a) jenis-jenis yang terlibat sama ada motorbot kapal-kapal penangkap ikan, pukat-pukat atau lain-lain subsidi kepada nelayan-nelayan; dan
- (b) benih-benih baja ataupun binatang ternakan yang diberikan kepada petani-petani di luar bandar.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Jumlah subsidi yang diberikan kepada petani-petani dan nelayan-nelayan sejak tahun 1978 hinggalah sekarang adalah seperti berikut:

- (a) Di bawah skim subsidi nelayan sejumlah 6,292 orang nelayan telah menerima bantuan-bantuan yang berupa injin dalam, injin sangkut dan pukat yang menelan belanja kira-kira \$21.1 juta. Di dalam rancangan subsidi ternak ikan air tawar, air payau dan ternak ikan sejumlah 2,002 pen-ternak telah menerima bantuan-bantuan

yang merupakan bahan-bahan membina kolam-kolam dan sangkar-sangkar yang telah menelan belanja kira-kira \$3,081,360.83 yang telah menghasilkan 920.63 ekar kolam-kolam ikan dan 101 yunit sangkar telah dibina. Bagi subsidi benih ikan pula sejumlah 3,938,074 ekar benih ikan telahpun diberi kepada penternak-penternak.

- (b) Di dalam rancangan menternak lembu yang dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, semenjak dari tahun 1978 sejumlah 13,730 ekor lembu, 3,742 ekor kerbau telahpun diberi kepada penternak-penternak melalui pemberian secara pawah, pawah semula dan jualan subsidi.

Di bawah rancangan menternak ayam pula sejumlah 950,000 ekor ayam telahpun diberi kepada 190 orang penternak. Selain dari itu di dalam ranc-

ngan menternak kambing dan kambing biri-biri sejumlah 869 ekor telahpun diedarkan.

Selain daripada binatang-binatang ternakan Kerajaan juga ada menyediakan kepada ragut untuk memberi kemudahan kepada petani-petani di luar bandar. Semenjak tahun 1978 hingga sekarang seluas 2,270 ekar telahpun diusahakan.

- (c) Bagi subsidi bahan-bahan tanaman pula Rancangan Subsidi Input dan mempelbagaikan tanaman telah menelan belanja kira-kira \$20.5 juta bagi tahun 1978 dan 1979. Bantuan-bantuan yang diberi adalah untuk menggalakkan penanaman jangka panjang dan jangka pendek seperti buah-buahan, koko, kopi, tanaman makanan ternakan, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman kontan.

Selain dari itu bantuan dalam bentuk input-input pertanian juga telah diberi seperti berikut:

	1978	1979
Baja	18,320 metrik tan	17,960 metrik tan
Bahan-bahan Tanaman (anak pokok)	1,581,750 pokok	2,254,400 pokok
Benih	1,438,000 kilogram	1,430,000 kilogram

Di bawah Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa pula, jumlah peruntukan yang dibelanjakan ialah \$3,650,000 pada tahun 1978 dan \$3,041,000 pada tahun 1979. Ini meliputi bantuan-bantuan seperti berikut:

	1978	1979
Baja	10,000 metrik tan	7,000 metrik tan
Anak-anak pokok Kelapa MAWA	158,000 pokok	170,000 pokok
Anak-anak pokok koko	623,000 pokok	727,000 pokok
Anak-anak pokok kopi	107,000 pokok	101,000 pokok

INDUSTRI DI LUAR BANDAR

25. Tuan S. I. Rajah meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau akan memberi lebih galakan kepada perusahaan-perusahaan kecil di luar bandar dan sama ada beliau akan mengenakan syarat sebelum mengeluarkan lesen iaitu perusahaan tersebut hendaklah mempunyai kakitangan yang layak serta "good back-up service".

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Kementerian saya hanya melesenkan industri-industri yang mana "Shareholder Fund"nya adalah \$250,000 dan ke atas, dan/atau pekerja-pekerja tetapnya lebih daripada 25 orang. Industri-industri tersebut haruslah mendapat Lesen Pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 sebelum memulakan perusahaan mereka. Saya percaya soalan Ahli Yang Berhormat itu bermaksud perusahaan-perusahaan kecil yang mana "Shareholder

Fund"nya kurang daripada syarat yang saya katakan tadi. Oleh itu perusahaan-perusahaan itu adalah dikecualikan dari Akta tersebut dan ini bererti bahawa sebarang syarat tidaklah dikenakan kepada perusahaan-perusahaan kecil itu.

Berkenaan dengan galakan, industri-industri boleh membuat permohonan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 (Pindaan 1971, 73 dan 74). Pertimbangan jenis galakan akan diberikan mengikut jenis industri yang akan dijalankan, tingkat teknologi, struktur pemilikan ekuiti, tempat industri dijalankan, pasaran dan sebagainya. Berkenaan penempatan industri-industri ini di luar bandar, tidak semua mendapat galakan yang lebih. Hanya luar bandar di kawasan yang telah diisytiharkan sebagai "development area" saja akan mendapat satu tahun tambahan galakan cukai, dan juga negeri-negeri dan kawasan-kawasan yang telah diisytiharkan sebagai kawasan galakan tempatan boleh mendapat galakan maksima selama 10 tahun.

Berkenaan dengan kakitangan yang layak serta "good back-up service", perkara ini lazimnya tertakluk kepada dayausaha pengilang-pengilang sendiri.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK

26. Tuan **Alexander** Lee minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kawasan pusat perniagaan di Kuala Lumpur sering terpotong bekalan tenaganya, kadang-kadang hingga dua atau tiga kali dalam seminggu semasa waktu perniagaan. Jika sedar nyatakan sebab-sebab serta langkah-langkah yang sedang diambil oleh Lembaga Letrik Negara untuk memperbaiki keadaan ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (**Tuan Leo Moggie** anak Irok): Seperti yang diketahui oleh Ahli Yang Berhormat, banyak kerja-kerja korek mengorek sedang dijalankan di bandaraya Kuala Lumpur bukan sahaja oleh LLN tetapi juga oleh Jabatan-jabatan yang lain seperti J.K.R., Jabatan Telekom dan sebagainya. Ini mengakibatkan gangguan bekalan letrik sekali-sekala apabila kebel bawah tanah itu terputus. Gangguan bekalan elektrik boleh juga berlaku apabila sesalur kecil dibebankan oleh pemasangan-pemasangan yang haram.

Untuk mengatai masalah ini, LLN akan mengadakan beberapa projek untuk mengukuhkan lagi sesalur-sesalur kecil yang terdapat di bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai masalah-masalah yang bersabit dengan kerja-kerja korek-mengorek pula, Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan kerja-kerja ini supaya kekecohan-kekecohan seperti gangguan bekalan elektrik dan sebagainya dapat dikurangkan.

GURU-GURU ALIRAN INGGERIS

27. Datin Hajjah **Mahimon binti Haji Harum** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk menghantar guru-guru muda aliran Inggeris yang berkelulusan maktab berkursus ke luar negeri dalam tahun 1980.

Dato' Chan Siang Sun: Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas maksudnya. Guru-guru muda aliran Inggeris boleh dimaksudkan sebagai guru-guru yang bahasa pengantar semasa mereka di bangku sekolah ialah bahasa Inggeris ataupun guru-guru yang memilih matapelajaran bahasa Inggeris sebagai pilihan sewaktu mengikuti kursus di Maktab Perguruan.

Kementerian saya ada menghantar guru-guru berkelulusan Maktab Perguruan melanjutkan pelajaran di pusat-pusat pengajian sama ada di United Kingdom atau Amerika Syarikat di peringkat diploma, ijazah asas atau sarjana dengan tidak mengambil kira sama ada mereka ini guru-guru yang mendapat pendidikan Inggeris ataupun tidak. Sungguhpun demikian mereka ini perlu mempunyai kelayakan dan penguasaan bahasa Inggeris supaya dapat mengikuti kursus dengan jayanya.

Untuk guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, tiap-tiap tahun Kementerian saya ada menghantar guru-guru dari golongan ini untuk mengikuti kursus mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di Universiti Malaya. Bagi tahun 1979 seramai 52 orang guru-guru telah mengikuti kursus tersebut.

BANGUNAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL KAMPAR

28. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan Sekolah Kebangsaan Tamil, Kampar di Negeri Perak telah dikondem oleh JKR Perak dan murid-muridnya sedang menumpang di sebuah sekolah aliran yang lain pada waktu petang dan juga terpaksa belajar di bawah pokok; jika sedar, nyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Chan Siang Sun: Sedar. Kementerian saya telahpun meluluskan peruntukan yang cukup untuk membina bangunan gantian mengandungi:

- (a) 7 bilik darjah, pejabat, stor, bilik guru, perpustakaan dan tandas.
- (b) Kantin.
- (c) Padang.

Surat Kuasa bagi pelaksanaan projek tersebut telahpun dikeluarkan kepada Jabatan Kerjaraya dn pembinaan bangunan gantian tersebut akan dijalankan tidak lama lagi

PEMBELI RUMAH AKIBAT PECAH KONTREK

29. Br Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan yang kurang sihat dalam membeli rumah-rumah seperti yang sedang diamalkan sekarang.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Soalan ini adalah terlalu luas dan umum untuk membolehkan saya memberi jawapan yang tepat. Saya kurang faham apakah sebenarnya atau khasnya yang dimaksudkan oleh Y.B. Senator itu sebagai "Kegiatan-kegiatan yang kurang sihat".

Seperti yang saya telah terangkan kerap kali dalam Dewan ini, kebanyakan aduan yang diterima daripada para pembeli rumah merupakan masalah-masalah pecah kontrek yang pada akhirnya harus diselesaikan di mahkamah. Bagaimanapun sama ada apa yang telah dilakukan oleh pihak pemaju boleh dianggap sebagai satu kegiatan yang tidak sihat bergantung kepada faktor-faktor

dan suasana pada keseluruhannya yang telah menyebabkan pecah kontrek yang berkenaan. Tiap-tiap kes pecah kontrek haruslah dinilai dengan teliti mengikut keadaan masing-masing sebelum ditentukan langkah-langkah yang perlu diambil terhadap pemaju yang berkenaan. Adalah mustahak untuk mewujudkan perspektif dalam masalah-masalah, seperti ini supaya usaha-usaha yang menyeluruh dapat diambil untuk mengatasinya.

Bukanlah tujuan Kementerian saya untuk mengambil tugas-tugas sebuah mahkamah. Tetapi Kementerian saya sedar bahawa kebanyakan pembeli-pembeli tidak mampu untuk mengambil tindakan civil terhadap sesuatu pemaju kerana pecah kontrek. Dengan demikian, sudah menjadi tugas utama Kementerian saya untuk mencampurkan tangan dalam pertikaian-pertikaian di antara pemaju dan pembeli dengan menjalankan kerja-kerja perantaraan di antara mereka supaya masalah yang berkenaan dapat diselesaikan secara perundingan atau tolak ansur. Selain daripada itu, Kementerian saya juga menyelidik aduan-aduan daripada para-pembeli rumah dengan mendalam bagi menentukan atau melihat secara keseluruhannya tentang sejauhmana pihak pemaju menunjukkan sikap bertanggungjawab dalam menjalankan urusan perumahan. Jika didapati bahawa seorang pemaju telah sebenarnya melakukan penyelewengan yang serius atau bersikap degil dan kasar terhadap pembeli-pembeli mengambil sesuatu tindakan sesuka hatinya, maka sudah tentu pembeli tersebut akan diberi amaran dan seterusnya disingkirkan. Jika didapati juga bahawa kegiatan-kegiatan pemaju yang berkenaan membayangkan kemungkinan bahawa ianya telah melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pemaju Perumahan dan Kaedah-kaedahnya maka tindakan undang-undang secara langsung akan diambil terhadapnya.

LADANG TERNAKAN ULAR

30. Datuk Haji Ahmad, bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan nama badan yang menguruskan ladang ternakan ular dan untuk tujuan apa.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Taman Ular yang kini dalam penubuhan di Kangar, Perlis adalah untuk memelihara ular-ular darat bagi mendapatkan racun dan mengeluarkan penawar (antivenine) bagi patukan

ular. Penubuhan ini adalah didasarkan atas bilangan kes-kes patukan ular yang banyak berlaku terutamanya di negeri-negeri utara Malaysia. Di Perlis sahaja, sebanyak 377 kes patukan ular termasuk 2 kematian telah dilaporkan dalam tahun 1979. Kebanyakan dari kes-kes ini berlaku di kawasan luar bandar pada malam hari dan mangsa-mangsanya termasuklah petani, nelayan dan penduduk kampong yang lain.

Tujuan utama Taman Ular ini ialah untuk menghasilkan penawar bagi patukan ular kapak dan ular tedong Malaysia, dan tujuan sampingan ialah sebagai satu pusat pendidikan untuk penduduk-penduduk negeri utara Malaysia, dan juga sebagai tarikan pelancung.

Tugas melaksanakan projek ini telah diberi kepada Instituti Penyelidikan Perubatan, Kuala Lumpur dan sejumlah \$500,000 telah diuntukkan oleh Kerajaan bagi membiayai projek tersebut. Kerajaan Negeri Perlis telahpun mengadakan sebidang tanah seluas 10 ekar bagi tujuan tersebut dan kerjakerja membina telahpun dimulakan pada akhir tahun 1978. Bangunan tersebut hampir siap dan dijangka dapat digunakan dalam bulan Oktober tahun ini.

Taman Ular itu letaknya di kawasan pelancungan Sungei Batu Pahat kira-kira 5 batu daripada bandar Kangar berhampiran dengan Padang Golf Kangar. Bangunan ini akan memuatkan satu kawasan pertunjukan di mana ular bisa dan tidak bisa akan dipamerkan dalam peti-peti kaca, 4 kandang ular, makmal penyelidikan, kandang kuda serta 2 buah rumah kakitangan rendah.

Buat masa ini Kementerian Kesihatan masih lagi membeli penawar bagi patukan ular kapak dan ular tedong dari Negeri Thailand dan India. Dengan tertubuhnya Taman Ular ini, Instituti Penyelidikan Perubatan dijangka dapat memenuhi keperluan Negara dalam pengeluaran penawar pada tahun 1982, setelah kajian-kajian serta percubaan penyelidikan yang perlu dijalankan.

PERTUBUHAN EKONOMI RANTAU PASIFIK

31. Datuk Dr Wee Khoo Hock minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap cadangan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri Jepun untuk

menubuhkan satu Organisasi Ekonomik Pasifik dan cadangan Perdana Menteri New Zealand untuk membincangkan organisasi ini dan nyatakan sama ada Malaysia akan turut serta.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Sebenarnya tidak ada cadangan yang konkrit oleh Perdana Menteri Jepun dan Perdana Menteri New Zealand untuk membentuk Pertubuhan Ekonomi Rantau Pasifik.

Bagaimanapun, konsep Kesatuan Lembah Pasifik telah banyak mendapat perbincangan dalam tempoh lima belas tahun yang lalu, oleh pihak-pihak yang berminat, khususnya pakar-pakar akademik ekonomi dari Amerika Syarikat, Australia dan Negeri Jepun. Universiti Kebangsaan Australia sekarang bercadang untuk menganjurkan satu seminar bagi membincangkan konsep tersebut secara informal oleh individu-individu. Seminar ini dijangka akan diadakan dalam bulan September tahun ini dan peserta-peserta dari Malaysia, sekiranya ada, akan menghadiri secara persendirian.

Malaysia mengambil sikap terbuka kepada apa-apa pandangan mengenai konsep itu setakat ini. Ianya merupakan satu konsep yang memerlukan kajian yang lebih mendalam oleh semua pihak termasuk pihak Malaysia sendiri.

SAHAM BUMIPUTRA YANG BERTUKAR MILIK

32. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra yang telah ditukar milik atau diselewangkan oleh pihak-pihak yang tertentu kepada bukan bumiputra.

Dato' Lew Sip Hon: Saya rasa saham-saham yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan sahaja tertumpu kepada saham-saham syarikat awam yang disenaraikan dalam Pasaran Saham, malah termasuk juga saham-saham syarikat yang mana saham-sahamnya tidak disenaraikan dalam Pasaran Saham.

Bagi syarikat-syarikat yang disenaraikan itu, Pasaran Saham mengendalikan pembelian serta penjualan saham-saham setiap

hari dan saham-saham itu sentiasa bertukar tangan. Ada penjualnya dari kalangan orang bumiputra dan bukan bumiputra, dan begitu juga dengan pembelinya; ada dari kalangan bumiputra dan bukan bumiputra. Kementerian saya telah membuat satu kajian baru-baru ini, untuk mengetahui tabiat pelabur-pelabur bumiputra yang telah diperuntukkan saham melalui Kementerian. Hasil kajian pertama yang masih belum selesai itu, menunjukkan bahawa 88% daripada pelabur-pelabur individu bumiputra menjualkan saham mereka, sementara dari kalangan syarikat-syarikat bumiputra pula, lebih kurang 90% daripada mereka menjualkannya. Kajian tersebut tidak menyentuh sama ada mereka yang menjual itu telah menggunakan keuntungannya membeli saham-saham lain.

Implikasi daripada penjualan tersebut adalah besar ertinya. Beberapa langkah-langkah yang sesuai telahpun diambil untuk mengelakkan perbuatan seperti itu dan ini termasuklah tindakan Kementerian tidak akan menjualkan saham-saham yang dikhaskan kepada individu dan syarikat-syarikat bumiputra. Mereka itu bolehlah membeli saham-saham daripada tawaran terbuka atau "open balloting".

RUKUN TETANGGA—KEMAJUAN PENURUHAN

33. **Tuan V. V. Aboo** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Rukun Tetangga sejak penubuhannya;
- (b) bilangan sektor yang telah dibuka;
- (c) bilangan sektor yang dalam penilaian;
- (d) sama ada beliau sedar bahawa terdapat sebilangan sektor yang lumpuh yakni tidak bergerak untuk beberapa ketika; jika sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengelakkan perkara ini dan langkah-langkah untuk mengemaskan lagi pentadbiran Rukun Tetangga di seluruh negara.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Saya berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Rukun Tetangga sejak ianya ditubuhkan

dalam tahun 1975. Sehingga sekarang terdapat 726 sektor Rukun Tetangga di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari jumlah tersebut lebih kurang 30 sektor sahaja yang dalam penilaian.

Langkah-langkah sedang diambil untuk mengemaskan lagi pentadbiran Rukun Tetangga di seluruh negara dan juga untuk menggerakkan semula sektor Rukun Tetangga yang tidak begitu aktif sama ada dengan memenuhkan jawatan-jawatan kosong Urusetia Rukun Tetangga dengan calon-calon yang sesuai dan juga dengan mewujudkan 2 cawangan baru iaitu Cawangan Penyelidikan dan Perancangan dan juga Cawangan Pendakwaan dan Latihan. Tugas Cawangan Penyelidikan dan Perancangan ialah untuk membuat beberapa kajian tentang aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga selama ini. Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai serta masalah-masalah yang telah timbul dalam melaksanakan konsep Rukun Tetangga yang perlu diatasi segera.

Cawangan Pendakwaan dan Latihan pula menitikberatkan kepada aspek latihan yang sesuai diberikan kepada pegawai Rukun Tetangga di peringkat Urusetia dan negeri supaya mereka lebih berpengalaman dan dapat melaksanakan tugas-tugas dengan lebih berkesan. Selain daripada itu kursus-kursus juga akan diadakan untuk memberi latihan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Sektor supaya mereka benar-benar memahami konsep Rukun Tetangga.

KESATUAN PELAJAR—KEGIATAN MAHASISWA

34. **Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub** meminta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kementerian Pelajaran mengeluarkan arahan melarang penceramah-penceramah luar dari memasuki dan memberi ceramah di kampus universiti-universiti di Malaysia mulai bulan Januari, 1980, dan
- (b) adakah Kementerian ini bersetuju akan memberi kepercayaan serta kebebasan kepada penganjur majlis-majlis ceramah dan/atau forum di universiti-universiti menjemput penceramah-penceramah dari luar yang

mereka fikir sesuai untuk memberi ceramah dan menjayakan majlis-majlis mereka, dan menarik balik arahan larangan seperti di (a) di atas ini sesuai dengan permintaan Persatuan-persatuan Mahasiswa dari semua universiti-universiti di Malaysia baru-baru ini.

Dato' Chan Siang Sun:

- (a) Saya suka menyatakan bahawa Kementerian saya sentiasa memberikan galakan kepada mahasiswa mahasiswi di universiti-universiti tempatan bergiat di dalam kesatuan-kesatuan pelajar di dalam kampus. Ini termasuklah menganjurkan majlis-majlis ceramah dan forum. Walau bagaimanapun, semasa berlakunya krisis Afghanistan baru-baru ini, telah terdapat beberapa pihak tertentu yang cuba mengambil kesempatan ini melalui ceramah atau forum yang diadakan di dalam kampus, yang adalah diyakini jika keadaan ini dibiarkan berlanjutan, mungkin boleh menimbulkan keresahan dan kekecohan di kalangan para mahasiswa dan seterusnya boleh menjejaskan ketenangan masyarakat umum. Oleh itu, Kementerian saya telah mengeluarkan arahan melarang penceramah-penceramah luar dari memasuki kampus dan memberi ceramah di kampus-kampus universiti. Walau bagaimanapun, arahan itu hanya berkuatkuasa sementara sahaja.
- (b) Kementerian saya telahpun menarik balik arahan melarang penceramah luar dari memasuki dan memberi ceramah di kampus-kampus universiti. Sebenarnya penarikan balik arahan ini telah saya buat lebih awal lagi dari permintaan yang disampaikan oleh pemimpin-pemimpin Persatuan Mahasiswa dari universiti-universiti tersebut kepada saya.

PENAGIH DADAH—RAWATAN PEMULIHAN

35. Dato' **Haji** Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai penagih dadah yang telah menerima rawatan daripada pusat pemulihan dadah

telah kembali semula menjadi penagih dadah dan jika beliau sedar sama ada beliau bercadang untuk melanjutkan tempoh rawatan penagih tersebut sehingga mereka tidak akan menjadi penagih lagi.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-hajj: Memang diketahui bahawa sebilangan bekas-bekas penagih yang telah menjalani rawatan pemulihan di pusat-pusat pemulihan telah kembali semula menjadi penagih.

Kejayaan rawatan pemulihan adalah bergantung besar ke atas semangat dan keinginan seseorang penagih untuk membebaskan dirinya dari dadah dengan menggunakan segala kemudahan-kemudahan yang disediakan semasa berada di pusat pemulihan. Beliau hanya akan diizinkan keluar setelah pihak berkuasa berpuashati ada tanda-tanda baik beliau menerima kesan pemulihan yang positif. Cabaran yang paling kuat yang mesti dihadapinya sendiri ialah sewaktu dia keluar supaya tidak lagi mencari semula punca yang dapat membekalkan dadah. Di sini Kerajaan mengambil berbagai langkah agar bekalan dadah dihapuskan supaya tidak sampai kepada penagih apa lagi mereka yang keluar dari pusat pemulihan.

PERJANJIAN PERDAGANGAN

36. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan negara-negara yang telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan Malaysia serta jenis perdagangan yang terlibat.

Dato' Lew Sip Hon: Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa setakat ini Malaysia telah menandatangani perjanjian perdagangan dengan 19 buah negara. Negara-negara tersebut ialah:

1. Australia
2. Jepun
3. New Zealand
4. Republik Arab Bersatu
5. Republik Korea
6. Kesatuan Republik Soviet Sosialis
7. Republik Rakyat Bulgaria

8. Republik Sosialis Rumania
9. Yugoslavia
10. Hungary
11. Poland
12. Czechoslovakia
13. Republik Indonesia
14. Jamahiriah Libya
15. Turki
16. Iraq
17. Bangladesh
18. Republik Sosialis Vietnam; dan
19. Demokratik Republik Rakyat Korea

Ingin saya menyatakan bahawa tidak lama lagi Malaysia akan menandatangani satu lagi Perjanjian Perdagangan iaitu dengan Demokratik Republik Jerman.

Mengenai jenis perdagangan yang terlibat, ingin saya menyatakan bahawa perdagangan yang dijalankan adalah berasaskan kepada prinsip dagangan negara terbaik (Most Favoured Nation) dan perdagangan dijalankan secara terus dengan menggunakan matawang yang mudah ditukar.

PEGAWAI-PEGAWAI IBUPEJABAT RUKUN TETANGGA

37. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan nama-nama pegawai tinggi di Ibupejabat Rukun Tetangga dan sama ada beliau puashati bahawa peraturan-peraturan dan tenaga pegawai di Ibupejabat ini mencukupi untuk menjalankan rancangan ini dengan cekap dan licin.

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Bagi menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat itu, suka saya nyatakan bahawa nama Pegawai-pegawai Tinggi di Ibupejabat Rukun Tetangga adalah seperti berikut:

Pengarah Rukun Tetangga
Encik Abdul Manaf Rahim
Timbalan-timbalan Pengarah
Encik Foo Si Chew
Encik Hamdan Haji Ismail

Mengenai Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975, tindakan sedang diambil untuk meminda dan mengubahsuai beberapa kelemahan yang didapati di

dalam undang-undang tersebut. Kerajaan adalah berpuashati dengan bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam Urusetia Rukun Tetangga termasuk di peringkat negeri dan daerah pada masa ini.

HUKUM HUDUD

38. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan iaitu bagi mengatasi kejatuhan moral dan kian bertambahnya kejadian jenayah di Malaysia di akhir-akhir ini, adakah pihak Kerajaan bersetuju pada dasarnya akan melaksanakan perundangan Islam terutama Hukum Hudud sekiranya perundangan Islam itu disusun oleh pakar-pakar yang berkenaan bagi membolehkan pelaksanaannya di negara ini bagi menggantikan Undang-undang Jenayah ciptaan manusia yang dikuatkuasakan di Malaysia sekarang ini.

Dato' Haji Moihamed bin Nasir: Sebelum saya menjawab soalan tersebut, saya ingin menegaskan di sini, seperti Ahli Yang Berhormat itu maklum bahawa negara ini adalah mengandungi penduduk-penduduk yang menganuti berbagai agama. Dengan demikian peruntukan-peruntukan di dalam Perlembagaan dan undang-undang negara adalah dibuat sedemikian rupa supaya kepentingan-kepentingan semua kaum dilindungi di dalamnya.

Perlembagaan kita mengandungi sekatan tertentu yang diperlukan oleh keadaan. Kerajaan tidaklah bercadang melaksanakan Hukum Hudud bagi menggantikan Undang-undang Jenayah, semata-mata bagi tujuan mengatasi kejatuhan moral dan kian bertambahnya kejadian-kejadian jenayah di Malaysia, seperti didakwa oleh Ahli Yang Berhormat itu.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
D.Y.M.M. SERI PABUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
MALAYSIA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepeertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara niengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima". (7hb April, 1980).

336 *ptg.*

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memulakan ucapan saya yang saya telah mulakan semalam. Tuan Yang di-Pertua, inilah kali pertama saya lihat Titah Ucapan Di Raja diberi begitu panjang lebar oleh Ketua Negara Malaysia. Kita amat bernasib baik oleh kerana kita mempunyai satu Ketua Negara yang menunjukkan begitu aktif minatnya terhadap rakyat serta negara.

Saya rasa bersyukur serta berdoa mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta Raja Permaisuri Agong akan berada dalam keadaan sihat buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita lihat Titah Ucapan Baginda penghabisan sekali, Baginda menyentuh pimpinan Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Baginda juga merayu kepada rakyat untuk memberi sokongan dan berdiri teguh di belakang Kerajaan supaya beliau dapat menyelesaikan berbagai masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita amatlah bernasib baik oleh kerana kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang begitu jujur dan berdedikasi yang telah berjanji kepada rakyat, beliau akan memberi satu Kerajaan yang bersih dan kukuh dan ini telah disokong oleh pengundi-pengundi di kawasan Bukit Raya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang banyak perbezaan dalam Pilihanraya umum dengan pilihanraya kecil. Semasa pilihanraya umum rakyat diberi peluang setiap 5 tahun sekali di bawah sistem demokrasi berparlimen

untuk memilih satu kerajaan yang dapat memberi pimpinan negara yang kukuh, dapat memberi kestabilan ekonomi negara yang teguh, satu kerajaan yang dapat menahan dan dapat mempertahankan kedaulatan Malaysia dari anasir-anasir jahat dan sesiapa yang ingin mengancam kemerdekaan dan kebebasan Malaysia. Rakyat diberi peluang untuk memilih satu kerajaan yang telah berjanji akan meninggikan taraf hidup seluruh rakyat dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Tetapi dalam pilihanraya kecil, Tuan Yang di-Pertua, perbezaannya ialah kerajaan dapat peluang untuk mendapat tahu bagaimana dasar-dasar yang sedang dijalankan itu diterima atau diberi sambutan oleh rakyat sekalian. Sungguhpun di pilihanraya kecil Bukit Raya jika Barisan Nasional kalah, tidak kena mengena dengan Kerajaan Negeri oleh sebab kita telah mengadakan satu Kerajaan yang stabil dan kukuh di negeri Kedah. Tetapi kemenangan itu menunjukkan sokongan yang diberi oleh rakyat kepada Kerajaan keseluruhannya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn. Inilah perbezaan di antara pilihanraya umum dengan pilihanraya kecil. Di pilihanraya umum rakyat diberi peluang untuk memilih satu Kerajaan yang dapat memberi taraf hidup negara dan taraf hidup rakyat, tetapi dalam pilihanraya kecil Kerajaan dapat peluang mendapat tahu bagaimana sambutan diberi oleh rakyat atas segala dasar.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita mesti terima iaitu memang ada banyak kelemahan, pada pandangan saya semenjak dari tahun 1969 sehingga sekarang saya menjadi seorang Ahli Parlimen memang terdapat banyak penyelewengan-penyelewengan (*deviations*) dan memang ada orang yang tidak puas hati atas sistem dan fundamental issues. Saya harap Kerajaan dapat mengatasi dari masa ke semasa perkara-perkara yang tidak memuaskan hati rakyat. Bila saya kata rakyat tidak puas hati, saya bukan sebut satu golongan rakyat tetapi saya sebut semua golongan rakyat memang tidak puas hati dalam satu-satu perkara penting yang menjadi fundamental and constitutional issues.

Tuan Yang di-Pertua, pimpinan negara dan pentadbiran yang telah dijalankan oleh Malaysia jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran dan pimpinan di negara-negara barat amatlah berlainan. Misalnya di

Amerika Syarikat, Presiden Amerika Syarikat sungguhpun dipilih dengan sistem demokrasi berparlimen seperti di Malaysia tetapi pemimpin Amerika Syarikat selepas dipilih boleh dikomplen dan rakyat diberi peluang mengadu dari semasa ke semasa, mereka mengadakan Harris Poll dan Gallup Poll bagaimana pentadbiran telah dijalankan. Sebenarnya di Amerika Syarikat bukan satu pimpinan yang betul, cuma seorang dipilih untuk mentadbir negara. Negara Amerika ialah sebuah negara yang paling kuat dan paling kaya dalam bumi kita cuma dipilih menjadi seorang pemimpin untuk menjalankan pimpinan, tetapi di dalam negara-negara yang sedang membangun dan baru mencapai kemerdekaan seperti Malaysia, kita benar-benar memilih seorang pemimpin dan rakyat serahkan kuasa kepada pimpinan seorang Perdana Menteri selama 5 tahun dan kita tidak membenarkan kacau-bilau berlaku dalam tempoh lima tahun. Oleh kerana beberapa negara yang mempunyai Kerajaan dan mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana terdapat pemimpin-pemimpin negaranya telah digulingkan dan dirampas kuasanya oleh tentera oleh sebab tidak mempunyai political stability. Tetapi dalam negara kita, kita tidak dapat membenarkan kejadian berlaku seperti itu. Cuma rakyat diberi lima tahun sekali, jikalau tidak puas hati mereka dibenarkan atau diberi peluang untuk memilih satu Kerajaan yang mereka ingini dan dapat mengatasi segala masalah.

Tuan Yang di-Pertua, dari semenjak merdeka sehingga sekarang Parti PERIKATAN dan sekarang Parti Barisan Nasional telah terus dipilih oleh rakyat dan parti Barisanlah satu parti yang akan terus memegang pimpinan negara buat selamalamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menyentuh dan memuji pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan begitu cekap dan jujur. Namun demikian dengan amat dukacitanya saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini tiap-tiap kali kita bermesyuarat ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengkritik pegawai-pegawai Kerajaan, ini privilege mereka. Tetapi apa yang saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini, kita patut mengkritik secara specific. Jika kita datang ke Dewan Negara

atau Dewan Rakyat dan kita mengkritik pegawai-pegawai Kerajaan secara umum, saya rasa ini tidak patut. Dalam mesyuarat yang dahulu sebelum mesyuarat ini ada juga tuduhan-tuduhan dan teguran-teguran yang telah dibuat di atas pegawai-pegawai yang ada bermain golf, datang lewat dan pulang cepat, begitu dan begini. Tetapi saya ingin bertanya Jabatan yang berkenaan adakah pihak-pihak berkenaan tahu iaitu ada juga banyak bilangan pegawai-pegawai Kerajaan pergi ke pejabat sangat awal di waktu pagi pukul 7.00 atau 7.30 pagi dan mereka pulang selepas daripada pukul 4.15 atau 6.00 petang dan juga mereka membawa fail-fail membuat kerja di rumah, ini patut kita puji mereka dan saya diberitahu semasa Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan membuat belanjawan negara untuk tahun 1980 ada pegawai-pegawai yang pulang pukul 2.00 pagi dan pukul 3.00 pagi dan kita jangan lupa kepada dedikasi dan kecekapan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang penting ialah kelmarin kita dapat tahu dan kita dengar seorang Ahli Yang Berhormat telah membawa perkara ISA dan mereka menuduh Kerajaan serta mahkamah mengatakan satu kaum sahaja telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Ini tidak benar sama sekali dan jikalau seorang Ahli Parlimen peringkat Senator tidak faham yang boleh membawa satu perkara yang tidak dapat substantiate, bagaimana perasaan rakyat di luar? Ini adalah perkara yang penting, sungguhpun beliau disuruh menarik balik tetapi saya ingin memberitahu perkara ini supaya kejadian seperti ini tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Saya mengambil peluang ini supaya Kerajaan kita terus menolak sebarang rayuan yang telah dibuat oleh pihak-pihak terutama sekali peguam-peguam daripada parti DAP untuk memberi ampun dan maaf atau commit death sentence to life imprisonment. Kita mesti faham semasa konfrantasi 11 orang penganas komunis telah dijatuhkan hukuman mati, kemudian atas rayuan yang telah dibuat oleh beberapa orang dalam Malaysia, Kerajaan pada masa itu telah mengurangkan hukuman mati kepada hukuman penjara seumur hidup, dan oleh sebab itu satu daripadanya Kerajaan telah menjadi unpopular dalam pandangan majoriti rakyat.

Ada perkara yang kita boleh maafkan dan ada perkara yang langsung kita tidak boleh maafkan. Kita menjalankan pentadbiran negara dan jikalau anasir-anasir ingin mengancam kehidupan negara kita jangan beri peluang kepada mereka. Saya minta kepada Kerajaan supaya terus menolak sebarang rayuan yang telah dibuat oleh sesiapa pun untuk tukarkan atau commit death sentence kepada life imprisonment.

Pada masa konfrantasi dahulu dua orang Indonesia telah ditangkap oleh Kerajaan Singapura dalam tuduhan yang serupa, sungguhpun Presiden Suharto dan pemimpin-pemimpin Indonesia juga daripada Malaysia dan lain-lain pemimpin telah membuat rayuan tetapi Perdana Menteri Singapura terus telah menjalankan hukuman gantung sampai mati oleh sebab beliau telah menunjukkan ketegasan Kerajaan Singapura, diharap Kerajaan Malaysia akan menunjukkan ketegasan seperti itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat ialah mengenai dasar luar negeri Vietnam dan Malaysia. Saya faham bahawa Kerajaan Vietnam patut mentaati pertubuhan ASEAN dan demi kepentingan Malaysia dan seluruh negara ASEAN, negara-negara ASEAN patut berunding secara bilateral dengan negara Vietnam supaya dapat kita terangkan dasar-dasar dari kedua-dua pihak seperti yang saya tanya tadi tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri tidak menjawab soalan saya. Masa ASEAN ditubuhkan, Vietnam telah berkata negara-negara ASEAN ialah menjadi satu alat kepada Amerika Syarikat. Selepas peperangan Vietnam dan selepas Vietnam menang dalam peperangan Indo-China, Kerajaan Vietnam telah beritahu ianya akan memberi sokongan kepada Kerajaan-kerajaan ASEAN. Tetapi pada masa sekarang Vietnam telah menukar sikap terhadap semua Kerajaan ASEAN dan mengatakan Kerajaan Vietnam tidak ingin sama sekali untuk mengadakan perundingan secara multi-lateral dengan negara-negara ASEAN, cuma Kerajaan Vietnam ingin mengadakan perundingan secara bilateral sahaja. Jadi untuk kepentingan kawasan ini oleh sebab negara Malaysia satu negara yang penting di kawasan ini, saya harap Kementerian Luar Negeri mengambil perhatian atas perkara yang saya bawa ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima ialah mengenai MTUC. Sungguhpun satu Rang Undang-undang Buruh (Pindaan) akan dikemukakan tidak lama lagi, barangkali dalam 2-3 hari di Dewan yang mulia ini, saya ingin juga menyentuh sedikit atas perkara ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengesyorkan dan merayu kepada seluruh pekerja-pekerja di tanahair kita, Malaysia yang kita cintai serta sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pekerja-pekerja ini menunjukkan sikap tanggungjawab kepada negara. Mereka patut mengambil peluang menerima tujuan dan sebab-sebabnya mengapa Kerajaan pinda Undang-undang Buruh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Buruh telah berjanji Kerajaan pinda Rang Undang-undang Buruh itu adalah untuk kebaikan kaum buruh di seluruh negara dan mereka diberi peluang mengikuti melalui siaran radio, televisyen dan juga oleh suratkhbar-suratkhbar sebab-sebab mengapa Kerajaan pinda Undang-undang ini. Tetapi pemimpin-pemimpin MTUC yang kebanyakannya adalah daripada parti-parti Pembangkang mengeksploitasikan ini dan ini menjejaskan nama Kerajaan supaya mereka menjadi popular dalam pandangan pekerja-pekerja. Bukan MTUC ingin betul-betul berjuang untuk pekerja-pekerja—tidak, tetapi ini kita faham, Tuan Yang di-Pertua, adalah perkara biasa mana-mana parti Pembangkang bila dapat peluang dia akan mengeksploitasikan perkara itu demi kepentingan mereka sendiri. Jadi ini satu perkara yang penting untuk pekerja-pekerja dalam Malaysia mereka patut menerima tanggungjawab dan menunjukkan tanggungjawab mereka kepada negara, terutama sekali mereka mesti faham Kerajaan pinda Rang Undang-undang ini demi kepentingan pekerja-pekerja. Ini amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketujuh ialah mengenai MAS (Sistem Penerbangan Malaysia). Saya biasa beberapa kali apabila saya datang dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur dan dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang suka membeli tiket MAS dan penerbangan itu telah diconfirmed sekian-sekian jam kita akan bertolak, berpuluh-puluh kali kita confirm. Tetapi apabila kita sampai ke Subang Airport diberitahu tidak

ada tempat; tempat diberi kepada orang lain sungguhpun saya sampai lebih awal daripada 45 minit yang dikehendaki dalam tiket itu, dikatakan tidak ada tempat juga. Ini telah menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada penumpang-penumpang terutama sekali penumpang-penumpang antarabangsa dan pelancung-pelancung. Pada satu masa lebih kurang 15 orang telah terbuang masa 3 jam di Lapanganterbang Subang dan saya harap kejadian ini tidak berlaku lagi oleh sebab kejadian seperti ini telah menjadi satu amalan biasa. Saya tidak faham mereka telah confirm, tetapi selepas itu mereka kata tidak dapat tempat duduk. Ini akan menjejaskan nama baik MAS keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham kelmarin Malaysia akan menjadi sebuah negara ahli dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun hadapan dan Malaysia sebagaimana kita semua sedia maklum biasa menjadi ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1965 semasa mendiang Ramani menjadi duta di Bangsa-bangsa Bersatu, wakil Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Luar Negeri oleh sebab pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah ditubuhkan pada tahun 1945 dan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu daripada tahun 1945 sehingga sekarang kesemuanya ada 15 buah negara menjadi ahli dalam pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu 6 buah negara tetap dan 9 sementara setahun sekali mengambilalih dan oleh kerana ahli-ahli dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu telah bertambah dan pada masa sekarang 153 ahli-ahlinya, saya minta Kerajaan Malaysia membuat permohonan untuk menambah kerusi di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu daripada 15 buah sekarang kepada satu angka yang patut oleh sebab angka 15 buah negara daripada tahun 1945 sehingga sekarang berdiri terus; 9 sementara dan 5 negara iaitu Amerika Syarikat, Russia, France, Great Britain dan China menjadi ahli tetap dan lain-lain 9 negara menjadi ahli sementara untuk setahun ke setahun.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah serta menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob.

3.59 *ptg.*

Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut rakan-rakan saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah sudi mencemarkan Duli Baginda datang ke Parlimen ini merasmikan Pembukaan Penggal Yang Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima dengan memberi Titah Ucapan Baginda yang begitu jelas, terang, padat isinya dan dalam maknanya ucapan itu kepada rakyat yang taat setia kepada negara ini tetapi kepada rakyat yang tidak setia kepada negara ini ada sahaja celanya Titah Ucapan Baginda itu.

Tuan Yang di-Pertua, inilah ulasan-ulasan saya dari Titah Ucapan Baginda itu. Pertama berkenaan dengan inflation. Pada pendapat saya inflation tidak patut ada di negara kita sebab rakyat berkehendakkan dua sahaja iaitu pakaian dan makanan. Barang-barang makanan seperti beras, sayur-sayuran, cili, kelapa, minyak dan sebagainya banyak di negara kita—plenty, dan di seluruh negara ada banyak barang-barang makanan. Begitu juga pakaian bermacam-macam jenis pakaian semuanya ada. Mengapa ada inflation, sebab kita tidak bersatu dan orang-orang berniaga barang-barang makanan dan pakaian ini suka hati sahaja menaikkan harga barang-barang dan pakaian ini. Siapa akan memeriksanya? Kementerian Perdagangan tidak cukup orang untuk memeriksa harga barang-barang makanan dan pakaian ini. Kalau kita bersatu-padu orang berniaga bertimbangrasa tidak ada inflation—there will be no inflation. Inilah pendapat saya.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya yang kedua berkenaan dengan Titah Ucapan Baginda itu berkenaan dengan ugama Islam. Sekarang banyak dakwah di negara kita tetapi ada juga lagi ajaran ugama Islam yang menyeleweng seperti ajaran kadiani ada, ajaran taslim ada dan ada yang mengaku Nabi dan sebagainya. Sebab apa, pejabat-pejabat Ugama Islam menjalankan dakwah ugama semata-mata dengan tidak campur adukkan politik insya Allah orang-orang Islam akan bersatupadu dalam negara ini. Pada pendapat saya orang Melayu belum

lagi bersatupadu dan diharap pendakwah-pendakwah akan dipergiatkan lagi tetapi jangan dicampur adukkan dengan politik.

Tuan Yang di-Pertua, mengulas berkenaan dengan keamanan negara kita, pada masa ini saya dapati curi sana, samun sini, rompak di merata-rata tempat di negara kita, begitu juga rogol, dadah menjadi-jadi. Saya suka memberi pandangan kepada Kerajaan, kita tidak boleh mengharap kepada polis dan tentera sahaja menjaga negara kita. Saya cadangkan, I propose to the Government, supaya Rukun Tetangga dijalankan di seluruh negara dan pada tiap-tiap hari siang dan malam dan beri elaun bulan-bulan kepada yang bertugas. Pada masa ini tempat yang tertentu sahaja ada Rukun Tetangga. Ini tidak baik, itulah sebabnya penjahat-penjahat dan perompak-perompak pergi ke kawasan-kawasan yang tidak ada Rukun Tetangga merompak dan menyamun. Inilah pandangan saya. Kalau kita hendak aman, Rukun Tetangga mestilah dijalankan di seluruh negara siang dan malam.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada pelaburan asing. Kita patut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dr Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri kita yang telah banyak membawa pelabur-pelabur asing masuk ke negara kita, khususnya kami askar-askar yang sangat suka kerana kita tahu tiap-tiap tahun 2,000 orang askar berhenti dan mereka tidak boleh balik ke kampung mereka sebab di negerinya masing-masing tidak ada pelaburan. Maka dengan adanya pelaburan asing ini, bekas-bekas askar ini bolehlah dapat balik ke negerinya dan boleh dapat pekerjaan perusahaan itu. Pada masa ini askar-askar yang berhenti tidak balik ke negerinya sebab tiada perusahaan di negerinya. Patut benarlah kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dr Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian kerana dengan daya usahanya pelabur-pelabur asing ini datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perumahan, kita ucapkan syabas kepada Kerajaan kerana menubuhkan Majlis Perundingan Kebangsaan mengenai perumahan.

Kita harap ini akan berjalan dengan segera sebab banyak lagi rakyat-rakyat kita tidak mempunyai rumah khasnya yang tinggal di sekitar Kuala Lumpur ini. Pada Dewan Bandaraya saya merayu supaya akan mendirikan banyak lagi rumah-rumah pangsa lapan belas tingkat di Wilayah ini kerana kekurangan rumah di kawasan saya di Kepong sana ada 72 ekar tanah bekas lombong yang boleh didirikan berpuluh-puluh rumah pangsa untuk orang-orang yang tinggal di rumah tanpa izin di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun baru China yang lepas beberapa banyak rumah-rumah, kedai-kedai, tempat perusahaan telah terbakar dan ini berlaku tiap-tiap tahun. Kementerian yang berkenaan sudah patut mengkaji berkenaan dengan kebakaran tiap-tiap tahun berlaku ini, supaya jangan lagi berlaku. Kalau dijaga atau ada peraturan-peraturan dibuat oleh Kementerian ini saya percaya kebakaran semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang biasa lagi iaitu berkenaan dengan kegelinciran keretapi. Baru-baru ini berlaku lagi walhal tiap kali kita bersidang di Dewan ini ada sahaja Yang Berhormat-Yang Berhormat memberi pandangan dan pendapat. Akan tetapi apa yang telah diberi pendapat atau pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat itu tidak diambil berat oleh Kementerian itu. Itulah sebab berlaku kegelinciran lagi. Kalau Kementerian mengambil berat apa yang diperkatakan oleh kami di sini tidak akan terjadi lagi kegelinciran. Kami kata rail itu sudah kecut patut diganti semuanya, tidak dibuat. Gerabak-gerabak sudah buruk patut diganti, muatan jangan terlampau berat tidak diambil tindakan. Sekarang apa terjadi, tergelincir dan megugikan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bercakap berkali-kali di Dewan ini berkenaan dengan kuari-kuari di Batu Caves itu mestilah diberhentikan tetapi cakap saya itu tidak laku. Apa akan jadi sekarang kalau kuari-kuari itu tidak juga diberhentikan tengoklah sedikit hari ini gua itu akan runtuh dan Kuala Lumpur ini akan karam, bukan sahaja dengan batu-batu granite tetapi air-air bertakung dalam gua itu. Saya dapat tahu

Paper berkenaan dengan ini akan dibentangkan kepada Kabinet. Saya harap Kabinet akan bersetuju memberhentikan kerja-kerja kuari di Batu Caves itu dan beralih ke tempat-tempat lain supaya selamat temple itu dan penduduk-penduduk di sekitar Batu Caves itu yang hari ini makan nasi bercampur habuk dari kuari-kuari yang ada di Batu Caves itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegur berkenaan dengan Bank Simpanan Nasional. Bank ini ada mengeluarkan berita, minta rakyat negeri ini menyimpan dalam Bank Simpanan Nasional dan sekali sekala dibuka cabutan nombor yang bertuah dan diberi hadiah. Apa yang saya harap ialah pada masa akan datang bukan sahaja orang-orang yang menyimpan wang yang baru sahaja diberi hadiah, orang-orang yang telah menyimpan wang dalam Post Office Savings Bank patut diberi hadiah sebab mereka sudah lama menyimpan wang dalam Bank itu, cuma namanya sahaja ditukar dari Post Office Savings Bank ke Bank Simpanan Nasional. Inilah teguran saya pada Bank Simpanan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh berkenaan dengan lencana tentera darat kita. Pada masa ini saya tidak dapat membezakan satu-satu askar darat kita sama ada beliau Askar Melayu Di Raja, Peninjau, Semboyan, Jurutera, Electrician dan Medical Corps. Patutnya kita mesti mengikut tentera British. Tentera-tentera British memakai lencana (badge), begitu juga satu-satu pasukan. Jadi kita tahu dia Askar Melayu Di Raja, di Peninjau, sekarang tidak kita bezakan sebab tidak memakai lencana masing-masing. Nasib baik kita tidak dalam peperangan sebab dalam peperangan itulah yang mustahak supaya dikenali pasukan apa dia. Sekarang kita berbangga kepada tentera laut dan tentera darat sebab warna pakaian berbeza. Inilah pandangan saya berkenaan dengan lencana tentera kita patut tiap-tiap satu corps satu regiment memakai lencana masing-masing dan askar-askar kita akan berbangga dengan lencana masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya terbaca dalam suratkhbar iaitu Lembaga Bandaran Pulau Pinang telah memberi kepada swasta berkenaan dengan mengutip

bayaran letak kereta, di Pulau Pinang mulai 1-4-80 yang baru lepas. Oleh sebab tanggungjawab Datuk Bandar Kuala Lumpur terlampau banyak, saya mencadangkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan mengikut jejak Pulau Pinang iaitu diserahkan kepada swasta Bumiputra memungut wang letak kereta dan ditenderkan. Siapa pemborong bumiputra yang tinggi, syarikat itulah yang mendapat tender itu, terbuka kepada syarikat bumiputra sahaja supaya bumiputra-bumiputra ini lebih giat lagi dalam perniagaan supaya mencapai taraf 30% ekonomi negara ini dalam tangan bumiputra dalam tahun 1990 sebagaimana yang dicita-citakan oleh Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terbaca dalam surat-suratkhbar iaitu gaji kakitangan Kerajaan akan dinaikkan tidak berapa lama lagi dan juga tersiar dalam suratkhbar baru-baru ini gaji itu akan dinaikkan 100%. Saya percaya rakan-rakan saya akan menyokong tetapi janganlah dilupakan kami Ahli-ahli Yang Berhormat, kami pun hendak hidup sebagai kakitangan Kerajaan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyampaikan kepada Kerajaan berkenaan dengan unemployment benefit seperti di England. Orang-orang di England dibayar unemployment benefits jika ia tidak bekerja atau tidak berupaya untuk bekerja lagi untuk nafkah dan nafkah keluarganya. Negara kita kaya raya dengan hasil bijih timah, kelapa sawit, getah, lada hitam, kayu kayan dan lain-lainnya. Pendeknya sambutan rakyat Malaysia yang tidak ada daya upaya dan; yang tidak mempunyai pekerjaan akan bertambah-tambah taat dan setia kepada Kerajaan. Kerajaan patutlah fikirkan cadangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Kerajaan iaitu kakitangan-kakitangan Kerajaan termasuk askar-askar apabila telah berkhidmat 10 tahun dimasukkan ke dalam pensionable establishment untuk menjaga kepentingan apabila tamat perkhidmatan 55 tahun. Kalau ada skim ini saya percaya kakitangan-kakitangan Kerajaan tidak akan lari dari jawatannya seperti sekarang banyak yang lari sebab kita tidak buat sebagaimana yang saya cadangkan itu iaitu sampai sahaja 10 tahun berkhidmat, kakitangan Kerajaan masuk ke

dalam pensionable establishment. Kalau ini dibuat kakitangan-kakitangan Kerajaan akan berjalan dengan lebih kuat daripada sekarang.

Akhirnya, berkenaan dengan pencen askar-askar. Mereka telah datang berjumpa saya dan merayu mengapa sampai lima kategori pencen askar. Mereka ini minta saya rayukan supaya satu kategori sahaja iaitu Cabinet Report dan mana-mana yang tidak tertakluk di dalam Cabinet Report itu dibetulkan semuanya supaya bekas-bekas perajurit mendapat pensionable satu sahaja dan supaya puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya dan saya menyokong usul Senator Puan Rahmah Othman.

Tuan Yang **di-Pertua**: Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah.

4.11 ptg.

Puan **Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman**: Tuan Yang di-Pertua, Bismillahirrahmanirrahim.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi peluang kepada saya dan saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dapat memberi Titah Ucapan kepada pembukaan Parlimen Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelirna pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Titah Ucapan itu dengan penuh semangat dan berisi untuk rakyat seluruh Malaysia, insya Allah, Tuhan akan memberi rahmat dan sihat kepada Duli Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Alhamdulillah, kita bersama-sama mengucapkan syukur kehadiran Allah s.w.t. yang mana dengan lempah rahmatNya dapatlah kita semua dapat bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang bersejarah ini kerana Titah Ucapan Baginda ini terjatuh di dalam abad ke-15 Hijrah dan juga di dalam awal tahun 1980 masihi.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lapan puluhan ini banyak perkara-perkara yang berlaku sebagai sejarah khususnya di negeri Kedah seperti berlakunya demonstrasi penanam-penanam padi di negeri Kedah pada 23hb Januari, 1980 dan kematian seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah bagi pihak Pembangkang dan terpaksa diada satu pilihanraya kecil dan mendapat kernenangan bagi pihak Barisan Nasional. Kesemuanya ini ialah ditakdirkan oleh Allah s.w.t. supaya didugai oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh pada hari ini mengenai belia-belia dari semua keturunan di dalam negara Malaysia kita ini yang mana di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini menyebut banyak peluang-peluang untuk belia-belia kita yang telah menganggur, yang tidak dapat pekerjaan kerana tenaga-tenaga belia-belia itu perlu digembeling ke arah ketinggian yang berguna dan berdisiplin. Apa yang saya mendapat tahu bahawa kadar belia-belia yang menganggur pada tahun 1979-1980 ini terlalu banyak. Maka saya ingin mendapat tahu berapa banyakkah bilangan belia kita yang menganggur yang berkehendak kepada pekerjaan dan berapa banyakkah belia-belia kita yang dapat pekerjaan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan adakah pihak Kerajaan telah berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang telah di selenggarakan untuk faedah-faedah belia kita itu. Saya berharap pihak Kerajaan dengan tindakan-tindakan yang lebih di selenggarakan untuk faedah-faedah belia kita dilipatgandakan lagi usaha-usaha untuk berbagai-bagai rancangan bagi belia-belia kita di kampung-kampung supaya belia-belia di kampung tidak berhijrah ke bandar mencari pekerjaan yang mana banyak gejala-gejala yang buruk yang tidak diingini berlaku ke atas belia-belia terutamanya belia-beliawanis selalu berlaku perkara yang tidak sihat dan kadang-kadang membawa balik perkara-perkara buruk itu ke kampung-kampung. Mereka mempengaruhi kawan-kawan yang lain bila berhijrah ke bandar bersamanya.

Oleh yang demikian, saya menarik perhatian Kerajaan menambahkan kawalan yang berat terhadap belia-belia kita dan sekiranya peruntukan yang telah diluluskan

itu kurang mencukupi, maka seharusnya Kerajaan menambahkan lagi peruntukan itu kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan supaya dapat meningkatkan lagi kawaian-kawalan yang sempurna semoga belia-belia kita menjadi belia-belia yang berdisiplin yang bakal menjadi pemimpin negara kita di masa hadapan dan mereka ini tidak terlibat dengan dadah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya menyentuh pula di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyebut: Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama Islam tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kejatuhan beberapa negara Islam adalah disebabkan perpecahan dan kemunduran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang menarik perhatian Majlis di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu kita amat memerlukan perpaduan ummah untuk keteguhan negara kita yang sedang membangun ini. Pihak Kerajaan telah berusaha meningkatkan perpaduan dan mengelakkan perpecahan terutamanya di kalangan orang-orang Melayu yang beragama Islam. Tetapi malangnya, ada sebuah parti Pembangkang yang selalu memecahbelahkan dan menghalang kemajuan yang telah dirancang oleh Kerajaan. Parti itu yang bernama Parti Islam Se Malaysia. Buktinya yang amat terang dan nyata iaitu parti itu telah mengadakan satu demonstrasi di Alor Setar pada 23hb Januari, 1980 yang lalu dengan menipu daya penanam-penanam padi yang tidak berdosa itu dengan menyatakan mari kita keluar beramai-ramai kerana Kerajaan hendak menaikkan harga padi. Padahal tujuan mereka yang sebenarnya ialah hendak memalukan Kerajaan dan berusaha hendak menjadikan huru-hara. Rupanya parti telah menubuhkan sebuah pertubuhan sulit yang bernama Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S.) yang berselembunyi di belakang parti PAS. Dan kalau ditinjau pula pada masa berkempen pilihanraya di Bukit Raya baru-baru ini kita merasa amat kesal sekali kerana lahirlah isu-isu agama yang tidak menyenangkan kerana mereka mengeluarkan petua-petua mengkafirkan siapa yang menyokong Kerajaan dan mewajibkan mendapat syurga bagi

siapa-siapa yang mengundi PAS. Dan sehingga mereka menyuruh pengundi-pengundi mereka bersumpah dengan cara agama Islam dan macam-macam lagi tipu helah mereka dengan isu-isu agama Islam yang suci.

Tuan Yang di-Pertua, maka untuk menyambut baik seruan Duli Yang Maha Mulia itu, saya membuat satu cadangan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya ditukarkan nama parti Islam itu kepada satu nama parti lain daripada perkataan Islam, jangan jadi tersilap faham kekeliruan dengan nama itu, kerana banyak orang kampung memahami bahawa parti Islam itu ialah agama Islam. Maka apa sahaja fatwa atau kata-kata pensyarahnya ialah agama Islam maka berlakulah pecah belah yang tidak diinginkan di antara sesama Islam dan sekampung. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya membuat cadangan lagi supaya Kerajaan menukar nama parti Islam itu ataupun parti politik yang mendekati nama parti dengan nama Islam sama ada yang telah didaftarkan ataupun yang belum didaftarkan. Pada pendapat saya selagi Kerajaan tidak mengubah nama parti Islam itu maka perpaduan di kalangan orang Melayu susah hendak dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah mengenai bidang pelajaran yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyebut:

"Kerajaan beta juga akan terus berusaha untuk meningkatkan dan menambahkan universiti-universiti dan lain-lain pelajaran tinggi."

Dalam semua bidang pelajaran yang telah diusahakan oleh Kementerian, boleh dikatakan amat memuaskan hanya yang saya hendak sentuh ialah matapelajaran tulisan Jawi terhadap pelajar-pelajar Islam di sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Saya membuat cadangan dan memberikan sokongan penuh dijadikan satu matapelajaran yang diwajibkan ke atas penuntut sekolah rendah dan sekolah menengah. Kerana huruf Jawi itu ialah huruf Quran maka sewajarnya tiap-tiap pelajar Islam itu mengenali huruf Jawi dengan sebenarnya supaya kalimah yang ada di dalam

Kitab Suci Al-Quran dan Hadis Nabi itu kesemuanya dengan bahasa Arab yang sama huruf-hurufnya dengan huruf Jawi dan tidak betul sebutan kalimah itu jika ditulis dengan huruf Rumi atau iain-lain kerana bahasa pengantar asalnya bahasa Arab. Dalam perhatian saya semasa saya menjadi guru Quran di masa yang lampau jauh perbezaannya di antara pelajar kenal huruf Jawi dengan pelajar yang tidak kenal huruf Jawi dalam mempelajari Al-Quran. Oleh yang demikian, amat munasabah tulisan Jawi itu diwajibkan dipelajari terhadap pelajar-pelajar Islam itu sebagai satu matapelajaran kerana ugama Islam di negara lata ini ialah ugama rasmi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka sebutkan di sini iaitu menyentuh tentang ucapan Titah Di Raja tentang ancaman komunis serta memelihara undang-undang dan ketenteraman awam telah menambahkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan nyawa, harta benda dan negara. Maka di sini kita mesti membesarkan lagi pasukan tentera kita di mana akan datang, kerana kita tahu kalau tidak ada keamanan negara, kita tidak akan dapat kemajuan. Saya juga menyentuh di sini supaya pihak Kerajaan mengambil berat di atas kerelaan tentera-tentera kita yang menjalankan tugasnya tidak kira masa dan tenaga, meninggalkan rumahtangga dan anak isteri untuk menyelamatkan negara kita ini. Kalau boleh berilah peluang kepada tentera-tentera kita untuk berlatih lebih banyak lagi di luar negeri supaya dapat setaraf dengan askar-askar di luar negeri. Jadi saya berharap Kerajaan patut memberi tambahan-tambahan sepertimana saguehati kepada tentera dan ditambah lagi di masa akan datang nanti dan memberi rumah harga murah kepada mereka apabila mereka berhenti daripada jawatan-jawatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di akhirnya sekali saya suka menyentuh tentang bekalan air yang mana kita tahu khasnya di dalam negeri Kedah kalau di masa musim timur sahaja kering kuntang air sehingga di dalam saluran paip pun tidak ada air, bukan kata *di* luar bandar tetapi di dalam bandar yang dekat 6 batu dengan pekan Alor Star, paip dipasang tetapi air tidak ada. Jadi inilah saya suka memberi pandangan kepada pihak yang berkenaan memandangkan selalunya menjadi di dalam negeri Kedah itu, saya

berharap supaya dapat pihak yang berkenaan menghadkan tempat-tempat takung air iaitu kolam-kolam yang patut diperbaiki dan patut ditambahkan peruntukan supaya dapat mengadakan tangki-tangki air yang banyak untuk mendapatkan bekalan air dengan sempurna kepada penduduk-penduduk luar bandar supaya seimbang dengan pandangan-pandangan yang dibuat oleh Menteri-menteri manakala membuat lawatan keluar bandar, perkara yang demikian banyak berlaku di dalam negeri Kedah. Itulah harapan saya kepada pihak yang berkenaan supaya dapat membaiki lagi sepertimana kita adakan Rancangan MUDA menanam padi dua kali setahun tetapi air minum selalu tergendala di negeri Kedah. Harapan saya supaya dapat pihak Kementerian mengambil tindakan yang tegas di masa akan datang.

Sekianlah sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Rahmah Othman pada hari kelmarin di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekali lagi saya menyokong penuh dan diucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr Wee Khoon Hock.

4.28 *ptg.*

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul rakan saya Yang Berhormat Puan Rahmah Othman yang mencadangkan:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima."

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting dan menentukan masa depan negara ini akan aman, bahagia dan makmur telah berlaku pada larut malam Ahad iaitu kemenangan Barisan Nasional di Pilihanraya Kecil kawasan Bukit Raya Kedah yang merupakan satu benteng politik parti PAS semenjak tahun 1969. Kejatuhan kubu politik PAS kali yang kedua, selepas kekalahan pilihanraya Negeri Kelantan dalam bulan Mac 1978 kepada Barisan Nasional adalah jelas menunjukkan adanya kesedaran, betapa pentingnya semangat toleransi antara kaum, pengawalan perasaan tidak berpandangan sempit, tidak fanatik dan sebagainya di dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia ini, adanya kesedaran itu dikalangan sejumlah besar rakyat Malaysia.

Penerimaan Kerajaan Barisan Nasional yang berpegang kepada konsep keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara, penerimaan Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai azam dan tekad yang kuat untuk menjamin keselamatan, mencapai keadilan dan kestabilan masyarakat, menuju kemakmuran dan kepentingan masa depan negara kita adalah penting juga bagi mengukuhkan asas ASEAN dan memelihara suasana aman dan damai rantau Asia Pasifik ini.

Kami Ahli-ahli Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemimpin Barisan Nasional dan Perdana Menteri Malaysia kita, Yang Amat Berhormat Dato' Hussein Onn atas kejayaan yang cemerlangnya memimpin dan memandu Parti dan Kerajaan kita dari kejayaan demi kejayaan dalam pilihanraya dan kemajuan demi kemajuan dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara tentang rumah kebajikan, khususnya Rumah Kebajikan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan. Sebenarnya tujuan Rumah Kebajikan Kerajaan ialah bagi peruntukan satu tempat kediaman untuk orang-orang tua yang uzur yang daif, yang cacat, yang miskin dan tiada saudara mara lagi dan yang kurang bernasib baik untuk perlindungannya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Akta Gelandangan (Vagrancy Act) dikuatkuasakan lebih tiga bulan dahulu banyak pengemis telah di-

tahan dan dihantar ke Rumah Kebajikan Kerajaan bercampur dan diam dengan penghuni-penghuni yang telah sedia ada di rumah itu.

Izinkan saya bagi satu contoh. Pada masa sekarang dalam Rumah Kebajikan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan, di samping 97 orang-orang tua dan orang-orang cacat yang mula-mula berada di rumah itu, malangnya daripada semenjak awal tahun ini telah menambah 180 pengemis yang dibawa daripada negeri-negeri lain, dan di antara 180 orang pengemis itu pula adalah termasuk 170 orang yang penyakit saraf (mental cases) dalam berbagai peringkat. Ini telah mengakibatkan keadaan buruk seperti mengotorkan lingkungan rumah itu, memusnahkan suasana dan lingkungan yang tenang dan sebagainya. Rumah kebajikan ini hanya mempunyai 31 orang kakitangan sahaja, keadaan yang sangat buruk itu talc mungkin diperbaiki dan keadaan ini akan mempengaruhi kesihatan dan kehidupan orang-orang tua sekiranya tindakan sewajarnya tidak diambil dengan segera oleh Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong benar Akta Gelandangan (Vagrancy Act) itu dan saya memuji pihak Kerajaan atas menguatkuasakan undang-undang ini supaya pengemis-pengemis tidak lagi bergelandang di jalan-jalanraya atau kaki lima.

Apa yang saya merayu ialah supaya pengemis-pengemis itu diasingkan dari orang-orang tua yang terlibat dan ditempatkan di satu kediaman khas sehingga membersihkan saikologi dan tabiat mengemis mereka itu.

Saya sebagai Pengerusi Lembaga Pelawat Rumah Kebajikan Taman Kemumin, Kelantan, dan Lembaga saya sedang mengalami sebarang kesulitan atas perkara ini dan kesihanlah orang-orang tua yang telah menghilangkan ketenangan kehidupan yang mereka biasa menikmati sebelum ini. Saya percaya rumah-rumah kebajikan di negeri-negeri lain mungkin juga menghadapi ke-suiitan-kesulitan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyambut baik pengumuman oleh Sistem Penerbangan Malaysia baru-baru ini bahawa perkhidmatan penerbangan di antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur akan dilaksanakan dengan lebih berulang-ulangan dan dengan

tambangnya yang lebih murah. Memandangkan kejauhan di antara Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur adalah lebih dari jarak Kota Kinabalu dan Bandar Manila atau Bandar Saigon, begitu juga kejauhan di antara Kuching dan Kuala Lumpur adalah lebih kurang sama dengan Kuching dan Jakarta dan kejauhan di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, adalah salah satu rintangan terbesar untuk penyatuan kedaerahan Malaysia (Malaysia's territorial integration).

Tidak dapat dinafikan sejak negara Malaysia dilahirkan hingga hari ini hubungan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak dengan rakyat di Semenanjung Malaysia masih tidak begitu erat. Pengangkutan darat antara Sabah dan Sarawak, dan pengangkutan udara dan laut antara Malaysia Timur dan Semenanjung, termasuk perhubungan rakyat dalam segala segi, antara tiga negeri Malaysia ini sesungguhnya penting bagi mempereratkan semula lapisan rakyat seluruh Malaysia. Tidak bolehkah satu Jawatankuasa Kabinet atau satu Jawatankuasa Khas diwujudkan supaya dapat mengkaji dengan mendalam keseluruhannya supaya langkah-langkah dapat diambil dengan tujuan mempereratkan rakyat Malaysia Timur dan rakyat Semenanjung Malaysia dari segi pengangkutan, kebudayaan, ekonomi dan sebagainya supaya psychological gap antara Malaysia Timur dan Barat dapat menjambatani, dan dengan satu negara Malaysia yang padu dan kukuh akan mampu menghadapi segala cabaran dekad ke lapan puluhan yang sungguh rumit dan berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepentingan perpaduan rakyat pada masa ini, Jabatan Perpaduan Negara patutlah diberi kuasa yang lebih luas lagi dan peruntukannya ditambah malahan Jabatan itu dinaikkan pangkat menjadi sebuah Kementerian Perpaduan Rakyat supaya apa yang dikatakan dalam Titah Ucapan Kebawah Duli: "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Bukit sama didaki, lurah sama dituruni" dapat dihasilkan.

437 *ptg.*

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun petang ini dengan hati yang terbuka iaitu

mengalu-alukan perbahasan Titah Di Raja bermula semalam dan dilanjutkan beberapa hari lagi.

Sebelum saya memulakan ucapan perbahasan saya pada petang ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Pasukan Bola Malaysia kerana menunjukkan satu permainan yang gagah dan memperolehi kejayaan menjadi Johan Pre-Olimpik di Kuala Lumpur yang berlangsung pada malam Isnin baru-baru ini. Kemenangan pasukan kita itu adalah menunjukkan bahawa pasukan kita mempunyai minat dan azam yang kuat walaupun kita kehilangan seorang pemain handalan kita yang kita sayangi, Mokhtar Dahari akan tetapi apa yang ditunjukkan oleh mereka, kerjasama yang erat, semangat yang ditunjukkan memberi gambaran harapan bahawa peningkatan permainan negara kita dari sehari ke sehari makin meningkat.

Lebih-lebih lagi, Tuan Yang di-Pertua, pemimpin negara kita, pemimpin pasukan itu sendiri di dalam akhbar boleh kita lihat walaupun kita tidak berkesempatan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang menyayat hati mengeluarkan air mata kerana kesyukuran, peluk cium mesra tanda kasih dan juga sambutan Seri Paduka Baginda sendiri bangun di dalam stadium itu, 45,000 rakyat sama-sama bangun dengan tidak dikehendaki atau diperintah oleh sesiapa sebagai satu penghargaan yang diberi oleh mereka kepada pemain selepas sahaja pasukan kita mencapai kemenangan. Mereka menyanyinyanyi Negaraku dengan hebat dan beratus-ratus orang yang keciwa tidak dapat menempah tiket. Masanya sudah patut kita kaji sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, membesarkan lebih lagi kalau boleh stadium kita itu patutlah dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri seorang yang tidak bernasib baik menyaksikan perlawanan akhir yang membawa sejarah negara kita tetapi saya berpeluang menyaksikan dalam TV di pekan Karak, Bentong selepas saya menghadiri sidang Ahli-ahli Dewan Negara pada petang itu kerana urusan yang mustahak saya mesti berada di luar Kuala Lumpur.

Apa yang saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini atau Menteri yang berkenaan memikirkan ialah siaran secara

langsung itu tidak dibuat terus-menerus, ada suspensinya iaitu Warta Berita. Pada hal dalam Rangkaian Kedua ada Warta Berita Bahasa Malaysia yang sama tetapi mengapa TV masih lagi tidak mahu mendengar pandangan rakyat melalui public opinion akhbar-akhbar supaya suspension ini ditiadakan. Saya harap kalau ada sebarang siaran negara atau perlawanan yang bersifat kenegaraan, kalau dibuat siaran secara langsung Warta Berita itu hendaklah ditiadakan kerana mereka yang hendak melihat Warta Berita mereka boleh mengalih kepada Rangkaian Kedua dan tidak mengganggu pandangan rakyat yang mahu terus-menerus melihat siaran itu. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, hendaklah ada permulaan daripada awal hingga akhir. Inilah harapan saya di samping saya memberi tahniah kepada pasukan kita, memberi pandangan saya kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya mengambil pandangan ini iaitu pandangan seluruh rakyat supaya siaran Warta Berita ini ditiadakan pada masa yang akan datang dalam siaran terus-menerus.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada perbahasan Ucapan Titah Di Raja saya di sini mengalu-alukan ucapan yang begitu lunak dan penuh isinya yang telah dihamburkan di Dewan Rakyat tempoh hari. Bukan kerana saya orang Pahang dan Duli Yang Maha Mulia ini datangnya dari negeri saya, akan tetapi sifat yang saya nyatakan itu adalah timbul daripada seorang Ahli Dewan ini dan banyak perkara yang membawa perubahan iaitu perjumpaan perkenalan dengan Ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat, mengadakan Istana terbuka pada Hari Raya Puasa dan sebagainya. Ini satu contoh yang baik yang boleh ditiru oleh Wakil Rakyat sendiri bahawa kepentingan rakyat itu lebih diutamakan daripada kepentingan diri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sampai juga pada hemat saya Kerajaan menimbangankan bagi mengadakan Institut Sukan Negara bagi melatihkan pemain-pemain kita bukan sahaja daripada bola tetapi hoki, badminton juga ahli-ahli track kita kerana kita terpaksa tiap-tiap tahun akan menghadiri dan mengambil bahagian dalam banyak perlawanan dan juga pertandingan di negara-negara luar. Saya menyarankan kepada Kerajaan supaya mengkaji institut kesukanan ini perlulah diwujudkan

di negara kita khasnya di Kuala Lumpur ini supaya kita dapat melatih dengan lebih insentif dan meningkatkan kebolehnya ke tahap yang lebih tinggi para peserta kita apabila mengambil pertandingan perlawanan di luar negeri dan sebagainya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita membawa perkara ini kepada pertimbangan sama ialah oleh Jabatan Keretapi. Negara kita makin maju tetapi sistem keretapi ini masih lambat, masih menggunakan sistem yang asal walaupun perubahan telah berlaku dan kebaikan telah berlaku dalam Bahagian Tadbir Jabatan Keretapi itu sendiri tetapi perkhidmatan keretapi terutama ke Pantai Timur adalah boleh dikatakan melepaskan batuk ditangga. Kami penduduk di Pantai Timur, Pahang, Kelantan tidak merasa keretapi Express lima jam daripada Kuala Lumpur ke Singapura, boleh dilakukan daripada Kuala Lipis ke Kuala Kerai yang jauhnya 80 batu pun mengambil masa enam jam, itupun kalau tidak rosak dan kami akan berhenti di mana-mana stesyen keretapi kerana hendak membawa segala balak-balak, diiringilah kami dengan balak-balak ini dan setengah-setengah gerabak tandasnya pun dikunci dan lampunya pun tidak dihidupkan. Tetapi adakah pihak Tadbir Keretapi yang lebih atas mengetahui kedudukan perkara ini? Alasannya ialah kurang menyenangkan, konon berapa banyak kecurian berlaku apabila perkara-perkara ini dibuka. Begitu sekali tohmah dilakukan kepada kami penduduk dan rakyat di Pantai Timur yang disifatkan tidak bertamaddun bila menaiki Keretapi Tanah Melayu. Telah banyak kali kami suarakan, potong sahajalah jalan keretapi ke Pantai Timur ini dan gantikan dengan jalanraya tetapi Jabatan Keretapi masih juga mengekalkan "Ekspres Sakainya" dari Singapura ke Kota Bharu yang berjalan 30 batu kadang-kadang 40 batu satu jam. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut nama "Sakai Express" itu adalah dimaksudkan Perkhidmatan Keretapi Mel Sumpitan Emas.

Yang peliknya, Tuan Yang di-Pertua, Menteri yang berkenaan dengan Keretapi ini tahu sangat, tetapi beliau tidak memberi pandangan yang lebih tepat kepada Menteri-menteri atau Kerajaan dengan khidmat berkenaan Keretapi di pantai Timur supaya

dimodenkan. Dengan sebab itu sepatutnya-lah perkhidmatan keretapi Pantai Timur itu dibaiki. Kalau apa yang ada di Pantai Barat sesungguhnya mestilah wujud juga di Pantai Timur kerana kami di Pantai Timur termasuk negeri-negeri yang saya sebutkan tadi rakyat negeri Pahang, rakyat negeri Kelantan, rakyat negeri Trengganu adalah juga pembayar cukai yang berhak juga mendapat nikmat daripada nikmat-nikmat khidmatan yang selesa Keretapi negara kita, dari yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, syukurlah kepada Tuhan bahawa rancangan jalan atau lebuh-raya daripada Rota Bharu ke Kuala Lumpur telah dirancang oleh Kerajaan dan saya yakin bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat jalan itu akan siap dan pada hari ini pun, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang daripada Kuala Lipis boleh sampai ke Gua Musang dengan menaiki Land Rover. Insya Allah kalau rancangan ini dapat diteruskan kita akan dapat melihat bahawasanya sebelum tahun berakhir Rancangan Malaysia Keempat, satu lebuh-raya yang cantik, elok dan molek akan dapat dibuat yang memendekkan jalan lebih kurang 170 batu perjalanan daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan patut memulakannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, bukan sahaja daripada Kuala Krai ke Gua Musang, akan tetapi boleh dimulakan daripada Bentong ke Kuala Lipis supaya apabila sampai masanya matlamat Rancangan Malaysia Keempat jalan itu sudah siap dan menyenangkan lebih daripada 1.5 juta penduduk Pantai Timur dapat menikmati kemudahan bagi mendekatkan perjalanan daripada negeri masing-masing ke Ibukota Kuala Lumpur. Tetapi janganlah pula lupa, Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kerjaraya atau Kementerian Kerjaraya memikirkan dan merancang satu jalan daripada Cameron Highlands ke Kuala Lipis. Jalan ini telah disebutkan beberapa tahun dahulu, kerana adalah Cameron Highlands dan Kuala Lipis itu adalah satu kawasan hutan belantara yang besar dan komunis boleh mendiami di sana jika mereka digegas keluar daripada hutan Perak. Satu matlamat yang boleh kita mengatasi komunis militan di negara ini ialah mewujudkan perhubungan jalanraya yang baik. Dengan jalan itu sahajalah, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita boleh menyekat

perkembangan gerakan komunis dalam negara kita sekarang ini. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika dahulu Temerloh adalah satu tempat pusat komunis Melayu, apabila disiapkan jalanraya di antara Temerloh dan Maran, gerakan komunis pada waktu itu boleh dikawal dan boleh diatasi. Dan negeri Pahanglah yang pertama mengisytiharkan kawasan Putih di antara negeri-negeri di Tanah Melayu dalam tahun 1960/1962.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada Kerajaan dengan harapan yang penuh supaya pandangan yang saya buat berhubung dengan pembukaan jalan Cameron Highlands ke Kuala Lipis itu hendaklah dirancang juga dalam Rancangan Malaysia Keempat, kerana tujuan-tujuan yang saya sebutkan tadi adalah untuk kebaikan kepada negeri dan negara. Cameron Highlands adalah sebuah tempat yang baik untuk ditanam teh dan kita masih mengimport teh. Kalau dibuka jalan ini kelak, maka Cameron Highlands boleh menjadi pusat pengeluar teh di Malaysia dan kita tidak perlu lagi mengimport. Kalau sekiranya jalan tidak dibuka perusahaan itu tentulah tidak boleh berkembang, selain daripada perkembangan tanaman seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Sebahagian besar daripada bekalan sayur-sayuran yang dibawa ke Kuala-Lumpur datangnya daripada Cameron Highlands. Jadi daripada tanaman Cameron Highlands membawakan kepada pengguna bandar Kuala Lumpur khususnya dan selatan Semenanjung dan juga sebab berkembangnya jalan itu nanti boleh lebih lagi membesarkan perusahaan tanaman ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat bahawa balu-balu pasukan keselamatan apabila meninggal suaminya semasa bertugas mereka itu diberi ganjaran, bantuan atau saguhati sebanyak \$10,000 dinaikkan daripada \$2,500-55,000 kemudian naik kepada \$10,000. Memandangkan kepada keadaan harga barang yang makin tinggi, saguhati \$10,000 itu tidak mencukupi apatah lagi kalau balu-balu hendak membeli sebuah rumah walaupun yang dikatakan rumah murah kerana harga rumah murah sekarang

inipun mencapai harga tidak kurang daripada \$16,000-\$20,000. Jadi saya menyarankan kepada Kerajaan supaya ganjaran saguhati balu pasukan keselamatan, baik askar ataupun polis, hendaklah diberikan ganjaran tidak kurang daripada \$15,000.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa megah kalau wanita-wanita kita ini diberi tempat bukan sahaja dalam skop Askar Wataniah, tetapi tubuhkan satu batalion betul-betul merupakan tentera wanita kita supaya mereka boleh seimbang menunjukkan tenaga bagi menjaga keamanan negara kita. Kalau di Amerika, Tuan Yang di-Pertua, ada "Jeneral" wanita, kita harap dalam tempoh hidup kita ini kita akan dapat melihat seorang "Jeneral" wanita akan diwujudkan tetapi hendaklah ia mempunyai pasukan tentera yang besar, dan pasukan itu juga bolehlah kita pecah-pecahkan kepada beberapa pasukan lagi yang meliputi satu unit yang kecil. Saya tidak fikir wanita negara kita akan menolak tawaran Kerajaan jika sekiranya tugas itu dikehendaki oleh negara, wanita kita baik wanita Melayu, Tionghua, India dan sebagainya yang sama-sama berkhidmat bagi mempertahankan negara ini. Jadi saya menyarankan supaya pasukan khas wanita diwujudkan dalam pasukan tentera negara kita lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini, mereka hendak diberi latihan intensif berdisiplin dan taat pada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam masalah orang yang tidak mempunyai rumah iaitu mereka yang mendirikan rumah sendiri atau rumah haram yang sekarang kita panggil "setinggalan" terutama di bandar Kuala Lumpur ini sendiri, lebih daripada 20,000 keluarga yang ada di Sungai Besi umpamanya iaitu orang yang tidak memiliki tanah. Kerajaan patutlah menimbangkan dengan tegas supaya mereka ini boleh memiliki rumah sendiri. Mereka berkhidmat di Kuala Lumpur dengan menyewa bilik dengan harga yang tinggi bersama dengan anak isterinya dan tenaga mereka dikehendaki berkhidmat kepada negara kita. Jadi apalah salahnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan patut menimbangkan banyak kebun-kebun di keliling Kuala Lumpur ini yang kepunyaan orang-orang kaya.

Mengapa tanah ini tidak kita beli, kita acquire untuk dijadikan tapak rumah setinggalan yang tidak mengira bangsa, Melayu,

Cina, India. Kalau kita pergi ke Lapangan-terbang kita dapati estet kiri kanan jalan, kalau kita pergi ke Kelang juga, apa salahnya tanah itu kita beli, jangan swasta beli, swasta beli dia buat dengan harga yang tinggi, rumah murahanya \$20,000, pekerja-pekerja IMG mati gaji \$295 sebulan, macam mana dia boleh sanggup beli. Jadi kita haruslah mengkaji masalah ketiadaan rumah sebagai satu perkara yang serius. Kementerian Perumahan juga patut mengkaji perkara ini terlebih dahulu, tetapi apa yang kita dapati sekarang ini hasilnya tidak begitu memuaskan. Jadi saya menyarankan kepada Kerajaan supaya membeli tanah-tanah di luar Kuala Lumpur, kita membuat perhubungan yang baik, jalanraya yang baik supaya mereka mudah pergi-datang. Sekarang mereka menyewa dengan harga yang mahal, hendak beli duit tidak ada, ia tidak ia, buatlah rumah yang di mana orang tidak ada, kita ada. Kadang-kadang di bawah pokok, di tepi-tepi sungai didirikan 10' persegi atap daripada zink yang buruk supaya terlepas daripada hujan dan panas. Mereka adalah rakyat Malaysia yang juga berhak menerima nikmat daripada kemerdekaan negara kita, berpuluh-puluh ribu bukan sahaja orang Melayu, orang Tionghua, tetapi juga orang India. Bagaimana kita boleh menjadikan mereka seorang rakyat yang berguna sebab pepatah ada mencatatkan "pelajaran yang tinggi itu duduknya di otak yang sihat" kalau rumah 10' persegi anak 6-7 orang kita hendak berihat sendiri pun tidak ada waktu, nanti semua anak-anak tidur baru kita berihat, kadang-kadang bantal tengah-tengahnya bertemu kepala 7 atau 8 orang anak, Tuhan takdirkan pula orang yang miskin mempunyai ramai anak, orang kaya kurang, jadi inilah permohonan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Kerajaan dan Majlis Bandaraya sedang berusaha dan saya tidak menidakkan tetapi usahanya itu tidak segagah namanya Bandaraya itu. Apa yang saya nampak cara besar-besarnya untuk membuat taman rihat di Jalan Kuantan, usaha ini tidak sekuat namanya, jadi saya mahu Bandaraya supaya lebih effective lagi, berjalan dengan lebih tegas dan menyelesaikan masalah ini dengan kekuatan dan kepandaianya sendiri dan kalau kekurangan wang Bandaraya boleh minta dan saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini akan sedia meluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa tanah telah dibuka kepada rakyat lebih daripada 1,200,000 ekar yang diusahakan oleh FELDA dan FELCRA iaitu agensi Kerajaan yang berjaya bagi menempatkan peserta-peserta di dalamnya dan sehingga tahun 2,000 mengikut rancangannya ia akan membuka 2 juta ekar, akan tetapi saya sukacita mengingatkan kepada FELDA bahawa di luar daripada kawasan rancangan yang dirancang—memang sudah ada kampung-kampung asal yang didiami oleh rakyat asal tempat itu, FELDA atau FELCRA hendaklah merancang bagaimana boleh rakyat yang tidak masuk dalam Rancangan FELDA itu boleh bersama-sama menikmati kehidupan hari depan mereka. FELDA mesti merancang perkara ini sebab dia sebuah agensi Kerajaan sebab satu-satu kawasan FELDA/FELCRA itu boleh rancangan, kerana rakyat yang di sekeliling itu yang mempunyai tanah sendiri yang asal, yang masih miskin dan masih tidak punya kemudahan asas. Jadi saya harap FELDA sebagai agensi Kerajaan yang berjaya memikirkan masalah ini dan memberi satu pandangan kepada Kerajaan bagaimana mengatasi masalah ini.

Saya juga berpendapat sama dengan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad supaya membuka tanah di Jalan Timur-Barat tetapi manusia yang duduk asal di Timur-Barat itu mesti dipelihara supaya dia tidak miskin dalam tanahair sendiri supaya ia tidak lapar di atas kepok padi dan ia tidak haus di dalam kolam air. Jikalau tidak mereka ini akan memandang dari segi kekayaan yang ada pada hari ini dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu. Penyokong-penyokong pihak yang anti-nasional akan mendapat tempat menghasut mereka dan ahli-ahlinya pihak komunis ini akan mengambil peluang daripada kelemahan kita. Saya sedar dan saya mengaku bahawa orang yang masuk komunis bukan orang miskin sahaja, orang kaya dan berilmu pun ada memasuki Gerakan Komunis kerana memperjuangkan ideologi, akan tetapi orang miskin lebih tertarik dengan propaganda kosong mereka ini, jadi inilah saya sarankan kepada FELDA supaya mengkaji masalah ini dengan mendalamnya.

Yang kedua, saya minta FELDA juga mengkaji jangan hanya mengeluarkan kelapa sawit sahaja, getah sahaja, hendaklah juga

mengadakan kilang bagaimana membuat hasil-hasil getah. Kita tahu sekarang ada beratus million orang yang memakai selipar Jepun, kasut getah dan lain-lain barangan berasal daripada getah tetapi kita negeri yang mengeluarkan getah mengapa tidak ada kilang yang diproses oleh FELDA atau lain-lain untuk menjual kasut dan lain-lain barangan itu ke negeri Timur Tengah atau ke negara Arab atau ke Eropah, negara China dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya dalam mendebatkan perbincangan Di Raja pada petang ini akan tetapi sebelum saya duduk saya suka hendak menjawab ucapan sahabat saya daripada Sabah semalam iaitu memperkatakan sesuatu yang saya fikir tidak patut dibuka atau dibahaskan pada hari ini kerana benda ini makin dalam, makin kita takut makin dalam lagi kesannya. Tetapi barangkali dia paksa atau disuruh atau arah sampaikan bagi menjawab ucapan saya pada pertanyaan saya di Dewan yang lepas berhubung dengan kedudukan Perlembagaan.

Saya fikir yang saya minta bukan wakil dari Sabah menjawabnya, tetapi Perdana Menteri atau Menteri yang berkenaan kerana mengikut dalam kedudukan sekarang ini, yang diauthorised atau yang dibenarkan dalam Perlembagaan ialah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang kedua; Perdana Menteri dan Kabinet, yang ketiga Menteri yang diberi authority, yang keempat; Parlimen. Ini sahaja yang ada kuasa boleh buat agreement atau perjanjian dengan negeri luar. Jadi kalau perkara ini berlaku dan berlawanan dengan Perlembagaan hendaklah kita perbetulkan. Bukan masalah harga kayu naik daripada \$250 kepada \$500 se tan—ini tidak timbul. Ini bergantung kepada keperluan, kalau keperluan Eropah berkehendakkan kayu, harga kayu akan naik \$700 satu tan; atau mungkin lebih lagi kalau musim berehat di Eropah harga kayu jatuh. Bukan kerana dibuat perjanjian di antara seorang Menteri negeri dengan satu Kerajaan luar harga kayu \$200 meningkat kepada \$500 se tan. Dan itu bukanlah perkara pokok yang dipersoalkan. Perkara pokoknya ialah agreement yang dibuat itu adakah selaras dengan maksud Perlembagaan atau tidak. Dan kalau tidak, perlulah dibetulkan supaya ia tidak berulang lagi.

Satu masa dahulu Kerajaan Pahang sendiri hendak meminjam wang daripada Sabah sebanyak \$25 juta. Rombongan Pahang pergi ke Sabah meninjau keadaan akan tetapi menurut Perlembagaan selagi belum dapat kebenaran daripada Kerajaan Persekutuan tidak boleh sebarang treaty dibuat atau pinjaman dilakukan. Saya tidak payah bercakap panjang mengenai perkara ini, tetapi saya akan berasa puas hati kalau sekiranya Menteri yang bertanggungjawab di Dewan ini membuat kenyataan sebab soal ini adalah soal Perlembagaan, bukan soal perbincangan di antara saya dengan pihak yang berkenaan. Saya tidak ada musuh dengan orang Sabah atau orang Sarawak, saya masih baik sangka terhadap mereka. Saya tidak mahu mengeruhkan suasana akan tetapi kalau sekiranya ada sesuatu berlaku, peneguran mesti dibuat, sebab saya adalah seorang Senator yang dilantik **oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** mewakili Malaysia termasuk Sabah dan Semenanjung. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua tentukan saya wakil mana kerana saya seorang Ahli yang dilantik.

Kalau maksud bahawa sanya saya ini hendak mengeruhkan suasana orang sana rakyat Sabah atau Sarawak atau saya menggunakan hak keistimewaan dan kepentingan saya sebagai Ahli Dewan ini—tidak, itu bukan tujuan saya. Saya jadi Ahli Dewan Negara ialah mewakili kepentingan negara ini. Kalau saya nampak perkara yang tidak begitu betul atau meragukan saya, saya mesti memperkatakan sesuatu supaya perkara itu boleh dibetulkan. Kalau dapat restu daripada Y.A.B. Perdana Menteri, Menteri boleh jawab kerana dapat restu dari Y.A.B. Perdana Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri tidak menjawab di Dewan ini—ertinya seolah-olah tidak dapat restu. Dan inilah logiknya soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kalau sekiranya beliau tidak membangkitkan nama saya semalam atau beliau membangkitkan seorang Ahli Dewan sahaja, saya tidak akan menjawab, sebab saya tahu perkara ini pun sudah ada dalam makluman peringkat yang tertinggi Kerajaan. Kerana perkara yang saya bangkitkan itu adalah mengenai Perlembagaan.

Saya takut nanti Kedah pula buat agreement dengan Rumania; Selangor pula buat agreement dengan Jepun, Pahang akan

buat agreement dengan Russia, umpamanya. Apakah pendirian Kerajaan Pusat? Y.A.B. Perdana Menteri kita, Dato Hussein Onn ialah orang baik, dia tidak akan memutuskan sesuatu perkara dengan gopoh-gapah tetapi daripada kebaikan itu kita jangan gunakan kesempatan walaupun kita berada atau berkuasa atau walaupun kita mempunyai tenaga yang besar. Hati-hatilah perkara yang bersangkutan dengan Perlembagaan. Agak saya tentulah pihak ini diarah menjawab tetapi walau bagaimanapun telah dijawab oleh seorang sahabat saya. Hasil daripada itu naiklah kononnya harga kayu daripada \$250 kepada \$500 satu tan. Kalau itu sahaja jawabnya tidaklah logik lagi sebab harga kayu ini sebagaimana saya katakan tadi, akan naik dan turun mengikut kepentingan pada waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak gusar dengan ucapan saya. Saya tahu sebab saya juga menerima surat tetapi saya tidak ada sungutan dengan sesiapa, tetapi menjaga kepentingan Dewan ini mengikut Perlembagaan negara dan saya akan gagal kalau sekiranya saya tidak menyebut sesuatu perkara yang meragukan. Saya tidak ada pro sana, pro sini, saya seorang yang "Lone Renger"—tidak ada kawan dan saya tidak berharap dengan pengampuan saya naik meningkat—tidak, atau menekan orang yang menolong saya. Biarlah saya miskin asal hati saya terbuka menerima rezeki Allah sekadar yang diredhaiNya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak melihat negeri dalam negeri, negara dalam negara, tetapi dalam memerintah negara hendaklah kita mempunyai disiplin. Maka orang yang berdisiplin itu ialah mengikuti Perlembagaan dan mentaatinya.

Mengikut ayat yang diucapkan oleh sahabat saya itu, dengan izin saya bacakan:

"Bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi sebuah Kerajaan Negeri di negeri ini untuk melawat ke negara-negara asing. Dalam perkara Ketua Menteri Sabah, beliau telah membuat lawatan ke Philippines tidak lama dahulu dan Indonesia baru-baru ini adalah dengan restu dan pengetahuan penuh daripada Kerajaan Pusat yang mana didakwakan oleh Ahii Yang Berhormat itu mengatakan lawatan beliau adalah di luar

daripada pengetahuan Kerajaan Persekutuan dan juga di luar daripada hak-hak Perlembagaan."

Saya tidak langsung menyentuh berkenaan lawatan, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya sentuh ialah rundingan yang dibuat itu adakah mendapat restu daripada Perdana Menteri; adakah rundingan yang dibuat dengan Pengarah Perhutanan Negara Indonesia itu mendapat restu daripada Perdana Menteri dan diketahui oleh Menteri Perusahaan Utama? Masalah membuat lawatan tidak tirnbui; sesiapa sahaja boleh melawat bukan sahaja ke negeri yang saya sebutkan itu, bahkan ke seluruh dunia sekalipun jikalau ada jalan dan ada tenaga sama ada ke Eropah atau Amerika akan tetapi apa yang saya tanya ialah bersabit kedudukan dengan Perlembagaan.

Maka wajarlah Menteri yang berkenaan dan Menteri yang mewakili Dewan ini membuat penjelasan. Kalau ianya diresui oleh Perdana Menteri, saya akur bahawa sekalung bunga saya berikan kalau sekiranya ada penjelasan dari pihak-pihak yang berkenaan. Sehingga ini tidak ada penjelasan, hanya jawapan daripada sahabat saya wakil dari Sabah iaitu Y.B. Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan. Saya sedar, saya kenal Y.A.B. Datuk Harris sejak 18 tahun dahulu semasa itu dia sebagai orang kuat di Sabah, mendiang Dato' (Tun) Donald Stephens menjadi Ketua Menteri pada masa itu. Saya bersama dengan Allahyarham Tun Razak mengunjungi Sabah selepas sahaja Sabah masuk ke dalam Malaysia pada tahun 1963. Lawatan itu satu kehormatan terhadap saya. Saya tidak ada langsung niat hendak irihati atau dendam kesumat terhadap Sabah atau rakyatnya, terutama pada Y.B. Ketua Menteri Sabah, hanya saya membangkitkan perkara yang berhubung dengan Perlembagaan. Kalau sudah dijelaskan dan saya diberitahu kedudukan yang sebenar, saya sendiri akur, hilanglah kraguan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah sahaja ucapan saya yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau saya tidak menjawab nyatalah saya seorang yang tidak begitu baik, malah hendak mencampuri rumahtangga orang lain tetapi demi kebaikan apa yang saya cakap ini adalah perkara yang benar dan saya bercakap di

Dewan Negara ini adalah sebagai seorang Ahli Dewan Negara dan bertanggungjawab dengan apa yang diperkatakan.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul ini dengan hati yang terbuka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Abdullah.

5.20 ptg.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya seorang daripada yang mengalu-alukan Titah Ucapan Di Raja. Selanjutnya saya mengambil bahagian mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, bukan mengampu, tetapi yang sebenar-benarnya satu kemenangan pre-olympic jatuh ke Malaysia menjadi jaguh di Asia Tenggara ini termasuk juga Jepun dan negeri-negeri lain yang saya rasa satu hadiah yang baik kepada Perdana Menteri dan kepada seluruh rakyat Malaysia.

Nombor dua, kemenangan Barisan Nasional di Kedah di kubu Pembangkang. Ini menunjukkan tuah Perdana Menteri semenjak memerintah dari satu ke satu Pembangkang luruh dari kekuatan mereka, dengan izin Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengulang-ulang apa yang sudah disentuh oleh sahabat saya, melainkan saya akan membetulkan dua, tiga perkara yang telah dikatakan oleh sahabat saya yang menyentuh tulang sum-sum bangsa ataupun menyentuh keperibadian Rukunegara. Sebelum saya terus menyentuh ini, saya hendak menyebut ASEAN atau Malaysia di pintu gerbang tahun 80an ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya soalan inilah yang mesti diperinci dan diperdalamkan sungguh-sungguh oleh negarawan negeri ini supaya Malaysia di tahun-tahun 80an ini menghadapi beberapa ujian-ujian yang saya rasa tidak jauh lagi akan datang ke hadapan kita yang mesti kita tempuh dengan berani, sabar, penuh dedikasi dan penuh harapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kepada tahun 40an, 50an, 60an sampai 80an ini bahawa sesungguhnya bahaya-bahaya komunis dan asas-asas

kemahuan komunis militan atau komunis di rantau ini hendak menakluki negeri-negeri di rantau ini khususnya Malaysia, siapapun tidak dapat menafikan. Negeri kita ini pernah mengisytiharkan peperangan menentang komunis habis-habisan walaupun di masa penjajahan atau hingga hari ini kita menentang subversif komunis dengan tidak ragu-ragu walau di mana-manapun kita memburu, dan kalau perlu kita tembak sebabnya menjaga keselamatan bukan kezaliman.

Apabila kita bercakap berkenaan dengan komunis kita tidak boleh menafikan satu fahaman ideologi yang meremangkan bulu roma atau yang menakutkan kepada orang yang berfahaman ketuhanan macam kita yang ada di dalam Dewan ini semua Ahli-ahli adalah menganut kepada ugama yang percaya kepada Tuhan masing-masing khususnya kita yang beragama Islam percaya dengan sepenuh jiwa adalah kita ini di bawah perintah Allah yang menjadikan kita, bukan komunis yang tidak mengakui wujudnya Tuhan. Jadi bahaya-bahaya jurang cabaran daripada tahun 80an di negara kita ini, inilah yang sebenarnya ahli-ahli politik, negarawan-negarawan kita, orang-orang tua kita yang berpengalaman, panglima-panglima perang kita juga ahli-ahli fikir negara kita sampai professor-professor yang mengalami sesuatu kepakaran yang harus kita hubungi mencari jalan keluar bagi menjaga keselamatan negara kita ini daripada ancaman bahaya komunis yang akan menakluki negeri kita.

Ada orang yang percaya, dia kata komunis tidak boleh takluk, ada orang yang percaya komunis tidak boleh boat apa-apa kepada kita, ada pula orang yang mengatakan boleh; kalau dia boleh dari satu negeri ke satu negeri disapunya, tidak ada apa sebab tidak boleh berlaku pada satu masa kelak. Kalau kita hanya berpecah-pecah atau kita hanya sambil lewa ataupun pertahanan kita angkuh tak angkuh ataupun biasa sahaja sesungguhnya komunis akan datang dan akan menakluki kita. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sampailah masanya supaya kita menganalisa ini sungguhsungguh kepada ahli negarawan kita supaya bahaya-bahaya ini dapat kita atasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Kerajaan sekarang ada menjalankan beberapa perkara yang saya rasa kita mengucap-

kan tahniah. Satu daripadanya kita bersatu dalam ASEAN, 5 negara yang berjiran, ini saya rasa satu perkara yang harus kita ucapkan syabas kepada pemimpin kita 5 negara ini yang saya rasa satu sahaja perkara yang harus dimegahkan, kita secara tidak langsung telah bersatu walaupun dalam perjanjian ASEAN ini tidak pernah kita perersetujui secara terus terang jika satu negeri kita ini tertakluk, 5 negara akan mati bersama, hidup bersama dan mati bersama. Kita tidak dengar perisytiharan ini tetapi pada makluman saya sudah perlu 5 negara ASEAN membuat satu penentuan titik hitam putih mempertahankan negara ASEAN ini kita bersatu dalam segenap hidup dan mati kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, jiran keliling yang kontra komunis atau yang tidak pro komunis, ini juga harus sekarang negarawan ASEAN 5 negara ini menentukan orang ini juga perlu kita memberi perhitungan supaya berhampiran dengan kita menjadi satu kekuatan menahan bahaya angin, ribut, tofan komunis di tahun-tahun 80an atau di masa-masa yang akan datang di pintu gerbang ASEAN.

Saya tahniah lagi, sebagai seorang yang suka mengikut detik-detik sejarah dunia yakni kita telah melangkah ke satu langkah yang baik iaitu sebab negeri ini ugama rasminya Islam, kita telah menentukan negara-negara Islam yang bersatu yang saya rasa ini amatlah baik dan kita mengucapkan kepada Kerajaan kita supaya terus menegakkan satu persatuan Islam yang sejati dalam dunia ini bagi mempertahankan, sebab saya sebutkan ini Islam tidak pernah menentang kebenaran dan kebaikan. Sesungguhnya Islam penyelamat dunia sebab itu siapa juga bangsa yang bukan Islam jangan ragu, Islam tetap menyelamatkan dan tidak memberi satu kezaliman dalam dunia. Kalau bersatu negeri Islam maknanya bersatu menyelamatkan kebaikan dan keperibadian dunia yang adil dan saksama. Sebab itu saya mengucapkan tahniah dan harus diperkuatkan lagi persatuan Islam Negara-negara Islam di dalam dunia ini supaya menambahkan satu kekuatan menentang bahaya-bahaya komunis di seluruh tanahair kita, ASEAN ataupun seluruh dunia.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Kementerian Luar Negeri yang memainkan peranan yang

penting dalam mewujudkan empat perkara yang telah dibuat oleh Kerajaan negara kita ini supaya mengukuhkannya dan memainkan peranan yang penting supaya seluruh diplomat di serata dunia yang Malaysia telah hantar supaya mereka bekerja dengan sungguh-sungguh siang malam di mana-mana negara yang diwakilinya dan menunjukkan pendirian Malaysia ataupun ASEAN ini yakni benar-benar kita tidak berpihak mana-mana, kita tetap neutral iaitu tetap tegas di atas pendirian kita tidak campur di dalam negeri lain. Sebaliknya, kita pula berharap tiap-tiap diplomat kita menentukan bahawa negeri yang diwakilinya pula jangan campur tangan dan jangan cuba hendak masuk campur tangan dalam negeri kita Malaysia ini. Apa lagi campur tangan untuk menjatuhkan negara kita ini. Sebab itu Kementerian Luar dan ahli-ahli diplomat kita harus lebih waspada, kalau perlu harus ada satu kursus yang nyata dan kekal serta meluas diadakan supaya keutuhan diplomat kita di seluruh dunia diakui sebagai negeri-negeri yang maju dan yang lebih berdiplomati di dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bagi keselamatan di ambang tahun lapan puluhan ini, saya berpendapat Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, Menteri Luar Negeri ketiga-tiga ini amatlah penting sekarang ini berikat rapat, bersatu teguh dalam beberapa suasana menjaga keselamatan negara kita ini. Janganlah Menteri Pertahanan dengan Kementerian Pertahanannya, Menteri Luar Negeri dengan Kementerian Luar Negerinya, Menteri Dalam Negeri dengan Kementerian Dalam Negerinya. Maknanya mereka ketiga ini adalah penting dan menjadi harapan bangsa kita dipintu gerbang seperti yang saya katakan tadi. Yang sebenarnya ketiga-tiga Kementerian ini amat penting memainkan peranan bagi menjaga keselamatan negara kita ini. Sebab itu saya berseru supaya ketiga-tiga Menteri ini selalu ikat rapat, selalu bertukar-tukar fikiran dan pendapat, selalu duduk semeja bagi mencari satu penyelesaian, satu pendapat, keutuhan untuk menjaga keselamatan dalam erti kata yang sebenarnya mempertahankan negara kita terhadap beberapa ancaman yang saya lihat siapa pun tidak dapat menafikan akan tiba kalau kita tidak waspada mempertahankannya. Bagi pihak Kerajaan saya menyeru supaya melipatgandakan pertahanan, dan melipatgandakan kekuatan kelengkapan per-

tahanan negara kita ini. Saya menyeru supaya bukan sahaja 50% tetapi barangkali 200% mempertahankan, menambah kekuatan, menambah kelengkapan sebagai satu negeri yang gagah dan bersedia dengan erti kata yang sebenar bukan cakap sahaja. Kalau kita tidak cukup alat peperangan bagi mengadap musuh yang banyak alat peperangan, ini hayal seperti budak-budak nakal menghadapi lawan dia sendiri. Tetapi taktik kita mengadap lawan ialah dengan kekuatan. Sebab itu ada negara kecil di sekeliling kita diam-diam memperkuat kelengkapan pertahanannya bagi mengadap bila-bila masa pencerobohan yang datang ke dalam negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan rengkasnya kita hanya berserah kepada Allah dalam mempertahankan negara kita ini sesudah kita berusaha sepenuh daya usaha dalam semua aspek-aspek yang tertentu. Dengan pandangan yang jauh, dengan pandangan yang kita ambil daripada kejatuhan Empire Melayu Melaka dalam kurun masihi 13 dan 14. Ketidak waspadaan pada masa itu satu negara yang makmur, merdeka dan gagah di seluruh laut timur, satu Kerajaan yang dikagumi di seluruh Asia pada masa itu megah dengan lambang pelayarannya di sekitar laut teduh, semua kegemilangan yang nyata tetapi dengan sebab kesilapan pentadbiran pada masa itu kita telah jatuh. Deigo Lopez de Sequeira dan Alfonso d' Albuquerque senang sahaja menjatuhkan negeri Melaka padahal negeri Melaka satu empire yang masyhur di zaman gemilang. Ini semua detik-detik sejarah yang harus kita ingati apabila kita mempertahankan negara kita sekarang yang akan dikcnang dan akan diikuti oleh generasi kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya hendak bercakap berkenaan dengan Malaysia di ambang pintu gerbang lapan puluhan yang akan datang. Saya ulang balik komunis sejak tahun 1940an iaitu dari semenjak kita dijajah oleh British seterusnya ke tahun-tahun 50an, 60an hingga sekarang 80an, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan komunis ada menjalankan subversif di dalam negara kita secara menyeluruh, baik di sekolah, di kampung, di hutan kita masih ada. Sebab itu semua Menteri-menteri kita dan pemimpin-pemimpin kita hendaklah waspada, penuh berhati-hati, penuh berani

menghadapi ini dan dengan penuh ikhtiar, sebab Tuhan telah berfirman Tuhan tidak akan menolong seseorang itu kalau orang itu sendiri tidak mahu menolong dirinya dengan penuh waspada, dengan penuh dedikasi, penuh memandang jauh dan luas di dalam dunia ini. Jangan kita fanatik, jangan kita berfaham emosi, jangan kita habiskan perkara-perkara detail yang kecil-kecil, tetapi kita meninggalkan perkara yang besar di ambang negara kita di tahun-tahun lapan puluhan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk lagi sedikit dalam Kementerian Pelajaran. Sebagaimana kata Dr Peglar, ilmu dan pelajaran adalah sayap membawa kita terbang ke syurga. Kepada suatu negara yang membangun pelajaran adalah penting. Saya hendak menyentuh Kementerian Pelajaran sekarang dalam satu dua perkara.

Di samping saya beri tahniah kepada Menteri Pelajaran yang telah membuat langkah-langkah yang berani dan dinamis tetapi di dalam satu dua perkara ini saya hendak Menteri Pelajaran mengambil inisiatif yang lebih tegas dan lebih berani seperti didikan akhlak, rohani patut menguatkan sungguh-sungguh dalam semua persekolahan, di semua jenis persekolahan bukan sekolah kebangsaan sahaja, bukan sekolah menengah sahaja, tetapi sekolah jenis kebangsaan dan universiti kita, kita mahu tengok akhlak di tiap-tiap sekolah ini berjalan dengan betul.

Kita mahu tengok disiplin dalam semua jenis sekolah dalam negeri ini mengikut satu peraturan yang betul dan tegas. Saya tidak mahu ada sekolah itu memainkan peranan komunis di dalamnya, saya tidak mahu ada sekolah yang menentang Kerajaan saya tidak mahu ada sekolah yang ada anasir-anasir yang jahat yang sebagai kuman yang akan merosakkan negara kita ini. Sebab itu saya mahu Menteri Pelajaran menegaskan tindakan akhlak, disiplin, latihan rohani ini kepada semua jenis sekolah sampai ke universiti. Professor di universiti ataupun guru-guru di sekolah rendah benar-benar tahu Rukunegara, tahu tanahair yang dipijak ini dan langit yang dijunjung. Bumi yang dipijak ini mereka mesti pikul tanggungjawab. Tetapi ada pendidik-pendidik kita dan ada anasir-anasir yang tumbuh dalam persekolahan kita yang menentang Kerajaan. Ini a p a, Tuan Yang di-Pertua? Sebab ini adalah

kewajipan Kementerian Pelajaran supaya tegas melatih kerohanian dalam semua sekolah dalam negeri tidak kira apa coraknya. Semua sekolah dijadikan satu corak sahaja. Tidak ada masa kita hendak memperjuang dan melayan itu ini di dalam negeri ini. Kalau semua bangsa dalam negeri ini mengaku rakyat Malaysia, mereka mesti mengaku mereka adalah rakyat Malaysia, bukan ada rakyat China, rakyat India di dalam negeri ini. Tidak ada. Rakyat Malaysia. Kalau dia hendak jadi rakyat China balik ke negeri China. Orang Melayu kalau dia hendak jadi rakyat negeri apa sekalipun, balik ke negeri lain.

Sekarang kalau dia rakyat negeri Malaysia mengaku di sini tempat lahirnya, di sini tempat dia mencari makan dan di sini tempat dia duduk, apa lagi dia hendak bangkitkan hal negeri China atau negeri India. Dalam Dewan ini masih tumbuh perasaan ini, saya pun pelik. Kalau tidak hendak menjadi rakyat Malaysia pergilah ke negeri lain. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Negeri, siapa rakyat negeri ini yang tidak suka kepada Malaysia suruh balikkah ke negeri yang dia suka pilih. Kita tidak suka dengar suara sumbang. Kita tidak mahu lagi dengar Malaysia ini akan hancur musnah oleh beberapa bangsa yang mengaku negeri yang lain dan dia bukan bersama bertanggungjawab mempertahankan keutuhan negara, Rukunegara, Raja dia, bangsa dia; Yang di-Pertuan Agong ini bukan Raja orang Melayu sahaja tetapi Raja semua rakyat negeri ini. Kalau Yang di-Pertuan Agong dia tidak mengaku, apa guna dia duduk dalam negeri ini? Semalam ada pula keluhan suara sumbang di keluarkan di Dewan ini. Pada waktu itu saya tidak ada di sini tetapi saya dengar daripada rumah saya. Hari ini pun berbangkit lagi suara sumbang yang dikeluarkan mengatakan ITM untuk Melayu sahaja. Insya Allah, kita akan dapat 30% sahaja. Tidak ada negeri dalam dunia ini semacam ini, di mana bumiputra diberi 30% sahaja. Di mana ada di seluruh dunia, tunjukkan kepada saya. Ini juga lagi hendak dibangkit-bangkitkan. Saya cukup hairan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran haruslah mengambil inisiatif mendidik disiplin dan kerohanian dalam semua sekolah untuk semuanya dijadikan satu, tidak mahu lagi guru-guru

memecah belahkan perpaduan negeri ini. Ada guru-guru kita dengar menjadi komunis mempengaruhi penuntut-penuntut menentang Kerajaan. Ini negeri dia. Dia sudah mengaku sebagai rakyat Malaysia, dia pula hendak menentang tempat dia cari makan, tempat dia mencari kekayaan, tempat dia mencari kesenangan.

Orang Melayu tidak pernah gaduh. Semua harta di pekan Kuala Lumpur ini bukan orang Melayu punya tetapi kami kata tak apalah, ini semua rakyat Malaysia punya. Kekayaan dalam negeri ini selalu disebut-sebutkan, bijihnya, getahnya, kayu-kayannya, siapa yang punya banyak, adakah bumiputra yang punya banyak? Cuba secara logik kita kata bumiputra banyak, mana dia, tetapi kami tidak pernah gaduh dalam hal ini, biarlah sama rakyat Malaysia. Jadi didikan kerohanian ini dan ketepatan pendidikan dalam Malaysia ini harus dikaji, tidak mahu lagi ada jenis-jenis. Kita hendak satu rakyat Malaysia, satu bahasa, satu tujuan kita bagi bangsa dan negara kita Malaysia; bukan ada dua, ada tiga.

Tuan Yang di-Pertua, jadi didikan dan pelajaran seperti disiplin, bersih hati, jiwa yang bersih supaya semua jiwa kita bersih, anak-anak kita supaya diajar jiwa bersih, jiwa yang tulus ikhlas sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya berasa bangga kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang benar-benar jujur, bersih hati tidak kira siapa, siapa yang melanggar undang-undang orang itu ditentangnya tepat-tepat tidak kira siapa walaupun adiknya, abangnya, siapa pun dia tidak kira, ini dijadikan contoh—simbolik kita. Kita juga begitu. Kita duduk dalam bumi ini mengaku rakyat, kita tidak kira siapa, kita bersama, janganlah lagi dibangkit-bangkitkan perkara-perkara yang tidak patut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian Pelajaran sudah sampai masanya jangan dibangkitkan lagi jenis-jenis sekolah, jangan dibangkitkan lagi berbagai-bagai yang merupakan perkauman menentang Rukunegara yang sudah diabadikan. Jadi, saya rasa haruslah dilatih kanak-kanak sekolah dinyanyikan Lagu Kebangsaan Negara kita, dikibarkan Bendera Malaysia ke seluruh tanahair kita ini. Sekali lagi saya katakan dikibarkan Bendera Malaysia di masa-masa

perayaan di seluruh negara dan di tiap-tiap rumah kita. Apa bangsa pun rakyat Malaysia semuanya menaikkan Bendera Malaysia ini di hari kebesaran supaya mengingatkan mereka taat setia kepada negara, hidup dan mati pada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyebutkan sedikit sebab saya datang daripada negeri Perak, jadi saya adalah pecah amanah kalau saya tidak sampaikan, bukan maknanya saya kenegerian seluruh tanahair Malaysia adalah tanahair saya dan apabila saya bangkitkan kemajuan bermakna seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, bukan pula Sabah dan Sarawak itu lain. Mereka adalah satu daripada negeri Malaysia ini dalam semua bidang, dalam semua pentadbiran kita adalah satu di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, bukan persendirian walaupun Pulau Pinang, walaupun Kedah, walaupun Sabah atau Sarawak kita adalah bersatu. Tidak ada benda yang patut dibuat bersendirian. Maknanya kalau dibuat bersendirian dia akan bercanggah dengan Perlembagaan negeri kita ini, dia akan bawa Malaysia ke mana itu kehancuran namanya, walaupun kecil tetapi itulah sebuah perahu yang kita duduk di dalamnya boleh dibuat dan boleh memecahkan perahu kita itu kerana semua kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Sebab itu apa juga dalam keadaan Malaysia ini kita harus bersatu tegak dalam Perlembagaan kita.

Berbalik saya kepada negeri Perak ini tadi, kalau kita melawat katalah Eropah, katalah Paris di Peranchis kita boleh naik motorbot mengikuti jalan sungai, di Thailand misalnya begitu juga di Bangkok kita boleh naik motorbot pergi melawat untuk pemandangan tetapi dalam negeri Perak ada satu tempat, tempat Duli Yang Maha Mulia Sultan Mudzafar Shah I, Sultan yang pertama negeri itu di satu tempat di Telok Bakong Parit. Di situlah kota yang tingginya 10 kaki dibuat daripada tanah untuk mempertahankan sebagai kubu yang saya anggarkan lebih kurang 10 ekar, di depannya lebih kurang saya ingat 120 ela ada sebuah sungai yang dinamakan Sungai Air Mati. Di situ lebih kurang satu batu lebih terus muara ke Sungai Perak, satu sungai yang boleh saya rasa dijadikan tempat permainan sebagaimana saya kata tadi di Paris atau di Bangkok boleh dibuat tempat permainan di

sana kalau kita bela balik, sambil kita **mengenankan detik sejarah dalam tanahair kita** iaitu Sultan yang pertama, bukan sahaja **dia** hidup mempertahankan **kubu** pada masa itu tetapi mangkat di situ juga—dimakamkan di situ yang dikelilingi **kota** Parit yang lebih kurang 10 ekar. Dan di seberang Sungai itu **kita** akan melihat pasir putih, di sanalah telor-telor penyu yang dahulunya hidup beratus-ratus ekor sehingga Sultan negeri Perak Sultan Iskandar Shah meletakkan adiknya duduk di Pasir Telor, sebab mengenangkan satu mata pencarian bangsa yang sangat baik dan sangat seronok orang makan benda yang lazat itu. Jadi sekarang ini tiga-tiga ini sudah hapus, tidak berbela. Sungai itu sudah terus menjadi kaku dan beku.

Saya rasa sudah sampai masanya saya menyeru kepada Yang Berhormat Menteri, saya tidak tahu sama ada perkara ini di bawah Menteri Perusahaan Utama ataupun Menteri Perusahaan Awam, haruslah mengambil inisiatif membesarkan balik perkara ini, bukan sahaja perkara itu di negeri Perak ia tidak berkenaan tetapi di situ adalah satu tempat pelancungan yang mengingatkan detik sejarah seorang Raja yang boleh mempertahankan Kota Parit yang dibuat tidak dengan simen ataupun sebagai tembok negeri China di sana tetapi dengan tanah-tanah yang disusun—ditambak 10 kaki tinggi dan lebih kurang 10 kaki lebar mengingatkan satu detik sejarah tanah air kita ini mempertahankan tiap-tiap incinya daripada dilanggar oleh musuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Menteri yang berkenaan boleh mengambil inisiatif, kalau beliau setuju atau tidak setuju saya bersedia menawarkan diri bersama membawanya ke tempat itu menyaksikan apakah yang saya katakan ini benar ataupun pura-pura.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada ramai sahabat-sahabat saya hendak bercakap lagi saya hendak akhiri ucapan saya ini sungguhpun saya sudah sediakan panjang sedikit. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membuat satu pen-

jelasan baru-baru ini yang saya sangat-sangat seronok **mendengarnya dengan per-**temuan Presiden Indonesia di Kuantan, Pahang baru-baru ini menjelaskan pendirian yang saya tunggu-tunggu selama ini bilakah penjelasan ini yang sebenarnya akan timbul. Saya seronok dengar atas penyelesaian di rantau ini kita tidak pro kepada Komunis Russia dan juga kita tidak pro kepada Komunis China, maknanya kita betul-betul neutral, tegak memperkatakan hak berkecuali kita dan kita tidak menyokong kepada satu-satu blok di dunia ini tetapi kita tetap kawan semua blok dan neutral. Kalau perlu kita suka bersahabat apa juga faham ideologi bangsa dalam dunia ini di samping sebagai peringatan detik-detik di ambang tahun 1980an yang diwaspadakan seluruh jentera, seluruh ahli-ahli negarawan supaya menyedari hakikat ini datang kepada kita.

Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin berhenti dan izin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang gagah berani memberi ucapan yang bernas pada kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat **11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.**

**UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA
RY.M.M SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

5.53 ptg.

Datin **Hajjah Mahimon** binti **Haji Harun:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian di dalam membahar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan baru-baru ini dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima yang bersidang pada 17-3-1980 dengan penuh istiadat cemerlang serta bersejarah.

Saya juga mengambil kesempatan menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan oleh Baginda itu. Pada hemat saya bahawa isi Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu adalah kemas dan padat yang mengandungi berbagai-bagai dasar Kerajaan yang telah dan yang akan dilaksanakan di masa-masa hadapan, khasnya mengenai dengan Rancangan Malaysia Keempat yang akan bermula awal tahun 1981.

Dakwah

Saya amat tertarik hati di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkembangan agama Islam di negara kita pada masa ini. Sungguhpun usaha-usaha mengembangkan agama Islam telah dan sedang dijalankan bahawa kita masih dapati ada di antara orang-orang Melayu, khasnya mudamudi yang membelakangkan didikan dan nilai-nilai ajaran agama Islam, dan dengan demikian, mereka itu akan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat yang tidak bertanggungjawab. Maka dengan itu akan memecah-belahkan perpaduan Melayu sama Melayu dan seterusnya orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa asing. Kelemahan-kelemahan seumpama ini bukan sahaja memecah-belahkan perpaduan negara malah akan mengancam keamanan, ketenteraman

dan keselamatan negara. Contohnya, dengan teretusnya darurat dalam bulan Ogos 1948 adalah didapati bahawa ada sebilangan orang-orang Melayu telah terikut-ikut dan menyertai perjuangan sia-sia bahkan akan menjadi pengajaran besar kepada pucuk pemimpin yang mendokong Kerajaan pada hari ini. Oleh itu, segala badan-badan sukarela dakwah Islamiah yang sedang berkembang di seluruh negara kita hari ini haruslah dikaji dengan teliti dan juga sesuai serta tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan Undang-undang Tadbir Ugama Islam. Maka perkembangannya itu hendaklah diselaraskan.

Pendidikan dan ajaran agama Islam di sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran pada hemat saya seharusnya disemak dan dikaji dari semasa ke semasa di atas sukatan dan mata-mata-pelajaran yang sedang diajar kepada kanak-kanak kita yang beragama Islam itu bagi membolehkan mereka itu mengetahui dan memahami apa-apa yang diajar kepada mereka. Juga masa yang diberi bagi mengajar mata-mata-pelajaran agama sebanyak 120 minit seminggu bagi satu darjah yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran itu pada hemat saya tidaklah mencukupi dan ini patut ditimbang untuk ditambahkan kepada 200 minit seminggu bagi tiap-tiap satu darjah.

Kementerian Pelajaran juga patutlah menyediakan sebuah bilik khas bagi tiap-tiap sebuah sekolah untuk dijadikan tempat pengajaran agama secara praktikal dan juga untuk kegunaan guru-guru menunaikan sembahyang fardhu di dalam masa mereka itu bertugas.

Kelas-kelas Tadika Islam adalah juga perlu diadakan bagi kanak-kanak yang belum bersekolah. Oleh itu Kementerian Pelajaran hendaklah menggiatkan penuh-ban Kelas-kelas Tadika Islam itu sebagai permulaan untuk mendidik dan melatih anak-anak kita orang Islam sebelum mendaftar masuk belajar di sekolah-sekolah. Untuk melaksanakan tujuan-tujuan tersebut, guru-guru agama mestilah diberi kursus latihan yang cukup dari masa ke masa bagi membolehkan mereka memimpin kanak-kanak Islam dan masyarakat di sekelilingnya dengan lebih **cekap** lagi dan **peruntukan**

keuangan bagi tujuan-tujuan itu hendaklah diberi dengan secukupnya semoga kanak-kanak kita itu apabila tamat persekolahan kemudiannya kelak ada mempunyai latar belakang ugama untuk panduan hidup mereka sebagai pemimpin bagi generasi akan datang.

Rancangan Malaysia Keempat

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Kerajaan telah mencatat berbagai-bagai rancangan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dengan tujuan hendak memberi kemudahan bagi meninggikan taraf hidup ekonomi rakyat khususnya penduduk-penduduk di luar bandar. Tahun ini ialah tahun yang terakhir bagi Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan. Oleh itu, saya berharap mana-mana rancangan yang masih belum siap hendaklah di siapkan segera sebelum akhir tahun ini khususnya di negeri saya sendiri iaitu negeri Pahang.

Dalam persidangan Dewan yang mulia ini iaitu pada tahun 1979, saya telah mengemukakan berbagai-bagai soalan untuk mendapatkan jawapan-jawapan yang tertentu mengenai dengan cadangan binaan-binaan seperti berikut:

- (1) Binaan Hospital Besar Kuantan.
- (2) Kilang kertas di Peramu, Pekan.
- (3) Jambatan menyeberangi Peramu/ Kuantan dan lain-lain projek tersebut dapat dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Inflasi

Di dalam melaksanakan projek-projek pembinaan kita dapati bahawa harga alat-alat binaan itu sentiasa naik hingga dua tiga kali setahun dan begitu juga jenis barang-barang makanan seolah-olah kenaikan harga alat-alat binaan dan barang makanan itu tidak ada kawalan yang tertentu. Dengan demikian Kerajaan hendaklah bersungguh-sungguh mengambil tindakan tegas membuat peraturan-peraturan tertentu dan seterusnya mengawal jualan harga jenis barang-barang tersebut supaya tidak dengan sewenang-wenangnya dinaikkan oleh penjual-penjual atau agensi-agensi dengan tidak mendapat kebenaran dan persetujuan daripada Kerajaan.

Baru-baru ini kedengaran berbagai-bagai kerumitan telah disuarakan oleh pemborong-pemborong binaan mengenai dengan kesukaran hendak mendapatkan alat-alat binaan seperti simen, besi, atap genting, kayu-kayu papan dan lain-lain lagi. Dengan demikian jangka masa yang ditetapkan untuk menyiapkan sesuatu projek binaan itu tentulah akan tergendala. Oleh itu, masalah-masalah tersebut di atas hendaklah secepat mungkin diatasi dengan menggalakkan agensi-agensi Kerajaan memberi apa juga kemudahan binaan bagi mendapatkannya dan berikhtiar menambahkan lagi binaan perindustrian kilang-kilang bagi membuat perkakas-perkakas alatan yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, pada 25hb Mac, 1980 ada tersiar dalam akhbar *Berita Harian* mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kayu-kayu balak dan kayu-kayu papan tidak dengan sewenang-wenangnya dijual ke luar-luar negeri jika didapati kegunaan negara kita ini tidak mencukupi kehendak-kehendak pengguna-penggunanya. Pada hemat saya syor yang dikemukakan itu adalah tepat dan kena pada masanya bagi Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya. Dengan demikian saya menyeru kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan yang bahagia ini mengambil keputusan menyokong di atas syor itu semoga harga jualan dapat dibeli dengan harga berpatutan.

Juga di dalam persidangan Dewan Negara tahun lepas saya dan beberapa orang Ahli Dewan ini telah bercakap mengenai dengan kenaikan harga minyak diesel dan kesukaran untuk mendapatnya. Tetapi dengan tegas dan kerjasama Kerajaan maka pada hari ini sungguhpun harga minyak itu dinaikkan sedikit tetapi tidaklah terlampau susah untuk mendapat dan membelinya dengan adanya pembinaan pam-pam minyak diesel dan minyak tanah dilaksanakan oleh PETRONAS. Dengan tindakan yang tegas ini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan. Sungguhpun begitu kereta-kereta masih juga mendapati kesulitan mendapat minyak diesel kerana tempat pam minyak PETRONAS ini penuh dengan lori-lori, jadi kereta-kereta kecil tidak dapat peluang, terpaksa menunggu giliran jika dipotong giliran itu, maka drebar-drebar lori itu menunjukkan kekasaran mereka. Jadi, saya sangat-sangat berharap dengan jasa baik

pegawai PETRONAS supaya mengatur iaitu sekali diberi peluang kepada lori, kali yang kedua kepada kereta kecil, kali yang ketiga kepada lori, kali yang keempat kereta kecil dan seterusnya. Jadi tidaklah tergendala.

Apa yang saya dapati pam yang didirikan itu nampaknya khas untuk lori sahaja, lori-lori ini tidak pergi lagi kepada petrol station dan petrol station biasa pula bila kita pergi ke tempatnya masih lagi menggoyangkan tangan tidak ada minyak. Ini pun satu perkara yang menghairankan.

Tanah

Kerajaan hari ini telah menggalakkan agensi-agensi dan juga badan-badan swasta untuk membina kedai-kedai dan rumah-rumah sama ada dalam bandar ataupun di luar bandar untuk dijual. Dasar tersebut adalah didapati baik dengan tujuan hendak membesar dan meluaskan kawasan bandar sesuai dengan kehendak rakyat tetapi apa yang menimbulkan kerumitan kepada pengusaha-pengusaha swasta itu hari ini ialah kelambatan hendak mendapat kelulusan memecah dan membahagikan lot-lot tanah untuk binaan rumah-rumah dari pihak-pihak yang berkuasa di peringkat negeri, sehingga sesuatu permohonan yang telah dikemukakan itu mengambil masa lebih daripada setahun untuk mendapatkan kelulusannya. Kelambatan mendapatkan kelulusan-kelulusan itu akan melambatkan rancangan pembinaan projek-projek perumahan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat. Masalah ini hendaklah dikaji secara mendalam oleh pihak Kerajaan untuk mengatasinya jika sekiranya terdapat kelemahan dalam mentadbirkan hal ehwal tanah oleh sebab kekurangan kakitangan Kerajaan yang berkenaan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menambahkan bilangan pegawai-pegawai itu semoga dasar Kerajaan hendak memberi galakan kepada rakyatnya mendirikan rumah-rumah murah itu dapat berjalan dengan lancar dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya membentangkan di dalam Dewan yang bahagia ini bahawa sesuai dengan rancangan pembangunan luar bandar bahawa Kerajaan telah mendirikan sekolah-sekolah di rancangan-rancangan FELDA di seluruh negara bagi mendidik dan memberi pelajaran kepada anak-anak pexieroka. Di samping itu

guru-guru pun dihantar bertugas ke sekolah-sekolah itu dengan tiada mempunyai rumah-rumah khas dibuat oleh Kerajaan atau pihak Kementerian Pelajaran.

Pada hemat saya bagi mengatasi masalah ini bahawa pihak FELDA hendaklah menguntukkan kawasan-kawasan tanah berhampiran dengan sekolah-sekolah itu supaya rumah-rumah guru dapat dibina dan dengan demikian akan membolehkan guru-guru itu menumpukan perkhidmatan mereka secukupnya kepada sekolah tersebut. Oleh itu, pandangan saya ini saya harap akan mendapat perhatian daripada pihak-pihak yang berkenaan dalam perkara yang dibangkitkan itu.

Saya juga baru-baru ini telah dijumpai oleh sebilangan guru-guru yang meminta supaya perkara ini dibawa di dalam Dewan ini supaya pihak FELDA atau Kementerian yang berkenaan dapat mendirikan rumah panjang pun cukuplah untuk mereka duduk di kawasan yang saya katakan tadi. Sekolah-sekolah yang didirikan di dalam rancangan FELDA ini adalah menyedihkan ibubapa sekalian kerana di waktu musim hujan murid-murid itu terpaksa belajar atau bersekolah di dalam gelap kerana tidak ada mempunyai lampu di sekolah-sekolah itu hanya mempunyai satu point lampu sahaja iaitu untuk kegunaan sekolah dan bilik-bilik darjah lain tidak ada lampu.

Begitu juga berkenaan dengan kawasan sekolah di kawasan FELDA, saya dapati kebanyakannya bilik-bilik darjah itu terlampau panas, rncam mana kita berkehendakkan murid duduk dalam kelas itu dengan memasuki segala ilmu pelajaran kepada anak-anak kita, tentu sekali tak dapat ditumpukan dengan baik, kerana kawasannya terlampau panas dan tidak ada mempunyai apa-apa alat ataupun kipas untuk murid-murid sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957, maka bintang kebesaran dan pingat-pingat negara telah dianugerahkan kepada rakyat pada tiap tahun menyambut Hari Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu kepada ahli-ahli siasah, pegawai Kerajaan, ahli sukan, ahli perniagaan, badan-badan perkhidnatan sukarela. **Maka anugerahan**

bintang-bintang kebesaran atau pingat-pingat negara kepada seseorang yang mempunyai perkhidmatan yang cemerlang pada negara adalah menjadi satu sejarah riwayat hidupnya, maka yang menerima bintang-bintang kebesaran dan pingat-pingat negara itu tentulah merasa bangga dan terhutang budi kepada Kerajaan khususnya kepada pucuk pimpinan Kerajaan. Sungguhpun demikian, saya dapati masih lagi ada ahli-ahli perjuangan politik yang bertungkus lumus bekerja dalam usaha mencapai kemerdekaan belum dianugerahkan bintang-bintang kebesaran negara ini. Biasanya pada tiap-tiap tahun senarai nama-nama penerima anugerah itu dikeluarkan dalam berita-berita akhbar sempena pada hari ulang tahun perayaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ada di antara nama-nama penerima anugerah itu terdiri daripada muka-muka baru yang berkecimpung dalam masyarakat, ada juga mereka yang dianugerahkan pingat A.M.N. semenjak tahun 1957 sehingga hari ini masih tinggal di dalam Darjah Kebesaran itu juga, walhal mereka juga masih berkecimpung dengan cemerlang dalam masyarakat dan badan-badan sukarela. Ini patutlah diambil perhatian dan ingatan untuk disemak dan dikaji, jika sabit dan menasabah, hendaklah dinaikkan kepada darjah yang lebih tinggi sedikit daripada yang telah diterimanya. Semoga dengan demikian, darjah-darjah anugerahan itu dapatlah mereka meneruskan perkhidmatan cemerlangnya selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum mengakhiri ucapan saya bagi membahas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sekali lagi dengan penuh azam menyokong dengan sepenuh-sepenuhnya di atas Titah Ucapan Baginda itu dan marilah kita berdoa kehadat Allah subhanahu-wa-taala semoga projek-projek yang terkandung di dalam Titah Ucapan itu akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Mudah-mudahan cita-cita Kerajaan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru tercapai dengan jayanya. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang untuk saya berucap dalam Dewan yang bahagia

ini, semoga pandangan-pandangan yang saya kemukakan itu akan mendapat perhatian dan timbangan daripada pihak Kerajaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator Abdullah Salleh.

6.15 ptg.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia pada kali ini.

Titah Ucapan Di Raja sangat bererti kerana Titah tersebut mengandungi beberapa perkara yang secara langsung menyentuh kehidupan rakyat negara ini seluruhnya. Di antaranya Baginda menyentuh, Kerajaan akan memainkan peranan yang penting bagi menentukan kedudukan ekonomi dan sosial rakyat dari semua golongan terutama sekali rakyat di luar bandar. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin menyentuh soal penglibatan kaum bumiputra dalam bidang ekonomi khususnya perniagaan dan penjaja-penjaja kecil.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita nafikan bahawa penglibatan kaum bumiputra di dalam bidang ekonomi di masa ini amatlah baik dan menggalakkan. Kini terdapat lebih daripada 150,000 orang penjaja dan peniaga kecil di negeri ini yang pada keseluruhannya menunjukkan minat yang mendalam untuk memenuhi hasrat Kerajaan bagi mencapai angka 30% penglibatan bumiputra dalam bidang ekonomi namun begitu, para penjaja kecil ini sedang menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman kewangan dari bank-bank perdagangan sama ada untuk memulakan perniagaan mereka ataupun memperbesarkan lagi perniagaan yang sedia ada. Sekalipun Kerajaan telah banyak menubuhkan "bank-bank perdagangan yang telah diamanahkan untuk membantu kaum bumiputra di dalam bidang ekonomi, namun kewujudan mereka tidak dapat menampung keperluan yang dikehendaki. Bank-bank perdagangan sukar untuk mengeluarkan pinjaman secara kecil-kecilan, misalnya \$5,000 atau \$10,000 dan lebih mengutamakan projek-projek perniagaan yang lebih besar dan menguntungkan. Di samping itu pula bank-bank perdagangan tidak dapat

memberikan perhatian yang khusus kepada kehendak para peniaga kecil sahaja malahan terpaksa melayani kehendak badan-badan peniaga yang lain juga. Di sinilah timbulnya persoalan bahawa penubuhan sebuah bank khusus untuk memenuhi harapan dan kehendak para penjaja dan peniaga kecil bumiputra perlu dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, lazimnya bank-bank perdagangan di Malaysia lebih mementingkan dan mengutamakan pinjaman-pinjaman yang mempunyai sandaran atau jaminan yang kukuh meskipun telah diwujudkan sebuah koperasi jaminan kredit. Sebaliknya pula para peniaga dan penjaja-penjaja kecil tidak dapat memenuhi hasrat yang ditetapkan ini dengan memuaskan, sekiranya bank penjaja dapat diwujudkan, ia sudah tentu dapat memberi jaminan untuk pinjaman dari peniaga-peniaga kecil Melayu atas nama persatuan penjaja negeri mereka masing-masing. Untuk menyalahkan bank perdagangan yang besar memanglah tidak wajar sama sekali, kerana kadar pinjaman yang terlalu kecil akan menyebabkan pentadbiran yang kacau dan kadar keuntungan yang tak seberapa. Dengan wujudnya sebuah bank khusus para penjaja kecil, masalah kewangan yang kini sedang dan akan dihadapi besar kemungkinan dapat kita atasi. Janganlah nanti disebabkan oleh kesulitan mendapatkan pinjaman akan mematahkan semangat ingin berniaga yang telah mula tumbuh di jiwa kaum bumiputra kita. Sudah sampailah masanya pihak Kerajaan menjalankan usaha untuk menyuburkan minat yang telah ditunjukkan oleh para peniaga kecil dan salah satu cara yang paling berkesan ialah dengan pembukaan sebuah bank untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian pernah juga menimbulkan satu persoalan tentang adanya orang-orang Melayu yang terpaksa menjualkan saham-saham, tanah dan harta-benda mereka kepada orang-orang bukan Melayu semata-mata untuk memperoleh modal kewangan bagi memulakan atau memperbesarkan perniagaan mereka. Tentu-lah pihak Kerajaan tidak ingin menyaksikan keadaan yang akan merugikan kaum bumiputra ini dari terus menular tanpa penghubungnya. Jika suasana ini tidak dibentras

ia tidak dapat tidak akan menjejaskan kestabilan ekonomi negara akhirnya. Oleh itu Kerajaan perlu memberi perhatian yang sepenuhnya untuk menghindarkan situasi ini dari terus berleluasa dan kewujudan sebuah bank penjaja amatlah sesuai dan wajar dipertimbangkan.

Kita perlu menyedari bahawa terdapat juga orang-orang Melayu yang terpaksa mengemis dari sebuah bank ke sebuah bank yang lain semata-mata mengharapkan ikhsan dan persetujuan untuk mendapatkan modal bagi melibatkan diri dalam kancah perniagaan untuk menyahut seruan Kerajaan selama ini. Sesuatu haruslah segera dilaksanakan bagi membantu dan mengimbangkan semangat ingin berniaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kongres Ekonomi Bumiputra yang pertama dahulu telah berjaya melahirkan Bank Bumiputra maka adalah wajar dipertimbangkan dengan serius soal untuk menubuhkan sebuah bank lagi bagi menyediakan kemudahan untuk para penjaja dan peniaga kecil Melayu mendapat bantuan berupa kewangan, nasihat, kemudahan kredit dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, rasanya tidak terlambat bagi orang-orang Melayu mengejar masa yang sudah terbuang, dayausaha yang telah diperlihatkan oleh para penjaja dan peniaga kecil Melayu hari ini bukanlah sesuatu yang boleh kita pertikaikan lagi. Kerajaan sememangnya bertanggungjawab menyuburkan minat dan memberi dorongan yang sebaik mungkin kepada kaum bumiputra dan jalan yang paling sesuai dan dapat memberi faedah dalam jangka masa yang panjang ialah dengan menubuhkan sebuah bank yang dikenali sebagai bank penjaja yang diharapkan dapat memenuhi keperluan para penjaja dan peniaga kecil bumiputra untuk menyempurnakan hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh tentang soal perpaduan kaum belia di negara ini. Perpaduan kaum adalah menjadi matlamat utama Kerajaan dan juga rakyat keseluruhan yang diharapkan dan dicita-citakan sejak negara ini mencapai kemerdekaan dalam negara yang masyarakatnya majmuk seperti Malaysia, perpaduan antara kaum amatlah penting sebagai asas kepada pembangunan dan keselamatan

negara. Para belia negara ini yang terdiri dari berbagai ketuninan dan mewarisi adat resam yang berbeza sudah sememangnya akan menentukan corak pemerintahan dan kehidupan rakyat masa depan. Malah ada juga yang bakal mewarisi tampuk pemerintahan dan melibatkan diri dalam arena politik dan sistem pentadbiran negara di masa depan nanti. Adalah menjadi harapan Kerajaan untuk menjamin bahawa perasaan muhibbah dan saling faham-memahami akan sentiasa wujud dan berkembang di dalam pemikiran para belia kita yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat. Dengan perpaduan kaum dan ketahanan rakyat yang kukuh sudah pastilah ketenteraman sosial dan kestabilan negara tidak akan mudah tergugat dan ancaman musuh-musuh negara sama ada dari luar mahupun dari dalam negeri akan dapat kita patahkan dengan mudahnya.

Tuan Yang di-Pertua, di masa ini berbagai pertubuhan belia telah muncul dan bergerak bebas serta mempunyai otonomi sendiri dalam melaksanakan dasar dan kegiatan mereka masing-masing, antaranya ialah Majlis Belia Malaysia, Persatuan Kelab Belia Malaysia (MAYC) dan Persatuan Belia—4B Malaysia yang mana ahlinya ramai terdiri dari belia-belie Melayu, Gerakan Belia Bersatu (GBB) yang dianggotai oleh belia-belie dari ketuninan China dan Persatuan Belia Hindu. Dengan kewujudan pertubuhan-pertubuhan belia yang bernada perkauman ini yang gigih memperjuangkan konsep dan dasar pertubuhan masing-masing maka lahirlah situasi di mana persaingan untuk mencari pengaruh semakin hebat. Seandainya persoalan yang penting ini tidak dapat kita bendung maka cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk menyatupadukan para belia berbagai kaum khususnya dan seluruh rakyat amnya pasti tidak akan tercapai, maka sudah sewajarnya kita memberi perhatian yang serius terhadap penubuhan sebuah Akta Belia Negara untuk menyelaraskan segenap dasar dan kegiatan yang harus diperjuangkan oleh setiap pertubuhan belia di negara ini.

Tujuan asas penubuhan Akta Belia Negara adalah diharapkan dapat menjadi teras perjuangan segala rancangan-rancangan belia sama ada melalui projek di peringkat daerah dan kawasan mahupun di peringkat kebangsaan dan pusat. Yang lebih membanggakan

kita nanti ialah penubuhan Akta ini secara tidak langsung akan dapat menyatupadukan semua pertubuhan belia yang mana dahulunya berjalan dengan cara tersendiri, tambahan pula dengan tertubuhnya Akta Belia Negara ini segala dorongan dan bantuan kepada semua pertubuhan belia untuk meninggikan taraf ekonomi dan sosio budaya akan dapat diselaraskan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu pula beban yang dipertanggungjawabkan ke atas Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyatupadukan semua pertubuhan belia akan menjadi lebih ringan lagi tanpa menghadapi banyak kesulitan setelah Akta Belia Negara ditubuhkan. Dan hasrat Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melihat pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini khususnya Majlis Belia Malaysia menerima penyertaan belia bukan Melayu untuk mencapai matlamat perpaduan kaum dan ketahanan rakyat, tentunya tidak lagi menjadi satu impian belaka.

Dengan tertubuhnya Akta Belia Negara akan dapat bertindak sebagai mata dan telinga Kerajaan untuk memastikan kegiatan-kegiatan pertubuhan beliau tidak akan menyeleweng dari matlamat sebenar perpaduan rakyat, tambahan pula segala element-element anti-nasional dan kurang sihat yang mungkin meresap masuk ke dalam pertubuhan belia khasnya dan para belia amnya akan dapat kita benteras dan kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat kita menyangkal bahawa penubuhan Akta Belia Negara memang wajar kita wujudkan untuk menyelesaikan perselisihan faham dan percanggahan pendapat yang mungkin timbul di kalangan semua pertubuhan belia dengan menyedari hakikat inilah, saya rasa satu penubuhan Akta Belia Negara memang kena pada tempatnya untuk membentuk sebuah masyarakat Malaysia yang makmur, harmoni, berdisiplin dan bersatupadu melalui pertubuhan-pertubuhan belia yang memperjuangkan konsep yang serupa untuk mencapai perpaduan antara kaum di negara ini.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Alex Lee.

6.30 *ptg.*

Titan Alexander Y. L. Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya dengan bangganya mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang sungguh baik yang telah disampaikan kepada kedua-dua Dewan semasa merasmikan pembukaan Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima. Ucapan Baginda telah merangkumi setiap topik yang berhubung dengan kita dan Baginda juga telah mengkaji kembali kemajuan negara.

Terutama sekali Baginda, di samping meningkatkan kita tentang kekayaan yang telah ditimbulkan di dalam negara, Baginda juga mengingatkan kita bahawa pihak Kerajaan akan menggiatkan usaha untuk mempertingkatkan taraf hidup sektor-sektor pertanian supaya kaum petani dan nelayan akan mendapat pendapatan yang melebihi taraf kemiskinan. Dari segi ini, walaupun kita telah mencapai kemajuan di dalam mengurangkan kemiskinan, kita masih menghadapi masalah kemiskinan ini dan kita patut membuat cadangan-cadangan pada peringkat ini di mana Rancangan Malaysia Yang Ketiga akan berakhir dan perancang-perancang kita sedang bermula untuk merumuskan Rancangan Malaysia Yang Keempat bagi mengkaji pembasminan kemiskinan. Seperti yang kita ketahui pembasminan kemiskinan merupakan satu daripada dua tujuan utama Dasar Ekonomi Baru.

Kita telah mengatur langkah untuk mengatasi kemiskinan melalui dua cara iaitu dengan menyerapkan buruh di dalam sektor moden melalui pengambilan pekerja-pekerja di dalam rancangan perusahaan dan, kedua, untuk menambahkan pengeluaran petani-petani dengan meninggikan dan memajukan cara-cara pertanian. Walau bagaimanapun mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Yang Ketiga (Mid-Term Review) lebih dari setengah iaitu 54.6% daripada penduduk kita yang terlibat di dalam pertanian masih digolongkan di bawah taraf hidup kemiskinan dan yang lebih buruk ialah pendapatan purata tiap keluarga ini hanya 60% daripada garis pendapatan kemiskinan.

Dengan demikian, walaupun kita tidak dapat menafikan bahawa kedua-dua strategi bagi membasmi kemiskinan telah berjaya iaitu dengan memperkenalkan pertumbuhan pesat perusahaan pada tingkat yang tinggi sejak 1960 dan pertambahan pengeluaran telah dicapai dengan penyelesaian rancangan-rancangan pengairan di kawasan-kawasan Muda dan Kemubu, pembahagian tanah secara besar-besaran dan rancangan pembangunan pekebun-pekebun kecil getah, tetapi setelah 22 tahun kemerdekaan kita masih belum lagi mencapai pengurangan yang memuaskan di dalam taraf kemiskinan.

Saya pasti pihak Kerajaan akan terus menggunakan strategi-strategi ini untuk membasmi kemiskinan di dalam abad yang akan datang tetapi jikalau kita mahukan pertumbuhan yang pesat di dalam bidang perusahaan, kita mesti juga sedar bahawa keadaan ekonomi dunia pada tahun 1980an ini adalah penuh dengan ketidak-tentuan. Dengan perkembangan aliran perlindungan yang diamalkan oleh dunia yang telah berkembang dan dengan ekonomi yang tidak dapat dikawal yang dialami oleh negara-negara ini, adalah sukar untuk bergantung kepada rancangan-rancangan pertumbuhan di dalam bidang perusahaan. Jadi penekanan yang lebih harus diberi kepada meninggikan secara langsung pengeluaran petani-petani.

Tanah-tanah yang belum dimaju masih terdapat dan ini adalah mencukupi untuk memberi pendapatan yang melebihi taraf kemiskinan bagi beribu-ribu keluarga. Masih terdapat bidang untuk hasil padi. Pertanian pengairan (aquaculture) boleh diperkenalkan untuk menyediakan kesanggupan bagi meninggikan taraf pendapatan keluarga-keluarga nelayan dan petani yang miskin dan percubaan-percubaan selanjutnya di dalam penyatuan tanah boleh dikaji untuk mengadakan cara lain yang menguntungkan bagi mengatasi tanah-tanah kecil yang tidak berekonomik.

Sekiranya strategi-strategi ini yang digunakan pada masa lepas tidak berjaya sepenuhnya untuk mengurangkan kadar kemiskinan, mungkin cara-cara lain boleh diperkenalkan. Umpamanya pembahagian semula pendapatan. Dengan kemajuan negara, dapat diperhatikan bahawa kemiskinan mendalam wujud di samping kekayaan dan mungkin

kita harus melihat cara-cara tentang bagaimana kekayaan ini dapat dibahagikan dengan lebih baik di samping strategi-strategi tradisional yang dijalankan oleh Kerajaan. Mungkin Kerajaan boleh menggunakan dasar-dasar kewangan seperti penyusunan semula cukai.

Di sini Belanjawan tahun ini telah mengambil langkah ke arah yang betul. Pengurangan cukai pendapatan dan cukai eksport bagi getah serta bantuan yang baru kepada penanam-penanam padi adalah langkah-langkah yang positif yang harus kita amalkan. Mungkin kita patut menimbang selanjutnya tentang pengurangan cukai eksport getah yang telah diubah. Saya diberitahu pada harga sekarang cukai di atas getah ialah kira-kira 22 sen untuk satu paun yang bersamaan dengan 40% pendapatan bersih yang diterima oleh seorang penanam getah yang miskin. Mengikut "projection" di atas pertambahan harga getah pada tahun 1985, cukai yang sama ini adalah hampir-hampir 60% daripada pendapatan bersih penanam tersebut. Ini sudah pasti merupakan beban yang berat di atas pendapatan penanam kecil ini. Mungkin kita boleh menimbang cara-cara atau mengaturkan supaya pembayaran cukai ini dapat dipindahkan daripada penanam kecil kepada sektor-sektor lain yang mampu untuk membayar cukai ini.

Tuan Yang di-Pertua, cara kedua di mana kita dapat menyusun semula pendapatan yang diterima ialah dalam bentuk bantuan kepada pekebun-pekebun kecil dan bantuan yang baru-baru diberikan kepada penanam-penanam padi adalah sejajar. Walaupun rancangan ini telah dipergunakan oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan untuk kepentingan mereka, saya ingin memberi pujian kepada pihak Kerajaan kerana telah terns mengekalkan bentuk bantuan ini.

Cara ketiga ialah dengan membantu dari segi pelajaran. Melalui pelajaran, pelajar-pelajar dari keluarga yang miskin dapat memperbaiki diri mereka dan mendapat pekerjaan-pekerjaan yang lebih baik setelah mereka dewasa kelak. Saya difahamkan bahawa 40% dari golongan yang paling miskin membelanja kira-kira 12% daripada pendapatan mereka untuk buku-buku, yuran sekolah, membeji makanan, pakaian sekolah, pengangkutan dan bekalan-bekalan lain. Mungkin Yang Berhormat Menteri Pelajaran

boleh memerhati keadaan sekolah-sekolah di kawasan-kawasan yang kurang maju ini dan memberi bantuan buku-buku, kertas, pensel dan bekalan-bekalan lain serta menyediakan pengangkutan dan pakaian sekolah kepada pelajar-pelajar yang menghadiri sekolah-sekolah ini. Oleh kerana sekolah-sekolah ini talahpun mempunyai jentera pentadbiran yang agak cekap pelaksanaan rancangan ini tidak memerlukan penubuhan infrastruktur yang baru dan dengan demikian tidak akan menimbulkan kos yang banyak kepada Kerajaan.

Mungkin juga golongan ini dapat diberi bantuan dengan menyediakan kemudahan-kemudahan awam. Baginda telah menyebut tentang membekalkan kuasa elektrik dan paip air dan meninggikan taraf-taraf kesihatan. Saya diberitahu bahawa pada tahun 1974 hanya 36% daripada keluarga miskin ini menggunakan tenaga elektrik dan air dan hanya 7% menggunakan pembuangan najis secara "flush". Kajian di atas perkara ini menunjukkan bahawa ramai keluarga tidak mampu mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan ini disebabkan pendapatan mereka adalah rendah. Mungkin bantuan secara kadar meninggi dapat ditimbangkan di mana penggunaan awal adalah pada kadar yang rendah dan kadar ini akan dinaikkan apabila penggunaannya bertambah. Oleh kerana golongan miskin dijangka mengguna lebih kurang dari kaum berada dan mereka akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan awam pada harga yang rendah.

Cara-cara yang disebut di atas hanya merupakan cadangan-cadangan tentang bagaimana untuk mengurangkan kemiskinan di dalam negara. Pada masa ini pihak Kerajaan telah berusaha dengan sepenuhnya untuk membasmi kemiskinan tetapi kadang kala kita dapati untuk memberi wang seringgiti kepada sebuah keluarga miskin, jumlah yang berlipat ganda dibelanjakan oleh sektor awam melalui pembentukan berbagai-bagai pertubuhan. Seorang penanam kecil getah dilayan bukan hanya oleh berbagai pertubuhan ini ia juga mungkin menanam tanaman-tanaman lain yang juga berhubung dengan sesuatu pertubuhan. Dari segi ini, saya fikir mungkin telah tiba masanya untuk menubuhkan sebuah Kuasa Kerja bagi Pembasmian Kemiskinan di peringkat Kebangsaan (National Poverty Eradication Task

Force). Kuasa kerja ini pertamanya akan mengkaji kawasan-kawasan dari segi ilmu alam yang memerlukan bantuan. Keduanya ia akan menentukan kumpulan-kumpulan yang hidup di bawah taraf kemiskinan. Ketiga ia boieh mencadangkan suatu cadangan keseluruhan bagi pembasminan kemiskinan di kawasan ini juga bagi kumpulan di kawasan hutan dan menentukan matlamat untuk dicapai. Keempat, ia boleh menyelaraskan pertumbuhan-pertumbuhan yang terlibat di dalam tugas pembangunan termasuk mengawasi pembaziran dan kelima, ia boleh menjaga kemajuan kerja berbagai-bagai pertumbuhan dan menjaga tingkat pendapatan golongan miskin. Kuasa kerja ini harus mendapat bantuan serta sokongan penuh dari Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa untuk mencapai perpaduan, dan untuk kita hidup bersama dalam aman dan tenteram, pembasminan kemiskinan mestilah dikekalkan sebagai matlamat utama pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun kita harus tidak lupa kepada usaha-usaha pihak keselamatan dan Baginda telah mengingatkan kita akan tugas cemerlang yang telah dijalankan oleh pihak keselamatan. Oleh kerana kita bergantung kepada pihak keselamatan bagi mengekalkan undang-undang dan ketenteraman dan mempertahankan negara saya harap pihak Kerajaan akan terus menyediakan mereka dengan senjata-senjata dan alat-alat yang paling moden. Kita telah pada masa-masa yang lepas membaca laporan-laporan di mana alat-alat yang kurang baik telah dibeli dan di dalam kes-kes tertentu, alat-alat yang belum diuji telah dibeli untuk kegunaan tentera kita. Ini bukan hanya merupakan suatu perkara yang merbahaya tetapi juga adalah tidak adil kepada anggota-anggota pihak keselamatan yang menyabung nyawa mereka untuk mempertahankan negara. Seandainya di dalam masa pertemporan mereka tiba-tiba dapati bahawa senjata itu tidak boleh digunakan pada masa tersebut, ini mendedahkan mereka kepada suatu bahaya yang boleh dielakkan dan ini adalah tidak adil. Jadi, saya harap semasa membuat pertimbangan untuk membeli alat-alat dan senjata, mereka yang membuat keputusan ini akan bertanggung-jawab di atas nyawa anggota-anggota pihak keselamatan yang akan menggunakan alat-alat ini dan tidak hanya membuat keputusan

yang terburu-buru dan membeli **alat-alat** yang belum diuji tetapi hanya untuk memenuhi minat dan kepentingan orang-orang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda juga telah menyebut bahawa memodenkan jentera pentadbiran dan perancangan tenaga merupakan dua faktor yang paling penting bagi pembangunan negara. Baginda juga telah menyatakan suatu sistem pentadbiran yang lebih bertenaga akan ditubuhkan untuk menentukan tenaga ini akan lebih cekap. Di sini sejak kemerdekaan kita telah meninggikan taraf hidup dengan jayanya dan saya bertanya sama ada kita dapat meninggikan mutu hidup (quality of life) bagi rakyat kita. Kalau kita memerhati Kuala Lumpur pada waktu pagi kita dapat melihat suatu lapis awan hitam menyelubungi bandar ini. Kadar pencemaran di Kuala Lumpur adalah tinggi dan ini disebabkan kurangnya penguatkuasaan akan undang-undang pencemaran. Lagi pun kita di sini mengalami kekurangan bekalan air, terpotongnya bekalan kuasa elektrik, masalah lalu lintas yang penuh sesak dan masalah-masalah lain yang saya pasti kita tidak alami 10 tahun yang lalu. Jadi bolehkah dikatakan bahawa mutu kehidupan (quality of life) kita telah bertambah baik apabila kita berhadapan dengan masalah-masalah ini pada tiap-tiap hari? Adakah dengan menyediakan infrastruktur dan keadaan sekeliling yang memuaskan pihak Kerajaan tidak dapat mengawal perkembangan yang pesat ini? Jadi saya menyambut Titah Ucapan Baginda tentang menyediakan suatu jentera Kerajaan yang moden dan saya rasa kalau kita ingin meneruskan pembangunan kita pada kadar yang pesat, kita mestilah menentukan terlebih dahulu usaha-usaha untuk menubuhkan Kerajaan yang lengkap dan moden.

Saya telah menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda. Baginda telah menekankan disiplin diri yang juga penting di dalam masyarakat kita. Disiplin adalah kunci utama untuk melawan inflasi. Malah, ini adalah kunci untuk mewujudkan suatu masyarakat yang bertolak ansur berpadu dan mesra. Baginda telah menggariskan apa yang telah dibuat oleh Kerajaan, apa yang mesti dibuat oleh Kerajaan dan apa yang akan dibuat oleh Kerajaan.

Saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan dan nasihat Baginda kepada kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil bin Ahmad.

6A8 ptg.

Tuan Haji Fadzil bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut bersama-sama di dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu adalah sangat bererti bukan sahaja buat diri Duli Yang Maha Mulia sendiri tetapi juga kepada Negara, Kerajaan dan Dewan yang mulia ini. Hal ini sudah jelas kerana Ucapan tersebut mengandungi beberapa perkara yang secara langsung menyentuh kepentingan kehidupan rakyat Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan saya yang ringkas ini ingin saya menyentuh beberapa hal yang berhubung dengan politik, ekonomi, sosial dan terutama mengenai keselamatan dan pelajaran.

Menyentuh kedudukan politik, memang benar keadaan politik negara kita ini amat stabil jika dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau sebelah sini. Ini boleh dirasai sebenarnya oleh rakyat. Dengan kestabilan yang wujud ini menyebabkan sistem politik, demokrasi berparlimen dapat berjalan dengan baik dan terjamin, malah disanjung dan dikagumi oleh orang-orang luar. Begitulah juga dengan kestabilan politik yang ada pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lincin dan berkesan. Sambutan pelabur-pelabur luar membangunkan industri dan ekonomi mencurah datang. Sekiranya iklim politik yang ada sekarang berterusan ini sudah bererti kita mempunyai masa depan yang lebih baik dan cemerlang. Rakyat akan dapat mengecap kemakmuran yang lebih baik dari sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, ini tidak bererti kestabilan politik negara tidak pernah digugat dan diancam. Misalnya gerakan komunis, perasaan perkauman dan anasir-anasir subversif sentiasa menjadi ancaman terhadap kestabilan politik negara. Jadi Kerajaan semestinya sentiasa bersedia menghadapi kesemua ini. Contoh yang paling baru ialah pendedahan mengenai pergerakan Pertubuhan Angkatan Sabilullah di Kedah baru-baru ini. Jika benarlah pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh kedua-dua orang pemimpin atau tokoh gerakan tersebut baru-baru ini maka sudah pasti jika gerakan ini diteruskan, dibiarkan bergerak sudah pasti padahnya amat buruk buat negara ini. Permusuhan dan perkauman akan menjadi bertambah tajam dan meruncing. Kacau bilau akan berlaku dan ini semua sudah pasti akan menimpa kehancuran negara seluruhnya.

Saya suka menghulurkan syabas dan tahniah kepada pihak yang berwajib yang dengan cepat dan berkesan sekali bertindak menghadapi persoalan gerakan Sabillullah ini. Namun begitu saya rasa tindakan setakat itu belum lagi mencukupi buat kita. Oleh yang demikian melalui Dewan yang mulia ini saya ingin menyeru supaya pihak Kerajaan selanjutnya mengeluarkan Kertas Putih mendedahkan kepada rakyat seluruhnya agar gerakan sulit apa yang dinamakan Pertubuhan Angkatan Sabilullah ini lebih-lebih lagi dalam hubungannya dengan sebuah parti yang dihalalkan bergerak di dalam arena politik di tanahair.

Saya rasa seruan saya ini menasabah kerana ianya berhubung erat dengan survival negara Malaysia. Seperti kata pepatah "men-cegah itu lebih baik daripada mengubat". Tidak gunanya kita cuba menyelesaikan masalah apabila kekacauan, porak peranda, keganasan sudah bermaharajalela di dalam negara. Lagipun jika dibandingkan dengan masalah negara ketika menghadapi rusuhan pelajar gerakan Persatuan Bahasa Cina di Universiti Malaya sedikit masa dahulu maka masalah yang dihadapi berkaitan dengan Sabilullah ini tidak begitu jauh bezanya. Kedua-duanya bermatlamat satu, iaitu menumbangkan Kerajaan dan sistem pemerintahan melalui cara yang militan. Dan ini pasti menyentuh kestabilan politik negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika satu Kertas Putih dikeluarkan maka ianya akan menyedarkan rakyat betapa mereka harus sentiasa berwaspada setiap masa kerana di setiap penjuru hidup mereka sentiasa wujud anasir-anasir yang bertujuan jahat bergerak untuk mencapai tujuan jahat mereka meskipun terpaksa bergerak dengan cam yang berselindung-selindung.

Adalah amat malang sekali buat kita semua sekiranya gerakan seumpama ini berhasil bergerak dan mencapai kejayaan meskipun sedikit kerana yang demikian itu bertilahlah usaha kita selama ini memupuk perpaduan akan menjadi sia-sia sahaja.

Di samping itu kemakmuran hidup rukun damai yang dapat dikecap selama ini akan hancur berderai. Moga-moga, Tuan Yang di-Pertua, kepada Allah kita memohon supaya menjauhkan hal yang demikian itu hendaknya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemajuan ekonomi negara, saya sungguh merasa yakin yang Kerajaan sekarang amat mengambil berat memajukan ekonomi terutamanya membasmikan kemiskinan golongan rakyat di luar bandar. Berbagai usaha dan langkah positif telah dan sedang diambil untuk mencapai matlamat supaya meninggikan pendapatan khasnya kaum tani khususnya. Ini sudahlah bererti jika matlamat tersebut tercapai golongan petani tidak lagi dikenali sebagai kumpulan miskin. Usaha Kerajaan untuk membawa pembukaan kawasan perindustrian di luar bandar sesungguhnya itu adalah satu langkah yang betul dan ianya patut diberi pujian. Namun begitu jugia usaha Menteri Perdagangan dan Perindustrian merangkap Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad mengadakan lawatan ke beberapa buah negeri semata-mata adalah untuk menggalakkan pelaburan patut benar dihargai dan diberi pujian oleh semua rakyat di dalam negara Malaysia ini.

Dalam pandangan dan pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Kerajaan membaiki kedudukan kaum tani ini kadangkala berlaku hal-hal yang tidak begitu menyenangkan kepada pihak kaum tani sendiri. Masih terdapat peranan pihak tertentu yang seolah-olah cuba bemsaha menggagalkan agar matlamat murni Kerajaan supaya

petani mendapat faedah tidak tercapai. Ini dapat dilihat misalnya dalam pelaksanaan sistem kupon kepada para penanam padi di Kedah sekarang. Dalam perkara ini telah berlaku salah tanggapan dan tafsiran oleh para petani sendiri yang mana akibatnya akan menjadi bahan cemuhan ialah pihak Kerajaan. Meskipun Kerajaan bukanlah pihak yang bersalah sebenarnya tetapi sebagai contoh para petani diizinkan menjual padi mereka kepada pihak kilang swasta. Bila mereka menjual ke sana maka berlakulah pemotongan timbangan padi yang sangat tidak berpatutan.

Ada berlaku kes-kes di mana seguni padi telah dipotong kadangkala 20 kati lebih pada seguni. Yang anihnya apabila pemotongan harga dibuat maka para petani tetap beranggapan yang melakukan potongan ini bukanlah pihak kilang tetapi pihak LPN ataupun Kerajaan. Ini anggapan daripada setengah-setengah petani. Di sini pada fikiran saya, Tuan Yang di-Pertua, pihak kilang telah memainkan peranan menindas kaum tani dengan cara yang halus dan begitu terang. Yang menjadi persoalan kepada saya ialah mengapa hal penindasan seperti ini dibiarkan terus berlaku. Apakah tidak ada usaha dari pihak LPN untuk bertindak bagi membaiki keadaan yang sama sekali tidak menyenangkan ini. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, pihak yang berkenaan dapat menjalankan siasatan dan mengambil langkah-langkah memperbaikinya agar para petani tidak terus menerus dijadikan bahan permainan orang tengah yang sentiasa berusaha memeras, menekan kehidupan kaum tani.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada usaha Kerajaan mendirikan kilang-kilang memang baik untuk pembangunan negara terutama memberi peluang pekerjaan kepada belia dan beliawanis. Namun begitu Kerajaan patut memberi perhatian dan mengawasi perjalanan pengusaha-pengusaha luar negeri ini. Kita tidak mahu melihat berlakunya nanti di mana sebuah firma menjalankan usaha sebanyak 3 shift dalam sehari. Kemudian apabila sampai 5 tahun firma tersebut mungkin menjual kilangnya kepada pihak lain, dan kilang tersebut mungkin berjalan perusahaannya di atks nama yang baru. Sesungguhnya **pada zahirnya kilang** itu berjalan selama 5 tahun, iaitu satu

jangka masa yang termasuk dalam syarat bertaraf perintis tetapi pada hakikatnya dengan menjalankan usaha 3 shift itu bermakna lanya telah menjalankan usaha selama 15 tahun. Dan apa yang juga menarik ialah gaji yang diberi kepada pekerja-pekerja nyata sekali tidak mencukupi untuk menanggung sara hidup di kota-kota. Jadi tidaklah begitu menghairankan jika sekiranya berlaku kejadian-kejadian yang tidak diinginkan dilakukan oleh pekerja-pekerja kilang walaupun ianya terdiri dari segelintir kecil golongan mereka. Ini bererti dengan gaji yang rendah akan membawa kesan atau beberapa kesan negatif terhadap pekerja-pekerja kilang yang terdiri dari warganegara kita. Di sini saya menyeru pihak Kerajaan supaya mengawasi keadaan ini dengan saksama. Kita tidak mahu melihat di satu pihak mengatakan Malaysia adalah satu syurga untuk dunia pelaburan dan mereka datang mencurah-curah tetapi sebaliknya anak negeri dijadikan bahan penindasan dan pemerasan, untuk kepentingan golongan pelabur yang mempunyai kepentingan yang lebih besar dari kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai keselamatan negara. Bersyukurlah kita kepada Allah s.w.t, kerana mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini komunis tidak lagi menjadi ancaman yang sangat serius. Sebaliknya dadah telah kini menjadi ancaman nombor satu negara terutama terhadap keselamatan. Dan hal ini kenyataan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang mengatakan terdapat 70% lebih penagih-penagih yang sudah dirawat kembali menjadi penagih dadah semula. Sekiranya ini benar-benar berlaku maka ianya amat mendukacitakan kita semua. Di sini bererti musuh-musuh negara masih tetap berusaha melemahkan generasi muda agar menjadi pewaris yang tidak kuat pada masa depan. Kerana yang terlibat dengan dadah ini boleh dikatakan terdiri dari golongan-golongan muda-mudi maka saya rasa ketegasan undang-undang sahaja tidak mencukupi dalam usaha membentasi bahaya dadah ini. Satu pendekatan baru perlu dicari oleh pihak Kerajaan. Pihak keluarga iaitu ibu bapa mesti diberi kesedaran supaya tidak terus melindungi anak-anak mereka yang menjadi penagih dadah.

Kawalan-kawalan di sekitar sempadan terutama di pelabuhan-pelabuhan perlu diperketatkan lagi terutama oleh pihak Polis, Imigresen dan Kastam memandangkan di tempat-tempat inilah dadah dibawa masuk ke negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai masalah sosial, ingin saya menyentuh satu perkara yang senantiasa menjadi perbincangan umum sekarang iaitu masalah perumahan, Kerajaan memang memandang berat akan keadaan perumahan sepertimana yang terdapat di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya pada masa ini terdapat nisbah yang amat tinggi antara permintaan perumahan dengan rumah yang didirikan. Sebenarnya terdapat beberapa perkara yang perlu diperhatikan oleh pihak Kerajaan terhadap perkara perumahan ini. Pertama, yang menjadi kesulitan rakyat bukannya bilangan rumah, terutama kepada pihak bumiputra, tetapi ialah masalah harga rumah. Setiap projek perumahan yang dijalankan oleh pihak swasta nampaknya lebih mengutamakan pembinaan rumah yang berharga mahal. Jika demikian keadaannya saya tidak nampak di mana usaha sedemikian dapat menolong golongan-golongan berpendapatan rendah mendapat memiiki rumah sendiri, terutama bumiputra. Oleh yang demikian, tidak mungkin penyusunan masyarakat seperti tercatat dalam rriatlamat Dasar Ekonomi Baru boleh tercapai. Saya menyeru agar pihak Kerajaan meneliti sungguh-sungguh keadaan ini dan bertindak dengan sewajarnya.

Saya sedar negara kita mengizinkan pihak perseorangan memiiki rumah dan harta benda secara tidak terhad. Bagaimanapun melalui Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya mengesyorkan kepada pihak yang berwajib untuk mempertimbangkan supaya dasar pemilikan rumah disemak semula. Saya kira tidak keterlaluan jika sekiranya Kerajaan mengambil sikap menghadkan individu memiiki rumah. Kita tidak mahu di mana terjadi dalam satu-satu projek perumahan ada terdapat seorang pemilik memiiki beberapa buah rumah. Saya percaya jika perkara menghadkan pemilikan rumah ini dapat dilaksanakan maka sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan masalah perumahan.

Seperkara lagi yang berhubungan dengan masalah perumahan ialah harga bahan binaan terutamanya kayu yang nampaknya tidak terkawal. Sekarang didapati harga kayu melambung naik dengan banyaknya. Jika aliran kenaikan harga kayu ini tidak dapat dikawal saya yakin benar golongan miskin di kampung-kampung akan susah memiliki rumah, walaupun rumah mereka rumah kayu. Bagi saya adalah tidak menasabah, Malaysia negara yang memiliki bahan kayu kayan yang begitu banyak mendapati harga bahan tersebut untuk rakyatnya amat tinggi. Jika boleh saya menyeru pihak Kerajaan tolong mengawasi keadaan ini. Seboleholehnya jika perlu eksport kayu keluar negeri patutlah dikurangkan demi untuk kepentingan rakyat di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini suka juga saya menyentuh mengenai pelajaran. Pada akhir-akhir ini nampaknya disiplin penuntut semakin merosot terutama di bandar-bandar. Saya rasa sesuatu tindakan yang berkesan patut dijalankan supaya keadaan ini akan tidak terus merosot. Di samping itu terdapat pencapaian kelulusan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris di kalangan bumi-putra juga merosot terutama ketika keputusan peperiksaan SRP dan SPM diumumkan. Jadi Kementerian Pelajaran perlulah meneliti dan membaiki hal tersebut. Berhubung dengan Report Kabinet, ini satu perkara yang baik dan patut dialu-alukan. Saya yakin penuh jika dan bila ianya dilaksanakan akan mendatangkan kebaikan kepada negara.

Sekianlah sahaja ucapan saya yang serba ringkas, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman mengenai usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris.

7.10 mlm.

Tuan Haji Latip bin **Haji Dris**: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya diberi peluang bersama-sama untuk menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan di pembukaan rasmi Majlis Parlimen yang baru lalu. Segala isi kandungan Titah Ucapan itu adalah begitu penting sekali di dalam beberapa perkara yang memang menjadi hasrat rakyat berbilang kaum di negara ini serta memberi panduan atas segala urusan dan dasar untuk sebuah Kerajaan yang bersih dipilih rakyat. Kita berharap hasrat seperti ini dapat difahami oleh negara-negara yang ingin mengadakan persahabatan yang ikhlas dengan Malaysia serta menguatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bercakap dengan seberapa ringkas. Saya menyentuh di bidang pemberian subsidi kepada pekebun dan petani di luar bandar negeri Sarawak. Walaupun tidak boleh kita nafikan keupayaan pihak Kerajaan adalah terhad, walaupun demikian di bidang bantuan atau pemberian subsidi kepada pekebun-pekebun kecil mahupun petani adalah masih sangat dikehendaki lagi bagi mengubah sikap rakyat yang berkenaan daripada menggunakan cara lama yang tidak begitu memberi hasil kepada mereka sendiri dan juga Kerajaan. Kepada cara pertanian moden yang boleh memberi hasil berlipat ganda lagi bagi meninggikan taraf hidup yang lebih baik di samping menambah hasil pengeluaran, terutamanya beras dan sumber pertanian yang lain yang boleh dieksport keluar negeri bagi mengurangkan inflasi. Bagi rakyat luar bandar saya rasa yang menerima akibat yang paling teruk sekali jika dibandingkan dengan rakyat di bandar-bandar dalam negara kita ini kenaikan harga barang-barang keperluan sejak beberapa tahun sudah. Oleh yang demikian saya berpendapat terutamanya segala jenis baja untuk pertanian sepatutnya dibebaskan daripada cukai bagi mengurangkan harga yang begitu tinggi di negeri Sarawak, terutamanya jenis baja lada bagi memberi peluang kepada petani membeli dengan harga yang berpatutan untuk menampung subsidi daripada Kerajaan melalui Jabatan Pertanian yang diberi kepada petani tidak begitu mencukupi bagi keperluan pekebun kecil dan petani di seluruh negeri itu selama ini. Di samping itu juga lagi satu jalan untuk menggalakkan rakyat lebih ramai lagi berusaha dengan rajin di

bidang pertanian sejajar dengan pembangunan yang lain untuk faedah rakyat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak juga sekarang adalah memerlukan pakar-pakar di bidang pertanian demi untuk kemajuan di bidang itu bagi memajukan negeri itu sebagai sebuah negeri yang begitu luas tanahnya yang terbiar begitu sahaja tidak memberi hasil, terutama di kawasan tanah pesaka bumiputra di kawasan pendalaman berdekatan dengan jalan-jalan yang sudah dan sedang dibuat oleh pihak Kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada pesatnya projek pembangunan di Bintulu sekarang maka rakyat bumiputra terutama pemborong atau kontraktor bumiputra yang berkelayakan seperti membuat rumah dan sebagainya dengan cara tender yang ditentukan oleh pihak berkenaan hendaklah diberi kepada rakyat bumiputra, terutama mereka di kawasan itu sendiri. Dengan cara begini kontraktor bumiputra yang tertentu tidak hanya sebagai sub-contractor sahaja seperti yang saya difahamkan selama ini.

Menyentuh mengenai peranan bank-bank perniagaan pula, terutamanya di negeri Sarawak hendaklah mempunyai perasaan menggalakkan bumiputra yang kurang modal dan pengalaman di dalam segala bidang pengetahuan, pembangunan itu sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru supaya pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru itu dapat dicapai matlamatnya yang sebenar seperti yang dicita-citakan oleh Kerajaan.

Dengan kesempatan ini juga suka saya untuk mendapat perhatian pihak yang berkenaan mengenai keadaan jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan di kampung-kampung yang tertentu di daerah luar bandar negeri Sarawak yang sudah begitu lapuk, baik yang di bawah tadbiran Majlis Kerajaan Tempatan mahupun di bawah tadbiran Jabatan Kerjaya. Dari keadaan beginilah sungutan-sungutan dari rakyat di tempatan yang sehingga sukar untuk hendak naik basikal pun kerana jalan-jalan itu berlubang di sana-sini apatah lagi di musim hujan, jalan yang dibuat dari tanah begitu sahaja bertukar keadaan seolah-olah jalan itu dipasang minyak tar belum kering. Beginilah yang dialami oleh sebahagian rakyat di luar bandar yang harus mendapat perhatian segera oleh pihak yang berkenaan.

Berbalik saya kepada keadaan lapangan-terbang kecil di daerah saya yang digunakan oleh Pesawat MAS BN 2 sebagai perkhidmatan udara luar bandar dan pendalaman negeri Sarawak. Apa yang mendukacitakan rakyat di daerah itu apabila sahaja selepas hujan turun di situ maka lapangan-terbang itupun tidak dapat digunakan oleh kapal-terbang yang kecil itu, baik turun mahupun naik kerana tanahnya lembut merbahaya bagi kapal-terbang berkenaan. Oleh hal yang demikian, selalu berlaku penerbangan terpaksa dibatalkan dengan mengejut yang menghampakan penumpang-penumpang datang dan pergi dari situ.

Beralih saya kepada ejen MAS yang menjual tiket kapal-terbang di Sarawak, ada terdapat ejen MAS akhir-akhir ini menjual tiket-tiket MAS yang menimbulkan masalah kepada penumpang-penumpang MAS. Misalnya dalam tiket yang dibeli itu telah ditulis dengan "OK", apabila penumpang itu sampai di lapangan-terbang yang berkenaan rupanya orang yang membeli tiket "OK" itu tadi tidak ada nama tercatat di senarai penumpang yang ditentukan itu. Ini sudah pasti menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada penumpang yang berkenaan dan terdapat juga tiket dikeluarkan oleh ejen MAS tertentu itu nombor flight dan waktu ditulis dalam tiket itu tidak betul dengan apa yang sebenarnya. Perkara seperti ini sangat mendukacitakan penumpang-penumpang MAS. Oleh keadaan yang demikian, saya berharap pihak yang bertanggungjawab atas perkara seperti ini memberitahu ejen MAS supaya menulis dalam tiket-tiket yang dijual itu hendaklah berhati-hati supaya tidak menyusahkan penumpang-penumpang yang menggunakannya, janganlah ambil ringan sahaja untuk mendapat komisen daripada jualan tiket-tiket itu tetapi masalah penumpang tidak diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia juga telah menegaskan tahun ini adalah merupakan tahun terakhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pula sampai ke peringkat pertengahan. Semenjak Sarawak merdeka dalam Malaysia mulai daripada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga sekarang segala bantuan Kerajaan Pusat ke negeri itu boleh

saya katakan sangat terhad dari segi kewangan untuk pembangunan yang dikehendaki oleh rakyat, terutama yang di luar bandar negeri itu. Oleh itu, saya berasa yakin kepada Kerajaan Pusat memberi bantuan kewangan sejajar dengan keadaan negeri Sarawak yang kurang maju dan segala bantuan seharusnya memberi makna yang ditujukan untuk membasmi kemiskinan di kalangan golongan rakyat, terutama petani, nelayan, pekebun kecil luar bandar di negeri itu.

Mengenai dengan masalah untuk membuat sebuah hospital baru di Sibü telah lama ke-dengaran. Semenjak awal Rancangan Malaysia Ketiga nampaknya sampai hari ini belum lagi ada terbukti. Berita itu adalah cadangan untuk dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat dan dimulai sekarang kerana perkara ini beberapa kali ditimbulkan oleh Wakil-wakil Rakyat di dalam Dewan Parlimen.

Bandar Sibü adalah sebuah bandar yang membangun pesat sekarang. Sungguhpun begitu apa yang mendukacitakan kita ialah masalah jalanraya yang begitu sempit tidak begitu memuaskan keadaannya. Saya berharap Jabatan Kerjaraya mahupun Kementerian yang berkenaan dapat mengatasi masalah ini.

Tentang Lapanganterbang Sibü pula setakat ini cuma boleh digunakan oleh pesawat Fokker serta pesawat yang kecil dari itu. Nampaknya keadaan di Sibü pada masa ini penumpang-penumpang menggunakan perkhidmatan udara telah begitu meningkat sekali. Adakah rancangan membesar atau membuat lapanganterbang baru di Sibü di-segerakan oleh Kerajaan bagi membolehkan pesawat yang lebih besar dari Fokker mendarat di Sibü.

Tuan Yang di-Pertua, teringat saya kepada Jabatan Bomba di negeri Sarawak. Setakat yang saya ketahui Jabatan yang berkenaan itu sekarang masih lagi di bawah tadbiran Majlis Kerajaan Tempatan. Oleh itu, bilakah Jabatan yang berkenaan itu diambilalih oleh pihak Kerajaan Pusat bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik serta menambah lagi kakitangan bomba mengikut rentak di bidang pembangunan yang lain di negeri itu;

Tuan Yang di-Pertua, kami rakyat di negeri Sarawak juga berharap supaya kemasukan pelaburan modal dari negara asing dapat melabur lebih banyak lagi di dalam bidang perusahaan-perusahaan kayu-kayan dan sebagainya. Atas perkara ini kami cukup yakin kepada Kerajaan Pusat memberi dorongan dan sokongan khas demi untuk kemajuan rakyat dan negeri Sarawak yang boleh dianggap sebagai salah sebuah negeri yang masih lagi jauh ketinggalan di bidang inklus-tri.

Akhir kata, saya dengan perasaan sukacita turut sama-sama menyokong Usul Titah Ucapan Kebawah Duli yang dibentangkan di hadapan Dewan yang mulia ini dan berdoa agar segala-galanya mendapat rahmat pemberian Tuhan kepada rakyat dan negara Malaysia dalam keadaan aman, damai untuk selama-lamanya.

7.23 *mlm.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sungguh bertuah kerana dapat bersama-sama dengan sahabat saya mendengar Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17hb Mac yang lalu.

Jarang-jarang saya dan saya percaya sahabat-sahabat saya merasa yang kedaulatan Raja itu sampai ke badan sehinggakan bulu roma kita tegak. Begitulah caranya Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyampaikan Titahnya. Tiap-tiap perkataan yang dilafazkan mempunyai erti, bukannya dia hanya membaca tetapi pada saya tiap-tiap perkataan itu telah dilafazkan dengan penuh perasaan dan dengan penuh makna.

Sistem pemerintahan kita yang ada sekarang ini menganggap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai satu daripada tiga badan yang meluluskan undang-undang. Beliau sebagai pemerintah utama, beliau sebagai tempat mendapat belas kasihan dan lebih-lebih lagi daripada beliaulah rakyat jelata berharap mendapat panduan dari saya rasa Titah Ucapan beliau telah memenuhi semuanya.

Tidak ada perkara yang tidak disentuh dan bukannya beliau menyentuh dengan sewenang-wenangnya tetapi seperti saya katakan tadi dengan penuh perasaan. Saya bernasib baik dapat duduk berhampiran dengan singgahsana dan saya perhatikan bila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyentuh sesuatu Kementerian, saya melihat mata beliau mengarah kepada Menteri yang berkenaan. Bila beliau menyentuh berkenaan dengan masalah luar negeri, arah mukanya dihadapkan kepada duta-duta yang ada bersama. Itu menunjukkan bahawa apa yang dititahkan kepada rakyat jelata memang dititahkan dengan perasaan yang tulus ikhlas dengan pengertian yang sebaik-baiknya. Itulah sebab saya katakan saya bertuah dan bernasib baik kerana dapat hadir bersama-sama sahabat saya pada hari itu mendengar Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Beliau telah menyentuh bukan sahaja rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan dalam Parlimen Yang Kelima ini,

tetapi beliau juga telah menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, perkara-perkara yang akan menjadi babak-babak yang mungkin boleh memecah-belahkan persatuan rakyat. Saya sangat terharu kepada teguran Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan keutuhan agama Islam dan izinkan saya memetik sedikit apa yang telah dilafazkan oleh Baginda:

"Dalam hubungan ini, Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta yang beragama Islam bahawa keutuhan agama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan **negara.**"

Tuan (Timbalan) **Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 **petang** hari esok, 9hb April, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 730 malam.